

Tinjauan

Ekonomi Malaysia kekal kukuh...

Ekonomi Malaysia terus menunjukkan daya tahan yang semakin kukuh walaupun dalam persekitaran harga minyak mentah dunia yang terus tinggi, peningkatan tekanan inflasi dan dasar monetari yang semakin ketat khususnya di ekonomi maju utama. Perkembangan ekonomi Malaysia yang berterusan adalah sejajar dengan pertumbuhan kukuh ekonomi dunia, terutamanya di Amerika Syarikat (AS) dan rantau Asia meskipun pada awalnya terdapat kebimbangan tentang kenaikan harga minyak. Pertumbuhan di AS masih menggalakkan walaupun kadar faedah meningkat, manakala pertumbuhan rantau Asia terus berkembang dipacu oleh permintaan domestik yang kukuh serta disokong oleh peningkatan perdagangan serantau. China khususnya, dijangka sekali lagi mencatatkan pertumbuhan tinggi sebanyak 10.4% manakala ekonomi Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) berkembang 5.8% pada tahun 2006.

Momentum pertumbuhan di Malaysia kekal kukuh, disokong oleh permintaan domestik yang teguh dan prestasi eksport yang baik. Pertumbuhan juga didorong oleh pembiayaan kewangan yang menggalakkan dan keadaan pasaran buruh

yang baik. Keputusan strategik Kerajaan untuk bertukar daripada rejim kadar pertukaran tetap kepada apungan terurus telah diterima dengan baik dan seterusnya merangsang keyakinan pelabur dan pengguna. Faktor ini berserta dengan dasar mesra perniagaan dan kestabilan politik terus menyediakan persekitaran yang kondusif bagi membolehkan ekonomi Malaysia terus berkembang. KDNK benar berkembang pada kadar yang kukuh sebanyak 5.9% dalam suku kedua tahun 2006 berikutan pertumbuhan 5.5% pada suku pertama tahun 2006, selepas mencatat pertumbuhan 5.2% pada suku keempat tahun 2005. Pertumbuhan yang baik ini dijangka berterusan bagi suku tahunan yang akan datang dengan purata pertumbuhan sebanyak 5.8% bagi keseluruhan tahun 2006. Pertumbuhan dijangka lebih kukuh pada separuh kedua seperti yang dicerminkan dalam aliran meningkat Indeks Pelopor Jabatan Perangkaan Malaysia (DOS) dan *Business Conditions Index* (BCI) Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER). Bagi tempoh suku kedua tahun 2006, Indeks Pelopor mencatatkan peningkatan sebanyak 6.3% (Januari-Mac 2006: 2.9%) manakala BCI untuk separuh pertama tahun 2006 kekal melebihi tahap ambang, menandakan keyakinan pelabur yang masih kukuh dalam ekonomi.

Pertumbuhan tahun 2006 dijangka menyeluruh dengan sumbangan positif daripada semua sektor, diterajui oleh perkhidmatan, pembuatan dan pertanian. Perbelanjaan penggunaan

domestik yang kukuh dan pengembangan berterusan aktiviti berkaitan perdagangan dijangka memacu kegiatan sektor perkhidmatan, terutama subsektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran; pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi; dan perkhidmatan kewangan. Trend yang meningkat bagi permintaan global elektronik akan memberi kesan positif kepada eksport produk elektrik dan elektronik (E&E) Malaysia, menyumbang kepada pertumbuhan pengeluaran pembuatan yang lebih kukuh. Sementara itu, harga komoditi yang tinggi, terutama getah dan minyak sawit, dijangka menggalakkan pengeluaran dan menjana lebih pendapatan untuk pekebun kecil dan petani serta syarikat berasaskan komoditi.

Dasar monetari tahun 2006 terus memberi penekanan kepada pertumbuhan dengan kestabilan harga. Kerajaan akan meneruskan dasar monetari yang sentiasa mengimbangi keperluan bagi menangani tekanan inflasi sementara memastikan persekitaran yang kondusif bagi aktiviti pelaburan dan perniagaan. Paras inflasi yang terus berada di bawah 2% setahun bagi tempoh 2000-2004 meningkat kepada 3% pada tahun 2005 dan meningkat lagi kepada 3.9% bagi tempoh tujuh bulan pertama 2006, berikutan paras harga runcit terkawal yang lebih tinggi bagi produk petroleum. Peningkatan tekanan inflasi ini bagaimanapun, dijangka menyederhana kesan daripada peningkatan nilai ringgit yang sebahagiannya membantu mengurangkan kos import. Selepas mengambil kira komitmen Kerajaan untuk tidak menaikkan harga runcit produk petroleum sehingga akhir tahun serta impak minimum daripada kenaikan tarif elektrik, inflasi dijangka berada pada kadar 3.7% bagi keseluruhan tahun 2006. Sementara itu, peningkatan produktiviti juga membantu mengurangkan kos pengeluaran.

Kadar pengangguran dijangka kekal di bawah 4% pada tahun ini, menunjukkan ekonomi dalam gunatenaga penuh sejak tahun 1992 dan sejajar dengan pertambahan peluang pekerjaan ekoran pengembangan aktiviti ekonomi domestik serta sentimen perniagaan yang positif. Tambahan pula, Kerajaan terus mengambil langkah bagi meningkatkan bilangan pekerja mahir melalui latihan dan latihan semula, di samping meminimumkan ketidakpadanan antara kemahiran dan keperluan serta mengimbangi

jurang antara permintaan dan penawaran dalam pasaran buruh. Namun, pengangguran di kalangan graduan masih menjadi satu masalah memandangkan lebih kurang 73,000 graduan masih lagi menganggur dilaporkan dalam suku pertama tahun 2006, mengikut Penyiasatan Tenaga Buruh. Sebilangan besar daripada mereka adalah graduan dalam bidang pentadbiran perniagaan dan sumber manusia serta sains komputer dan teknologi maklumat. Pelbagai program sedang dilaksanakan bagi menangani masalah ini.

Malaysia terus merekodkan lebihan dagangan walaupun kadar pertumbuhan import melebihi eksport berikutan dengan perkembangan luar yang terus positif. Dengan kemasukan modal asing yang berterusan, imbalan pembayaran (BOP) keseluruhan dijangka kekal teguh pada tahun 2006, mengukuhkan lagi asas-asas ekonomi serta memantapkan keyakinan pelabur. Selaras dengan kecergasan aktiviti ekonomi, pendapatan negara seperti ditunjukkan oleh Keluaran Negara Kasar (KNK) pada harga semasa dijangka bertambah 11.6% kepada RM525,853 juta dengan pendapatan per kapita meningkat 9.4% kepada RM19,739 (2005: 10.7%; RM471,331 juta; 8.4%; RM18,039). Dengan mengambil kira kadar pertukaran matawang dan paras inflasi, pendapatan per kapita dari segi pariti kuasa beli (PPP) dianggarkan meningkat 11.8% kepada USD11,871 pada tahun 2006 (2005: 9.2%; USD10,614).

Prestasi Permintaan Dalam Negeri

Sektor swasta terus meneraju pertumbuhan ekonomi...

Ekonomi Malaysia terus diterajui oleh peningkatan perbelanjaan **permintaan dalam negeri** berikutan aktiviti sektor swasta yang memberangsangkan disokong oleh pertumbuhan eksport yang menggalakkan. Sektor swasta yang kembali menerajui pertumbuhan sejak 2003 terus memacu aktiviti ekonomi domestik pada tahun 2006.

Dengan persekitaran perniagaan yang menggalakkan dan kemudahan pembiayaan yang baik, peningkatan pendapatan boleh guna isi rumah serta keadaan pasaran buruh yang stabil,

JADUAL 3.1

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mengikut Agregat Permintaan 2005-2007

(pada harga benar 1987)

	Perubahan (%)			Bahagian kepada KDNK (%)			Sumbangan kepada pertumbuhan KDNK (mata peratusan)		
	2005	2006 ¹	2007 ²	2005	2006 ¹	2007 ²	2005	2006 ¹	2007 ²
KDNK	5.2	5.8	6.0	100.0	100.0	100.0	5.2	5.8	6.0
Permintaan dalam negeri³	7.3	7.8	7.1	91.5	93.3	94.2	6.5	7.1	6.6
Perbelanjaan swasta	9.1	7.6	7.2	62.0	63.2	63.9	5.4	4.7	4.6
Penggunaan	9.2	7.1	6.4	50.0	50.7	50.9	4.4	3.5	3.3
Pelaburan	8.5	10.1	10.5	12.0	12.5	13.0	1.0	1.2	1.3
Perbelanjaan awam	3.6	8.0	6.7	29.5	30.1	30.3	1.1	2.4	2.0
Penggunaan	5.4	5.5	5.4	14.7	14.7	14.6	0.8	0.8	0.8
Pelaburan	1.9	10.6	8.0	14.8	15.4	15.7	0.3	1.6	1.2
Perubahan dalam stok				-0.3	0.2	0.3	-2.6	0.6	0.1
Sektor luar	16.7	-22.0	-9.9	8.8	6.5	5.5	1.3	-1.9	-0.7
Eksport ⁴	8.6	7.7	7.4	121.2	123.4	125.0	10.1	9.3	9.1
Import ⁴	8.0	10.0	8.4	112.4	116.9	119.5	8.8	11.2	9.8
KDNK (RM bilion, harga semasa)	495.2	548.4	596.8						
Perubahan (%)	10.0	10.7	8.8						

¹ Anggaran.

² Unjuran.

³ Tidak termasuk perubahan dalam stok.

⁴ Barangan dan perkhidmatan bukan faktor.

Sumber: Kementerian Kewangan dan Jabatan Perangkaan Malaysia.

perbelanjaan sektor swasta dijangka terus berkembang 7.6% (2005: 9.1%). Perkembangan ini dipacu oleh pelaburan dan penggunaan perbelanjaan yang lebih tinggi yang mana sektor swasta menyumbang 4.7 mata peratus kepada pertumbuhan keseluruhan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) benar pada tahun 2006, *seperti di Jadual 3.1*. Oleh itu, peratusan bahagian sektor swasta kepada KDNK dijangka terus meningkat kepada 63.2% pada tahun 2006. Sementara itu, bahagian **perbelanjaan sektor awam** pula dijangka meningkat sedikit kepada 30.1% pada tahun 2006 (2005: 29.5%) berikutan perbelanjaan bertambah pada kadar 8% (2005:


3.6%) dan menyumbang 2.4 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK. Kesannya, **agregat permintaan domestik** benar (tidak termasuk perubahan dalam stok) dijangka meningkat kukuh pada kadar 7.8%. Sumbangan sektor luar kepada pertumbuhan KDNK pula berkurangan berikutan peningkatan pesat import, terutama bagi barangan modal dan pengantara yang sebahagian besarnya bagi menampung aktiviti pelaburan dan pelaburan semula. Kegiatan ini dijangka menambahkan lagi kapasiti pengeluaran negara dan seterusnya membantu meningkatkan potensi output bagi tempoh jangka sederhana dan panjang.

Pelaburan swasta dijangka terus kukuh kepada 10.1% dan merangkumi 12.5% bahagian kepada KDNK pada tahun 2006 (2005: 8.5%; 12%) berikutan keyakinan pelabur yang positif. Sentimen ini dicerminkan oleh BCI yang mencatat 102.4 mata bagi suku kedua tahun 2006, melebihi tahap ambang 100 mata. Jangkaan pertumbuhan mantap pelaburan swasta bagi tahun 2006 juga digambarkan melalui penunjuk-penunjuk pelaburan utama, seperti di *Carta 3.1*. Ini termasuk peningkatan import barangan modal sebanyak 17.1% dan barangan pengantara sebanyak 7.9% (Januari-Jun 2005: 8.8%; 8.1%). Sementara itu, pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor perniagaan oleh sistem perbankan pula meningkat 16.6% kepada RM101,351 juta (Januari-Jun 2005: 11.1%; RM86,915 juta).


Hasil Penyiasatan Jangkaan Perniagaan yang dijalankan oleh DOS bagi tempoh enam bulan pertama 2006 juga menunjukkan perbelanjaan modal yang lebih tinggi oleh sektor swasta dengan sektor perkhidmatan sebagai penyumbang terbesar sebanyak 52.8%, pembuatan (25.8%), perlombongan (petroleum) dan elektrik (16.7%) serta pertanian (2.8%). Pelaburan bagi sektor perkhidmatan dijangka sebahagian besarnya dalam subsektor telekomunikasi, perkhidmatan kewangan, perdagangan edaran, hotel dan restoran dan perkhidmatan berkaitan pembuatan seperti pusat pengedaran serantau dan perkhidmatan sokongan. Peningkatan semula aktiviti elektronik serta prestasi kukuh industri tekstil dan petroleum sejajar dengan pertambahan permintaan global telah membantu merangsang perbelanjaan pelaburan dalam sektor pembuatan. Aktiviti pelaburan dalam sektor pembuatan telah dicergaskan lagi dengan penubuhan Bank SME pada Oktober 2005. Pinjaman yang dikeluarkan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) meningkat 23.6% kepada RM65,575 juta bagi tempoh enam bulan pertama 2006, mewakili 24.8% daripada keseluruhan pinjaman dikeluarkan oleh sistem perbankan (Januari-Jun 2005: 124.1%; RM53,036 juta; 20.7%). Peningkatan pinjaman yang dikeluarkan bagi PKS selaras dengan dasar Kerajaan untuk mempercepatkan kemajuan PKS seperti digariskan dalam rancangan-rancangan pembangunan negara, termasuk Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9).

CARTA 3.1

Penunjuk Pelaburan Swasta



CARTA 3.2

Penunjuk Penggunaan Swasta^a Anggaran.¹ Pada akhir tahun dan pada 15 Ogos 2006.

Bagi sektor pertanian, sebahagian besar pelaburan adalah dalam bidang pertumbuhan baru seperti hortikultur, bioteknologi pertanian serta industri makanan halal dengan penglibatan yang menggalakkan daripada pelabur tempatan dan luar negara.

Malaysia terus berupaya menarik pelaburan langsung asing (FDI), meskipun menghadapi saingan hebat dari negara pengeluar berkos rendah dan pasaran ekonomi domestik yang besar di Asia serta kemunculan ekonomi baru di Eropah Timur. Bagi tempoh suku pertama 2006, jumlah bersih kemasukan FDI mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 21.2% kepada RM3,696 juta (Januari-Mac 2005: -13.4%; RM3,049 juta) dengan sektor pembuatan merangkumi 66.2% daripada keseluruhan FDI diikuti oleh kewangan perantaraan sebanyak 12.9% dan perlombongan dan kuari sebanyak 11.5%. Di kalangan negara ASEAN, Malaysia terus menjadi destinasi pilihan pelaburan asing seperti yang dicerminkan dalam imbangan pembayaran tunai (cash BOP) yang mencatatkan kemasukan bersih sebanyak RM3.4 bilion bagi tempoh lima bulan pertama 2006 (Januari-Mei 2005: RM5.5 bilion).

Jumlah FDI dalam sektor pembuatan yang diluluskan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) meningkat 5.4% kepada RM6.9 bilion bagi tempoh enam bulan pertama 2006 (Januari-Jun 2005: 115%; RM6.5 bilion). Sementara itu, jumlah pelaburan domestik turut meningkat 27.8% kepada RM8.3 bilion bagi tempoh yang sama (Januari-Jun 2005: 57.5%; RM6.5 bilion), sejajar dengan usaha Kerajaan menggalakkan pelaburan langsung domestik (DDI) dan FDI yang berkualiti. Jumlah keseluruhan pelaburan terus meningkat 16.6% kepada RM15.2 bilion (Januari-Jun 2005: 81.8%; RM13.1 bilion), sebahagian besar adalah bagi pelaburan baru terutama bagi produk E&E, produk logam yang ditempa, jentera pembuatan, perabot dan perkakasan. Kadar penggunaan kapasiti sektor pembuatan juga tinggi, melebihi 80% bagi tempoh enam bulan pertama 2006 (Januari-Jun 2005: 82.8%).

Penggunaan swasta, merupakan komponen penting bagi perbelanjaan dalam KDNK dengan

TREND PERBELANJAAN PENGGUNAAN SWASTA

Pengenalan

Perbelanjaan penggunaan swasta (PPS), salah satu komponen Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), merupakan pembelian akhir untuk barangan dan perkhidmatan oleh isi rumah. Perbelanjaan ini juga merupakan salah satu penentu utama pertumbuhan ekonomi serta mempunyai kecenderungan untuk meningkat sejajar dengan pertumbuhan pendapatan. Bagi Malaysia, PPS telah meningkat kukuh pada kadar purata tahunan 5.9% dalam nilai benar yang mana selaras dengan peningkatan pendapatan benar sebanyak 6.1% seperti diukur oleh Keluaran Negara Kasar (KNK) bagi tempoh tahun 1991-2005. Walaupun sumbangan PPS bagi Malaysia agak besar kira-kira 43% daripada nilai semasa KDNK pada tahun 2004, peratusannya adalah lebih rendah berbanding dengan ekonomi-ekonomi lain seperti Amerika Syarikat (70%), United Kingdom (65%) dan Jepun (57%) serta negara-negara Asia lain seperti Filipina (69%), India (64%) dan Indonesia (67%). Walau bagaimanapun, ia agak setanding dengan Singapura (44%) dan China (43%).

PPS memainkan peranan lebih penting terutamanya ketika ekonomi menghadapi pertumbuhan yang perlahan akibat penguncupan pelaburan langsung asing dan pengurangan eksport. Keadaan ini jelas seperti selepas berlakunya krisis kewangan Asian tahun 1997/98 dan peristiwa September 11 pada tahun 2001. Berikutan daripada krisis tersebut, kebanyakan negara Asia, termasuk Malaysia telah memberi lebih penekanan kepada penjana pertumbuhan permintaan domestik terutamanya melalui rangsangan perbelanjaan pelaburan dan penggunaan swasta, di samping menyediakan iklim pelaburan yang kondusif dan kos kendalian perniagaan yang kompetitif yang seterusnya meningkatkan daya saing negara. Langkah-langkah yang diambil ini adalah perlu untuk memulihkan pertumbuhan dan mengukuhkan asas-asas ekonomi dengan tujuan untuk mencapai pembangunan ekonomi yang mapan dalam jangka panjang. Rencana ini memaparkan trend umum dalam PPS serta peranannya yang penting dalam menyokong pertumbuhan KDNK Malaysia bagi tempoh tahun 1991-2005.

Penggunaan Swasta dan Pendapatan



Teori penggunaan menyatakan bahawa PPS secara umumnya bergerak selari dengan pendapatan. Ini terbukti benar dalam kes Malaysia, seperti di *Carta 1*. Bagi tempoh 15 tahun (1991-2005), seperti yang dijangka, trend pertumbuhan bagi kedua-dua PPS dan pendapatan benar pada keseluruhan bergerak rapat dan pada arah aliran yang sama kecuali pada tahun 1994. Pada tahun tersebut, PPS menunjukkan trend meningkat berikutan kadar syarat perdagangan yang lebih baik manakala pendapatan meningkat pada kadar yang lebih rendah disebabkan pengaliran keluar bersih faktor pembayaran luar yang lebih besar dan perbelanjaan pelaburan awam yang perlahan. Walau bagaimanapun, prestasi keseluruhan PPS adalah kukuh dalam tempoh kajian, mencatatkan purata pertumbuhan benar sebanyak 5.9% setahun berbanding peningkatan pendapatan benar sebanyak 6.1%, seperti di *Jadual 1*.

Tempoh Pengembangan: 1991-1997

Bagi tempoh tahun 1991-1997, PPS telah meningkat dengan kukuh pada kadar purata 7.4% setahun dalam nilai benar yang mana selaras dengan trend peningkatan pendapatan benar sebanyak 8.7%. Tempoh ini merupakan tempoh pengembangan ekonomi yang berterusan bagi Malaysia, melebihi tahap potensi pertumbuhan ekonomi negara. Perkembangan ini adalah hasil daripada permintaan luar yang menggalakkan dan aktiviti ekonomi domestik yang cergas. Pertumbuhan ekonomi ini telah dipacu oleh sektor swasta (10.9%), walaupun sektor awam turut menunjukkan prestasi yang baik (8.7%).

1 Sumber: Akaun Keluaran dan Perbelanjaan Negara, 1987-2005, Jabatan Perangkaan Malaysia.

Adalah diperhatikan bahawa PPS terus menunjukkan prestasi yang kukuh dan tidak terjejas sekalipun langkah telah diambil untuk mengurangkan lebih permintaan dan menangani risiko kemaruahan ekonomi, termasuk pelaksanaan dasar monetari yang ketat dan langkah fiskal yang berhemat bagi memperlahankan PPS yang berlebihan dan menggalakkan simpanan. Kemapanan PPS ini didorong sebahagian besarnya oleh pertambahan pendapatan boleh guna dan keuntungan korporat serta pengukuhan sentimen perniagaan dan kenaikan harga komoditi utama termasuk getah dan minyak kelapa sawit, seperti di *Jadual 1*. Kesan positif kekayaan berikutan prestasi pasaran saham yang lebih baik dan peningkatan pendapatan ekoran pengukuhan pasaran kediaman juga merupakan faktor-faktor tambahan yang mengekalkan pendapatan isi rumah dan PPS dalam tempoh tersebut.



Tempoh Empat Tahun Ketidakstabilan: 1998-2001

Krisis kewangan Asia pada tahun 1997/98 dan peristiwa September 11 pada tahun 2001 merupakan dua keadaan yang memberi cabaran besar kepada ekonomi Malaysia dalam tempoh empat tahun 1998-2001 yang tidak menentu. Dalam tempoh ini, PPS telah mengalami penguncupan sebanyak 10.2% dalam nilai benar manakala pendapatan benar berkurangan 5.2% pada tahun 1998. Kemerosotan PPS pada tahun 1998, setelah mencatat pengembang pada kadar purata tahunan sebanyak 7.4% bagi tempoh tujuh tahun pertama 1990an, disebabkan oleh kesan penularan krisis kewangan serantau yang mana turut menggugat ekonomi Malaysia. Akibatnya, perbelanjaan isi rumah telah terjejas dengan teruknya berikutan kedudukan kekayaan kewangan individu terhakis ekoran kejatuhan pasaran saham dan harga aset serta ketidaktentuan pekerjaan dan kadar faedah yang tinggi, seperti di *Jadual 1*. Tambahan pula, pendapatan nominal per kapita dalam dolar AS telah merosot kepada hampir satu per tiga daripada paras asal akibat penyusutan nilai ringgit yang ketara.

Sebagai tindak balas kepada ketidaktentuan perkembangan luar, pelaksanaan langkah yang digariskan dalam Pelan Pemulihan Ekonomi Negara pada Julai 1998 diikuti dengan pengenalan langkah kawalan tukaran terpilih dan tambatan ringgit kepada dolar AS pada September 1998, telah berjaya memulihkan

keyakinan pengguna dan pelabur secara beransur. Menjelang tahun 2000, PPS telah meningkat kukuh sebanyak 13% selaras dengan kenaikan 6.4% pendapatan ekoran kecergasan aktiviti ekonomi dalam negeri. Keadaan ini juga disokong oleh kesan positif dasar pengembangan fiskal dan dasar kewangan yang akomodatif serta persekitaran global dan serantau yang menggalakkan.

Jadual 1:

**Penggunaan Swasta dan Penunjuk Ekonomi Utama yang Lain
Pertumbuhan Tahunan (%) untuk Tahun Terpilih**

	1991-05 (Purata)	1991	1992	1995	1998	2000	2001	2004	2005
Penggunaan swasta:									
Nilai nominal	8.7	14.3	7.4	13.3	-7.9	16.2	3.6	11.8	12.0
Nilai benar	5.9	9.0	4.7	11.7	-10.2	13.0	2.4	10.5	9.2
Bahagian kpd KDNK (%)									
Nilai nominal	44.7	52.2	50.3	47.9	41.6	42.4	45.0	42.8	43.6
Nilai benar	47.4	52.0	50.0	49.2	45.0	45.3	46.2	48.2	50.0
Pendapatan:									
KNK nominal	9.9	12.5	11.2	14.0	0.5	12.3	-1.8	14.2	10.7
KNK benar	6.1	8.6	7.0	9.4	-5.2	6.4	1.2	7.4	5.5
KDNK benar	6.2	9.5	8.9	9.8	-7.4	8.9	0.3	7.2	5.2
Pendapatan per kapita:									
KNK nominal (RM)	11,997	6,919	7,492	10,252	12,080	13,378	12,859	16,637	18,039
Pertumbuhan nominal	7.3	9.8	8.3	10.8	-1.9	8.6	-3.9	11.8	8.4
Kadar syarat perdagangan	0.8	0.5	0.7	1.6	-1.2	1.3	-1.5	2.7	1.3
Harga getah (Sen/kg)	300	213	208	385	261	243	206	461	523
Harga minyak sawit (RM/tan)	1,313	837	918	1,473	2,380	997	895	1,664	1,398
Harga kediaman	6.2	25.5	12.2	18.4	-9.5	6.0	1.1	4.8	2.4
Komposit KL ¹ (Indeks)	820	556	644	995	586	680	696	907	900
Wang secara kecil ¹ (M2)	14.2	14.5	19.1	24.0	1.5	5.2	2.2	25.4	15.4
Pekerjaan	2.9	3.1	3.0	4.8	0.4	4.8	0.9	3.4	0.6
Caruman bersih KWSP (RM juta)	7,232	2,986	4,612	7,298	1,191	10,555	-2,004	11,221	12,916
Kadar inflasi	3.0	4.4	4.6	3.4	5.3	1.6	1.4	1.4	3.0
Purata kadar pinjaman (Bank Komersial)	8.34	9.72	10.29	9.28	9.72	7.46	6.67	5.98	6.12
Kredit penggunaan ¹ (Bank Komersial)	30.6	25.6	15.0	31.3	-5.0	6.1	7.7	168.5	54.0
Perdagangan borong dan runcit (nilai benar)	6.8	16.9	12.4	10.9	-3.1	4.7	2.2	6.9	8.7
Import barangan penggunaan	11.2	31.5	1.0	14.1	-6.4	14.9	-2.5	22.9	5.8
Jualan kereta penumpang	9.3	14.2	-10.9	43.1	-54.8	15.9	15.9	15.4	6.5
Jualan motosikal	2.8 ²	n.a.	n.a.	5.6	-38.8	-0.8	-8.6	48.2	11.3
Gaji dan upah (Sektor pembuatan)	11.7	18.6	21.1	19.6	-0.9	15.5	3.0	7.7	7.1
Pendapatan sektor korporat ³	13.7	19.0	15.4	19.5	5.4	30.4	-6.8	15.5	11.2

¹ Angka merujuk kepada tempoh akhir.

² Angka merujuk kepada purata pertumbuhan bagi tempoh tahun 1995-2005.

³ Angka merujuk kepada hasil kasar syarikat-syarikat berhad (Penyiasatan Jangkaan Perniagaan).

Sumber: Kementerian Kewangan dan Jabatan Perangkaan Malaysia.

Walau bagaimanapun, pemulihan PPS sekali lagi terhalang pada tahun 2001, dicetuskan oleh kesan kelembaran ekonomi AS dan diburukkan lagi oleh peristiwa September 11. Bagi mengurangkan kesan negatif permintaan luar yang semakin lemah (-7.5%) dan penguncupan pelaburan domestik swasta (-19.9%), Kerajaan telah memperkenalkan dua pakej rangsangan fiskal pada bulan Mac dan September tahun 2001. Hasilnya, pertumbuhan PPS dapat dikekalkan pada kadar positif 2.4% manakala pendapatan turut meningkat 1.2%. Kedua-dua pakej fiskal ini menampakkan perbelanjaan sektor awam meningkat dengan ketara yang mana telah merangsang aktiviti ekonomi domestik dan meningkatkan pendapatan boleh guna isi rumah. Tambahan pula, langkah-langkah dalam Bajet 2001 yang diumumkan lebih awal seperti pemberian rebat cukai individu yang lebih tinggi untuk golongan pendapatan rendah dan sederhana, kenaikan elaun kakitangan awam bagi kategori tertentu dan pengurangan caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) juga telah membantu merangsang PPS.

Dalam tempoh tahun 1998-2001 yang mencabar, peranan PPS dalam menyokong pertumbuhan ekonomi adalah jelas. Ketika itu, kadar purata pertumbuhan keseluruhan KDNK benar adalah sebanyak 1.8% dalam keadaan pelaburan swasta menguncup 22.2%. Oleh itu, kadar pertumbuhan KDNK benar boleh menjadi lebih buruk jika tidak kerana sumbangan positif PPS yang meningkat pada kadar 1.7%.

Tempoh Pemulihan: 2002-2005

Untuk baki tempoh kajian tahun 2002-2005, PPS benar telah berkembang pada kadar lebih pesat sebanyak 7.7%, mengatasi kadar peningkatan pendapatan benar sebanyak 6.2% berikutan sentimen pengguna yang semakin meyakinkan. Malahan prestasi PPS terus meningkat, meskipun terdapat ketidakpastian dalam persekitaran luar disebabkan perang di Iraq, penularan penyakit Sindrom Akut Pernafasan Teruk (SARS) dan harga minyak mentah yang terus tinggi. Perkembangan PPS yang menggalakkan ini juga disokong oleh aktiviti domestik yang teguh. Dalam tempoh ini juga, aktiviti sektor swasta kembali pulih dan dimantapkan lagi oleh prestasi eksport yang bertambah baik. Perkembangan ini telah membawa kesan positif kepada peningkatan keuntungan korporat dan pendapatan boleh guna isi rumah yang mana turut membantu mengekalkan PPS. Tambahan lagi, pendapatan sektor luar bandar juga meningkat hasil daripada harga komoditi yang lebih tinggi, terutamanya getah. Prestasi yang menggalakkan ini dicerminkan melalui kenaikan ketara pembelian barang tahan lama oleh isi rumah, khususnya motosikal dan juga kereta penumpang pada kadar yang sederhana, seperti di *Jadual 1*. Trend PPS yang meningkat juga berpunca sebahagiannya daripada kesan permintaan terpendam pengguna yang telah menangguhkan pembelian mereka ketika tempoh tidak stabil tahun 1998-2001.

Sebagai tambahan, ketetapan dasar monetari dan fiskal yang diambil oleh Kerajaan sudah cukup bagi menyokong untuk mengekalkan peningkatan PPS dan pertumbuhan ekonomi. Ini termasuk usaha Kerajaan dalam melaksanakan beberapa pakej ekonomi seperti Strategi Baru Ke arah Merangsang Pertumbuhan Ekonomi Negara pada Mei 2003. Langkah-langkah ini bertujuan mengurangkan beban kewangan yang dihadapi oleh sektor isi rumah dan syarikat yang telah terjejas akibat SARS pada tahun 2003. Antara langkah yang telah diambil termasuk mengurangkan caruman KWSP oleh pekerja, menyediakan bonus tambahan untuk kakitangan kerajaan dan mengurangkan kos kendalian perniagaan, khususnya bagi industri berkaitan pelancongan dan pembinaan.

Langkah-langkah dalam Bajet 2004 dan 2005 membolehkan sektor swasta memainkan semula peranannya sebagai peneraju pertumbuhan ekonomi juga membantu mengekalkan pertumbuhan PPS melalui beberapa langkah. Ini termasuk pengecualian penuh cukai jalan bagi kapasiti enjin motosikal tidak melebihi 150 cc, pengurangan 50% cukai jalan bagi bas untuk pekerja dan pemberian rebat cukai yang lebih tinggi kepada individu untuk pembelian komputer peribadi dan buku. Pelepasan cukai tambahan diberi kepada ibu bapa yang mempunyai anak yang sedang menuntut di institusi pengajian tinggi tempatan. Pelepasan ini juga diberi ke atas caruman kepada KWSP dan pembayar cukai kurang upaya serta insurans nyawa dan premium takaful.

Hala Tuju Masa Hadapan Penggunaan Swasta

Secara keseluruhannya, seperti dijangka, trend PPS meningkat berikutan kenaikan pendapatan dalam tempoh kajian. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit perubahan pada corak penggunaan sepanjang tempoh tersebut. Perubahan trend perbelanjaan ini digambarkan seperti di jadual berikut.



Jadual 2:

**Purata Perbelanjaan Bulanan Per Isi Rumah, Malaysia
1993/94, 1998/1999 dan 2004/05**

	1993/94	1998/99	2004/05	1993/94	1998/99	2004/05
	Nilai (RM)			Bahagian kepada Jumlah (%)		
Makanan dan pakaian	343	454	487	29.5	27.8	24.9
Makanan termasuk minuman dan tembakau	302	398	428	26.0	24.4	21.9
Pakaian dan kasut	41	56	59	3.5	3.4	3.0
Kediaman	310	447	513	26.7	27.4	26.3
Kediaman, air, elektrik, gas dan bahan api lain	245	363	430	21.1	22.3	22.0
Perabot, perkakas isi rumah dan penyelenggaraan harian	65	84	83	5.6	5.2	4.2
Pengangkutan dan komunikasi	192	286	417	16.5	17.5	21.4
Pengangkutan	168	227	314	14.5	13.9	16.1
Komunikasi	24	59	103	2.1	3.6	5.3
Pendidikan dan kesihatan	38	60	65	3.3	3.7	3.3
Pendidikan	17	31	38	1.5	1.9	1.9
Kesihatan	21	29	27	1.8	1.8	1.4
Kegiatan luar	198	279	305	17.1	17.1	15.6
Perkhidmatan rekreasi dan budaya	53	70	92	4.6	4.3	4.7
Restoran dan hotel	145	209	213	12.5	12.8	10.9
Pelbagai barangan dan perkhidmatan	80	105	166	6.9	6.4	8.5
JUMLAH	1,161	1,631	1,953	100.0	100.0	100.0

Sumber: Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah, 2004/05, Jabatan Perangkaan Malaysia.

Berdasarkan Penyiasatan Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah 2004/05, adalah diperhatikan bahawa trend peratusan bahagian pendapatan yang diperuntukkan untuk pembelian barangan pengangkutan dan komunikasi oleh isi rumah telah meningkat bagi tempoh tahun 1993/94-2004/05 manakala pembelian barangan keperluan, khususnya pakaian dan makanan, menunjukkan arah aliran menurun. Trend peningkatan yang lebih tinggi bagi perbelanjaan pengangkutan adalah berikutan pemilihan kenderaan yang lebih tinggi, disokong oleh pertambahan pendapatan dan kemudahan pembiayaan yang menarik. Sementara itu, penggunaan peralatan telekomunikasi berinovatif yang semakin popular telah menggalakkan pengguna untuk berbelanja lebih bagi barangan ini. Pertambahan perbelanjaan bagi barangan pengangkutan dan komunikasi juga disebabkan peningkatan kuasa beli isi rumah serta perubahan gaya hidup pengguna yang minatnya tidak hanya terhad kepada barangan keperluan tetapi juga bagi barang tahan lama yang sebelum ini di luar kemampuan mereka. Perubahan corak ini dapat dijelaskan oleh pertambahan bilangan isi rumah berpendapatan sederhana dan tinggi, sejajar dengan pengurangan jumlah kemiskinan di kawasan bandar dan luar bandar. Jika trend ini berterusan, di samping peningkatan bilangan golongan berumur dan saiz keluarga yang semakin kecil, PPS Malaysia pada masa hadapan berkemungkinan mengikut perubahan hala tuju yang pernah dialami oleh kebanyakan negara lain apabila pendapatan mereka bertambah. Ini dapat dijelaskan melalui gambar rajah taburan yang menerangkan perhubungan antara sumbangan PPS kepada KDNK dan pendapatan per kapita di kalangan negara terpilih pada pelbagai peringkat pembangunan ekonomi, seperti di *Carta 3*.



Carta 3 di atas juga menunjukkan hala tuju yang perlu dilalui oleh sesebuah negara ke arah sebuah ekonomi yang maju. Pada peringkat awal pembangunan ekonomi, peratusan bahagian PPS kepada KDNK menurun apabila pendapatan per kapita meningkat. Peningkatan seterusnya dalam pendapatan per kapita menyebabkan peratusan bahagian PPS kepada KDNK akan terus jatuh sehingga ke paras ambang yang terendah (lurah). Apabila sesebuah ekonomi mencapai paras ambang, sebarang kenaikan seterusnya dalam pendapatan per kapita akan disusuli dengan peningkatan peratusan bahagian PPS kepada KDNK. Dalam kata lain, pada peringkat awal pembangunan ekonomi ketika tahap pendapatan individu sangat rendah, secara amnya, pengguna lebih banyak membelanjakan pendapatan mereka untuk keperluan asas. Apabila tingkat pendapatan sesebuah negara itu beralih ke tahap yang lebih tinggi, maka semakin sedikit peratusan bahagian pendapatan mereka diperuntukkan untuk perbelanjaan keperluan asas manakala peratusan bahagian yang lebih tinggi diperuntukkan sebagai simpanan atau dilaburkan. Kesannya, peratusan bahagian PPS kepada KDNK akan terus menurun apabila pendapatan per kapita semakin meningkat. Jika paras ambang telah dicapai, peratusan bahagian PPS kepada KDNK akan meningkat sejajar dengan peningkatan pendapatan per kapita seterusnya. Ini memandangkan bahawa sebarang kenaikan pendapatan adalah lebih daripada mencukupi untuk membiayai perbelanjaan barangan keperluan asas. Oleh yang demikian, corak PPS beralih kepada perbelanjaan barangan dan perkhidmatan yang berkualiti dan bernilai tambah tinggi.

Bagi Malaysia, ia kini berada pada fasa ambang terendah keluk PPS dan pendapatan, seperti di *Carta 3*. Malah, Malaysia telah melepasi tempoh awal yang mana pendapatan terlalu rendah dan penggunaan yang tinggi sebagai bahagian kepada KDNK seperti di *Carta 4*. Oleh itu, sebarang kenaikan pendapatan per kapita seterusnya berkemungkinan besar diikuti dengan peningkatan peratusan bahagian PPS kepada KDNK. Arah aliran peningkatan PPS ini dijangka lebih menumpukan kepada barangan dan perkhidmatan berkualiti tinggi, termasuk barangan mewah, sebagaimana trend PPS di negara maju dengan pendapatan per kapita yang lebih tinggi.

Kesimpulan

Berdasarkan keseluruhan trend PPS dan gelagat pengguna dalam tempoh kajian, PPS dijangka terus kekal sebagai salah satu peneraju aktiviti ekonomi dalam negeri dan merupakan faktor penting dalam menjana pertumbuhan pada tahun-tahun akan datang. Peranan PPS dalam menyokong pertumbuhan ekonomi adalah jelas terbukti, khususnya bagi tempoh tahun 1998-2001, ketika ekonomi Malaysia menghadapi persekitaran luar yang mencabar dengan permintaan luar yang lemah dan penguncupan aktiviti pelaburan domestik swasta. Justeru, PPS akan terus berperanan sebagai salah satu penentu utama pertumbuhan ekonomi memandangkan prestasinya yang agak stabil dan sumbangannya yang besar kepada KDNK.

bahagian sebanyak 50.7%, dijangka mengekalkan momentum pertumbuhan pada kadar 7.1% (2005: 50%; 9.2%). Dari segi sumbangan, ia dijangka menjana 3.5 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK (2005: 4.4 mata peratusan). Faktor utama yang menggerakkan penggunaan swasta termasuk pertambahan pendapatan boleh guna isi rumah berikutan harga komoditi yang lebih tinggi, keadaan pasaran buruh dan pembiayaan kewangan yang mengalakkan. Peningkatan kukuh harga getah yang mencapai rekod tertinggi kepada RM8.96 sekilogram (kg) pada 3 Julai 2006 dalam tempoh 20 tahun dan harga minyak sawit yang terus meningkat kepada purata RM1,422 setan metrik bagi tempoh tujuh bulan pertama, merangsang pendapatan dan kuasa beli isi rumah, kira-kira 200,000 pekebun kecil getah dan 290,000 pekebun kecil kelapa sawit. Bagi tempoh enam bulan pertama 2006, penunjuk-penunjuk penggunaan utama, khususnya import barangan penggunaan menunjukkan trend peningkatan kukuh sebanyak 13.6% manakala jualan motosikal mencatatkan pertumbuhan sederhana 3.6% (Januari-Jun 2005: 7.3%; 15.1%), seperti di *Carta 3.2*. Penunjuk-penunjuk lain seperti pungutan cukai perkhidmatan meningkat kecil pada kadar 0.3% dan jualan makanan bertambah sebanyak 1.4% bagi tempoh enam bulan pertama (Januari-Jun 2005: 61.7%; 13.2%). Sebaliknya, perbelanjaan kad kredit berkembang kukuh sebanyak 15.3% dan kredit penggunaan meningkat 5.9% (Januari-Jun 2005: 21%; 45.5%).

Pertumbuhan perbelanjaan **penggunaan awam** dijangka mapan pada kadar 5.5% (2005: 5.4%) berikutan perbelanjaan bagi bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi, sebahagiannya bagi menambah baik jentera pentadbiran Kerajaan serta penyelenggaraan bangunan dan kelengkapan pejabat. Perbelanjaan **pelaburan awam** dianggarkan meningkat 10.6% pada tahun 2006 (2005: 1.9%) didorong oleh pelaksanaan projek-projek di bawah RMKe-9 serta pelaburan yang lebih tinggi oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK). Perbelanjaan ini dijangka dapat mengembangkan kapasiti pengeluaran negara serta meningkatkan pembangunan modal insan bagi memudahkan lagi proses transformasi negara ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan.

Prestasi Mengikut Sektor

Sektor perkhidmatan kekal sebagai peneraju utama pertumbuhan...

Pertumbuhan KDNK benar pada tahun 2006 dijangka menyeluruh dengan semua sektor menyumbang positif kepada keseluruhan perkembangan ekonomi. Sektor perkhidmatan yang menyumbang 58.2% kepada KDNK terus menjadi penggerak utama pertumbuhan, disokong oleh perkembangan kukuh subsektor borong, perdagangan runcit, hotel dan restoran dan subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi. Berikutan permintaan domestik yang terus kukuh dan kecergasan aktiviti berkaitan perdagangan, sektor perkhidmatan dianggarkan meningkat 5.7% (2005: 6.5%) dengan semua subsektor mencatatkan pertumbuhan positif. Sektor pembuatan yang mewakili 32% daripada KDNK kekal sebagai pemacu pertumbuhan kedua terbesar dan terus menjana peluang pekerjaan serta meningkatkan pendapatan eksport negara. Sektor ini dijangka merekodkan pertumbuhan kukuh sebanyak 7.3% pada tahun 2006 (2005: 5.1%), berikutan prestasi industri berorientasi eksport yang lebih baik, khususnya E&E, tekstil dan petroleum.

Sektor pertanian terus mendapat manfaat daripada usaha Kerajaan untuk mengubah dan memodenkan sektor ini kepada sektor yang berdaya maju, berskala besar dan lebih komersial. Nilai ditambah sektor pertanian dijangka meningkat dengan pesat sebanyak 5.3% (2005: 2.5%) didorong oleh peningkatan pengeluaran getah, pertambahan kukuh hasil ternakan dan tanaman makanan serta peningkatan semula subsektor perikanan. Dasar dan strategi Kerajaan ke arah meningkatkan pengeluaran makanan juga membantu sektor pertanian untuk terus berkembang. Nilai ditambah sektor perlombongan pula dijangka kekal pada kadar 2.4% (2005: 0.8%) disokong oleh pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih tinggi. Sektor pembinaan dijangka pulih pada tahun ini dengan mencatat pertumbuhan positif pada kadar 0.7% (2005: -1.6%), terutamanya berikutan kerja-kerja pembinaan sektor awam dan aktiviti kejuruteraan awam sektor swasta yang akan dilaksanakan pada separuh kedua tahun ini.

JADUAL 3.2

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mengikut Sektor 2005-2007

(pada harga benar 1987)

	Perubahan (%)			Bahagian kepada KDNK (%)			Sumbangan kepada pertumbuhan KDNK (mata peratusan)		
	2005	2006 ¹	2007 ²	2005	2006 ¹	2007 ²	2005	2006 ¹	2007 ²
Pertanian	2.5	5.3	4.7	8.2	8.2	8.1	0.2	0.4	0.4
Perlombongan	0.8	2.4	4.5	6.7	6.4	6.4	0.1	0.2	0.3
Pembuatan	5.1	7.3	6.8	31.6	32.0	32.2	1.6	2.3	2.1
Pembinaan	-1.6	0.7	3.7	2.7	2.6	2.6	0.0	0.0	0.1
Perkhidmatan	6.5	5.7	6.0	58.2	58.2	58.1	3.7	3.3	3.4
Tolak caj tertaksir									
perkhidmatan bank	3.6	2.9	3.5	9.3	9.0	8.8	0.3	0.2	0.3
Tambah duti import	-1.7	-11.9	-2.6	1.9	1.6	1.4	0.0	-0.2	0.0
KDNK	5.2	5.8	6.0	100.0	100.0	100.0	5.2	5.8	6.0

¹ Anggaran.

² Unjuran.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.


Sektor Pembuatan

Sektor pembuatan mendapat manfaat daripada aliran peningkatan kitaran elektronik global...

Nilai ditambah sektor **pembuatan** dijangka terus kukuh dan meningkat 7.3% pada 2006 (2005: 5.1%) dengan keluaran industri berorientasi eksport menyumbang 63.6% kepada keseluruhan pengeluaran. Prestasi memberangsangkan sektor pembuatan ini adalah berdasarkan pertumbuhan kukuh 8.7% output yang dicatat dalam tempoh enam bulan pertama 2006 (Januari-Jun 2005: 3.8%) dan jangkaan perkembangan berterusan dalam separuh kedua tahun 2006. Pertumbuhan kukuh dalam tempoh tersebut telah disumbangkan terutamanya oleh peningkatan dua digit pengeluaran industri berorientasi eksport iaitu E&E, produk petroleum dan tekstil.

CARTA 3.3

Prestasi Sektor Pembuatan (% perubahan tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

JADUAL 3.3

Indeks Pengeluaran Pembuatan¹
Januari-Jun
 (2000=100)

Industri	Indeks		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2005	2006	2005	2006	2005	2006
Industri berorientasi eksport	123.4	136.9	1.9	10.9	62.4	63.6
Produk elektronik dan elektrik	123.5	139.7	2.0	13.1	37.9	39.5
Produk berasaskan petroleum	140.2	157.2	10.4	12.1	11.9	12.3
Tekstil, pakaian dan kasut	79.2	89.0	-4.4	12.3	2.4	2.5
Kayu dan produk berasaskan kayu	110.1	110.8	0.9	0.7	3.2	3.0
Produk berasaskan getah	137.3	137.7	2.0	0.3	3.7	3.4
Jentera dan kelengkapan	130.1	128.4	-23.6	-1.3	2.1	1.9
Instrumen saintifik, optik dan perubatan	105.7	114.2	-2.8	8.0	1.1	1.1
Industri berorientasi domestik	130.0	136.6	6.9	5.0	37.6	36.4
Kimia dan produk kimia	137.1	139.9	2.6	2.1	9.8	9.2
Produk galian bukan logam dan yang berkaitan	115.1	112.9	4.1	-1.9	4.3	3.9
Produk plastik	146.3	177.5	16.5	21.3	4.8	5.3
Produk makanan	128.9	129.3	9.0	0.3	3.8	3.5
Kelengkapan pengangkutan	148.4	156.7	10.4	5.6	3.8	3.7
Pemprosesan di luar estet	126.4	128.3	20.4	1.5	3.2	3.0
Produk logam yang direka	123.5	148.7	-4.2	20.4	3.0	3.4
Logam asas	111.1	103.1	-0.2	-7.2	2.2	1.9
Kertas dan produk kertas	122.0	126.9	12.2	3.9	1.9	1.8
Minuman	115.1	106.2	11.8	-7.7	0.5	0.4
Produk tembakau	91.7	85.3	-2.3	-7.0	0.3	0.2
Jumlah	125.8	136.8	3.8	8.7	100.0	100.0

¹ Pertumbuhan sektor pembuatan diukur berdasarkan Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP). Pengkajian semula IPP oleh Jabatan Perangkaan Malaysia telah meluaskan siasatan industri dan mencerminkan aktiviti semasa industri. Oleh itu, perubahan ini telah meningkatkan berat industri berorientasikan eksport kepada 44.9 mata berbanding 37.2 mata pada pengklasifikasian sebelum ini.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Industri berorientasi eksport meningkat sebanyak 10.9% manakala industri berorientasi domestik pula berkembang sederhana sebanyak 5% (Januari-Jun 2005: 1.9%; 6.9%). Dalam tempoh yang sama, nilai jualan sektor pembuatan turut mencatat peningkatan sebanyak 8.9% kepada RM239.7 juta (Januari-Jun 2005: 14.1%; RM220.2 juta), disumbangkan terutamanya oleh peningkatan harga bagi beberapa industri termasuk besi dan keluli serta petroleum. Prestasi yang lebih baik ini mengukuhkan kadar purata penggunaan kapasiti sektor pembuatan pada tahap melebihi 80% dalam tempoh separuh pertama 2006.

Industri berorientasi eksport mencatat pertumbuhan menggalakkan pada separuh pertama 2006 berikutan peningkatan permintaan global terhadap produk **E&E**, terutamanya

semikonduktor dan produk elektronik lain. Permintaan global semikonduktor yang kembali meningkat sejak separuh kedua tahun 2005 berkembang 8.3% dalam tempoh separuh pertama 2006. Perkembangan ini sejajar dengan pengukuhan nisbah *book-to-bill* (BTB) industri peranti semikonduktor Amerika Utara dan pengeluar peralatan cip Jepun. Di samping itu, pembangunan bandar-bandar siber serta peningkatan tahap aktiviti perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar juga mendorong meningkatkan permintaan domestik terhadap produk E&E yang dijangka berkembang melebihi 7% pada tahun ini.

Di peringkat industri, keluaran semikonduktor yang mempunyai wajaran tertinggi dalam Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan sebanyak

JADUAL 3.4

**Pertumbuhan Industri Elektronik
Januari-Jun
(2000 = 100)**

	Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2005	2006	2005	2006
Jumlah pembuatan	3.8	8.7	100.0	100.0
Jumlah produk elektronik	2.0	13.1	37.9	39.5
Semikonduktor dan komponen lain	-0.5	14.3	23.1	24.3
Perkakas komunikasi dan visual audio	7.0	1.7	6.3	5.9
Mesin pejabat, perakaunan dan pengiraan	4.1	26.0	6.4	7.4
Jentera dan perkakas elektrik	12.0	-7.9	1.8	1.6
Peralatan domestik	3.6	11.2	0.3	0.4


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

14.3% (Januari-Jun 2005: -0.5%). Industri ini beroperasi pada tahap kapasiti 93%, melebihi kadar purata penggunaan kapasiti keseluruhan sektor pembuatan. Trend ini dijangka akan berterusan dengan para pengeluar mengambil peluang daripada jangkaan permintaan yang lebih kukuh bagi perkakasan telekomunikasi dan produk pengguna seperti telefon selular generasi ketiga (3G), perkakasan MP3, kamera digital serta televisyen paparan cecair kristal (LCD) dan plasma. Seajar dengan perkembangan ini, tempoh kitaran penggantian produk dan komponen telah berkurangan dengan ketara daripada 24 bulan kepada 18 bulan.

Usaha bersepadu yang sedang dilaksanakan untuk meningkatkan daya saing Malaysia dalam industri elektronik membantu peralihan dalam proses dan pengeluaran produk E&E kepada rantai nilai yang lebih tinggi. Usaha ini termasuk antara lainnya membangunkan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan semikonduktor dalam bidang reka bentuk dan pembangunan (D&D), menambah keupayaan dalam fabrikasi *wafer*, pembungkusan dan pengujian serta meningkatkan kompetensi tenaga kerja melalui bina upaya. Di samping itu, kerjasama sedang dipertingkatkan antara sektor swasta dan institusi pengajian tinggi serta institusi penyelidikan Kerajaan bagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan

CARTA 3.4

**Output Sektor Pembuatan
(% perubahan tahunan)**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

untuk dikomersialkan. Usaha berterusan ini dijangka menarik minat syarikat multinasional yang baru dan sedia ada untuk melabur dalam kegiatan industri E&E yang mempunyai nilai ditambah lebih tinggi. Penambahan pelaburan ini dijangka mengukuhkan lagi keupayaan dan kedudukan Malaysia dalam aktiviti reka bentuk dan pembuatan semikonduktor.

Keluaran **produk petroleum** meningkat 12.1% dalam tempoh separuh pertama 2006 (Januari Jun 2005: 10.4%), didorong oleh peningkatan penggunaan terhadap produk ini berikutan kerancangan kegiatan ekonomi dalam negeri. Ini disokong oleh permintaan luar terhadap produk petroleum bertapis yang lebih tinggi dan pertambahan jualan sebanyak 23.7% dalam tempoh yang sama (Januari-Jun 2005: 48.2%).

Industri **tekstil, pakaian dan kasut** kembali pulih dengan mencatat peningkatan dua digit sebanyak 12.3% dalam tempoh enam bulan

pertama 2006 (Januari-Jun 2005: -4.4%) dan dijangka terus meningkat pada separuh kedua tahun 2006. Industri tekstil dan pakaian yang sebelum ini dianggap malap telah pulih dengan mencatat pertumbuhan kukuh 9.8% dan 30.5% (Januari-Jun 2005: -4.7%; -2.5%). Pemulihan ini adalah kesan daripada liberalisasi pasaran global untuk keluaran tekstil dan pakaian sejak 1 Januari 2005 yang membolehkan pengilang Malaysia bersaing dengan lebih efektif. Di samping itu, perkembangan industri fesyen tempatan yang menggalakkan juga turut menyumbang kepada pemulihan ini.

Pengeluaran **instrumen perubatan, optik dan saintifik** mencatat pemulihan yang kukuh dengan pertumbuhan 8% dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini (Januari-Jun 2005: -2.8%) berikutan permintaan kukuh daripada hospital dan klinik swasta serta peningkatan permintaan luar, terutamanya dari rantau ASEAN. Pengeluaran perkakasan dan instrumen perubatan mencatat pertumbuhan dua digit 17% (Januari-Jun 2005: 8.8%) hasil inisiatif Kerajaan dalam meningkatkan kemudahan dan perkhidmatan kesihatan serta perubahan gaya hidup di kalangan rakyat Malaysia yang lebih prihatin terhadap kesihatan.

Sementara itu, pengeluaran **produk getah** berkembang dengan lebih perlahan disebabkan terutamanya oleh penyusutan sebanyak 1.6% dalam output sarung tangan getah dan 21.9% bagi pengeluaran *catheters* (Januari-Jun 2005: +6.2%; -6.7%). Penyusutan keluaran produk getah disebabkan terutamanya oleh kenaikan kos bahan mentah yang meningkat tiga kali ganda berbanding empat tahun lalu. Harga getah SMR 20 telah melonjak kepada paras tertinggi yang pernah direkodkan iaitu RM8.96 sekilogram pada 3 Julai 2006 (2002: RM2.89 sekilogram). Pengeluar produk getah tempatan, terutamanya pengeluar sarung tangan getah dan *catheters* menghadapi kekurangan bekalan susu getah daripada pembekal utama Malaysia iaitu Thailand. Negara tersebut mengalami peningkatan penggunaan domestik produk getah serta peningkatan eksportnya ke China bagi memenuhi perkembangan industri automotif.

IPP telah disemak semula dengan menggunakan tahun 2000 sebagai tahun asas bagi menggantikan tahun 1993 yang mencerminkan

aktiviti perindustrian terkini serta liputan yang lebih meluas. Di bawah indeks baru, industri **jentera dan peralatan** (M&E) yang sebelum ini dikategorikan di bawah E&E telah diklasifikasikan semula sebagai kumpulan industri yang baru. Kumpulan M&E ini mencatat penyusutan pengeluaran yang lebih rendah sebanyak 1.3% dalam tempoh enam bulan pertama 2006 (Januari-Jun 2005: -23.6%), disumbangkan terutamanya oleh pengeluaran kukuh bagi pembuatan mesin penyaman, penyejuk dan pengalir udara.

Industri berorientasi domestik mencatat peningkatan sebanyak 5% bagi tempoh separuh pertama 2006 (Januari-Jun 2005: 6.9%). Peningkatan pengeluaran ini diterajui oleh industri produk plastik dan produk logam ditempa manakala industri galian bukan logam dan logam asas mengalami penyusutan.

Industri **produk plastik** mencatat pertumbuhan yang ketara sebanyak 21.3% didorong oleh permintaan yang kukuh daripada industri E&E dan juga kelengkapan pengangkutan. Ini ditunjukkan oleh peningkatan dua digit dalam keluaran beg dan filem plastik sebanyak 44.3% dan produk acuan suntikan plastik sebanyak 17.5% yang merupakan antara komponen penting bagi kedua-dua industri E&E dan kelengkapan pengangkutan (Januari-Jun 2005: 43.4%; -1.2%).

Output **kimia dan produk kimia** termasuk kimia perindustrian, kimia pertanian, cat dan produk penjagaan diri, tumbuh pada kadar lebih rendah sebanyak 2.1% (Januari-Jun 2005: 2.6%) disebabkan terutamanya oleh penyusutan 17.9% dalam pengeluaran gas perindustrian (Januari-Jun 2005: -9%), berikutan pengurangan permintaan yang dicatat dalam tempoh enam bulan pertama 2006. Bagaimanapun, penyusutan ini ditampung oleh peningkatan dalam output baja dan plastik asas yang seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan sederhana kumpulan ini.

Keluaran baja dan sebatian nitrogen berkembang sederhana sebanyak 5.8% (Januari-Jun 2005: 36.6%) dalam separuh pertama tahun 2006, sementara nilai jualan meningkat sebanyak 24.5% (Januari-Jun 2005: 34.3%) dalam tempoh yang sama. Pertambahan jualan ini adalah berikutan terutamanya peningkatan

permintaan daripada subsektor perladangan dan kerancakan aktiviti pertanian di negara jiran dalam ASEAN. Peningkatan permintaan global untuk oleokimia daripada pasaran tradisi (AS, kawasan euro dan Jepun) dan pasaran baru (India, China, Republik Korea dan Emiriah Arab Bersatu) serta insentif untuk aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang intensif dalam industri hiliran minyak sawit mendorong kepada pertambahan pengeluaran oleokimia. Malaysia terus menjadi pengeluar dan pengeksport utama oleokimia asas (*fatty acid*, *fatty alcohol*, *methyl esters* dan *glycerine*) serta menyumbang kira-kira 25% daripada pengeluaran dunia.

JADUAL 3.5

**Prestasi Pemprosesan di Luar Estet
Januari-Jun
(2000=100)**

	Perubahan (%)	
	2005	2006
Pemprosesan di luar estet	20.4	1.5
Pemprosesan minyak sawit mentah	20.5	1.2
Pemprosesan minyak isirong sawit	26.1	-0.9
Pengilangan semula getah dan pemprosesan susu getah	13.7	7.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Dua kumpulan utama industri berorientasi domestik, iaitu industri pemprosesan di luar estet dan industri makanan meningkat sederhana bagi tempoh enam bulan pertama 2006. Industri **pemprosesan di luar estet** berkembang sederhana sebanyak 1.5% (Januari–Jun 2005: 20.4%) disebabkan pengeluaran lebih rendah minyak sawit mentah (CPO) dan penyusutan pengeluaran minyak isi rong sawit seperti yang ditunjukkan di *Jadual 3.5*. Walau bagaimanapun, keluaran getah yang diproses terus menokok. Di bawah RMKe-9, industri minyak sawit menerima galakan bagi meningkatkan pertumbuhan melalui pembangunan projek perintis kelompok industri berasaskan minyak sawit (POIC) di Lahad Datu, Sabah. Projek ini, apabila siap dibangunkan akan menjana lebih banyak aktiviti huluan bernilai tambah tinggi di samping aktiviti hiliran pemprosesan dan penapisan minyak sawit yang sedia ada di Sabah. Projek POIC ini juga akan

diterapkan ke Sandakan serta dilaksanakan dalam pembangunan wilayah yang merentasi sempadan Johor Timur-Pahang Selatan dan Kelantan Selatan-Terengganu Utara.

Keluaran **makanan** juga meningkat sedikit pada kadar 0.3% (Januari-Jun 2005: 9%) disebabkan terutamanya oleh penyusutan keluaran minyak sawit bertapis, gula bertapis dan industri memproses ikan dan pengawetan ikan, walaupun terdapat peningkatan ketara dalam keluaran coklat dan konfeksi gula, produk koko dan snek. Pengeluaran minyak sawit bertapis yang lebih rendah adalah disebabkan oleh permintaan yang lemah dalam tempoh yang sama. Sementara itu, kos import gula mentah yang lebih tinggi telah mengekang pengeluaran gula bertapis. Pada masa ini, syarikat penapisan gula di Malaysia bergantung 75% bekalan gula mentah daripada Brazil terpaksa menanggung harga bahan mentah yang lebih tinggi berikutan Brazil mengalihkan kegunaan gula mentah untuk pengeluaran etanol yang digunakan sebagai *biofuel*.

Pasaran global produk halal terus menyediakan peluang yang cerah kepada pembangunan industri makanan halal. Bagi memudahkan pengusaha Malaysia menembusi pasaran ini, Kerajaan telah memulakan satu program khas dengan kerjasama sebuah syarikat pengedar antarabangsa untuk membekalkan produk halal yang bernilai kira-kira satu bilion ringgit ke United Kingdom (UK). Tambahan pula, di bawah RMKe-9, beberapa taman perindustrian produk halal (*halal parks*) telah dikenal pasti sebagai pusat aktiviti hiliran bagi pelbagai produk meliputi makanan, minuman, herba, pemprosesan berasaskan daging dan laut. Taman ini akan mempunyai akses yang lebih mudah kepada bekalan bahan mentah dan kemudahan untuk pemprosesan, makmal uji kaji, gudang, penyimpanan sejuk beku dan pengedaran. Taman ini juga disasarkan sebagai tapak untuk membangunkan PKS dalam subsektor makanan dan minuman di mana PKS mencatat sumbangan 15.8% dalam nilai ditambah pada tahun 2005 yang merupakan penyumbang tertinggi sektor PKS.

Keluaran **industri berkaitan pembinaan** pula meningkat disebabkan terutamanya oleh pemulihan dalam industri produk logam ditempa, terutamanya struktur logam dan produk wayar, seperti di *Jadual 3.6*. Memandangkan industri

pembinaan masih belum pulih sepenuhnya, permintaan untuk bahan binaan masih lagi lemah. Pengeluaran logam asas khususnya besi dan keluli, menyusut dan diikuti oleh keluaran galian bukan logam (termasuk simen dan konkrit). Berikutan itu, purata kapasiti pengeluaran kilang simen dan konkrit serta besi kekal rendah di bawah 60%. Walau bagaimanapun, dengan pelancaran RMKe-9 dan pelaksanaan beberapa projek infrastruktur serta pelbagai usaha pihak industri untuk meningkatkan kecukupan pengeluaran, prospek industri simen dan konkrit serta keluli tempatan dijangka lebih baik.

JADUAL 3.6

**Pertumbuhan Industri Berkaitan Pembinaan
Januari-Jun
(2000=100)**

	Perubahan (%)	
	2005	2006
Industri Berkaitan Pembinaan	1.3	4.5
Kaca dan produk kaca	23.6	-0.9
Produk galian bukan logam	-6.0	-2.6
Produk struktur logam, tangki, takungan dan penjana wap	24.8	41.6
Dawai, produk dawai dan kancing logam	-26.5	36.2
Besi asas dan keluli	-6.7	-10.9
Logam asas berharga dan bukan ferus	4.9	-3.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Keluaran **kelengkapan pengangkutan** mencatat pertumbuhan sederhana sebanyak 5.6% dalam tempoh enam bulan pertama 2006 (Januari-Jun 2005: 10.4%), disebabkan oleh pengeluaran yang lebih tinggi dalam alat ganti dan komponen, sementara pengeluaran kenderaan bermotor menyusut. Peningkatan ketara 22.2% (Januari-Jun 2005: 20.1%) dalam output alat ganti dan aksesori kenderaan bermotor dan enjin adalah bagi memenuhi keperluan pasaran alat ganti kenderaan. Sebaliknya, pengurangan pengeluaran kenderaan bermotor adalah disebabkan oleh kelembapan permintaan berikutan kadar faedah yang lebih tinggi, syarat perjanjian sewa beli yang lebih ketat serta kesan daripada peningkatan harga bahan api.

Sektor Pertanian

Peningkatan sumbangan daripada komoditi makanan...

Pada tahun 2006, nilai ditambah **sektor pertanian** dijangka meningkat lebih kukuh sebanyak 5.3% (2005: 2.5%), seperti di *Jadual 3.7*. Ini disebabkan sebahagiannya oleh output getah yang lebih tinggi daripada pekebun kecil yang didorong oleh kenaikan harga. Pertumbuhan yang lebih tinggi juga dijangka daripada subsektor komoditi makanan, khususnya ternakan, perikanan, buah-buahan dan sayur-sayuran, sejajar dengan pelbagai program dan insentif yang diperkenalkan oleh Kerajaan. Perkembangan ini selaras dengan dasar bagi menjadikan sektor pertanian sebagai penjana pertumbuhan ketiga, justeru mengurangkan defisit perdagangan makanan dan meningkatkan pendapatan isi rumah luar bandar.

Pengeluaran **CPO** dianggarkan meningkat 4.3% kepada 15.6 juta tan metrik pada tahun 2006 (2005: 7.1%; 14.96 juta tan metrik) disebabkan sebahagiannya oleh jangkaan peningkatan pengeluaran kelapa sawit pada separuh kedua tahun ini. Harga CPO yang tinggi, kitaran meningkat berikutan peningkatan hasil dan pertambahan kawasan matang dijangka menyumbang kepada peningkatan pengeluaran. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2006, pengeluaran CPO meningkat 2.1% (Januari-Julai 2005: 17%) dan dijangka semakin kukuh pada penghujung tahun ini. Di samping itu, hasil purata tandan buah segar (FFB) sehektar meningkat kepada 10.72 tan metrik bagi tempoh tujuh bulan pertama 2006 (Januari-Julai 2005: 10.64 FFB tan metrik sehektar) seiring dengan amalan agronomi yang lebih baik dan klon berprestasi yang lebih tinggi. Jumlah kawasan penanaman kelapa sawit dijangka menokok 3% kepada 4.1 juta hektar pada tahun 2006, dengan 90% daripadanya adalah kawasan matang. Kawasan baru yang akan matang sebahagian besarnya di Sabah (43,600 hektar), Sarawak (17,800 hektar) dan Johor (19,000 hektar). Daripada jumlah kawasan penanaman, 60% dimiliki oleh sektor swasta, 30% oleh pekebun kecil di bawah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan FELCRA Berhad sementara selebihnya oleh pekebun kecil persendirian.

JADUAL 3.7

Nilai Ditambah Sektor Pertanian 2005-2006

(pada harga benar 1987)

	Perubahan (%)		Sumbangan kepada Pertanian (%)	
	2005	2006 ¹	2005	2006 ¹
Pertanian	2.5	5.3	100.0	100.0
Kelapa sawit	7.2	4.2	36.3	35.9
Perhutanan dan pembalakan	2.0	1.4	13.9	13.4
Getah	-2.9	6.4	10.5	10.6
Perikanan	-7.0	8.6	11.4	11.7
Pertanian lain ²	3.2	7.0	28.0	28.4

¹ Anggaran.² Termasuk ternakan, padi, koko, buah-buahan, sayur-sayuran, kopra, tembakau, teh, bunga, lada hitam dan nanas.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Selain bagi kegunaan makanan dan industri, minyak sawit kini turut giat dipromosikan sebagai sumber tenaga yang boleh diperbaharu. Sehubungan dengan usaha ini, beberapa agensi kerajaan telah mula menguji penggunaan ENVO Diesel, iaitu sejenis diesel yang dicampur 5% *olein* sawit. Sekiranya ujian ini berjaya, lebih banyak kenderaan Kerajaan akan terlibat dalam program ini. Selain daripada itu, beberapa syarikat swasta telah mengadakan usaha sama dengan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bagi membina kilang pemprosesan biodiesel berasaskan minyak sawit (*methyl ester*) untuk pasaran eksport.

CPO dijangka didagangkan pada paras harga yang agak tinggi dengan purata RM1,500 setan metrik pada tahun 2006 (2005: RM1,394 setan metrik). Bagi tempoh tujuh bulan pertama 2006, walaupun stok CPO masih tinggi, harga CPO meningkat pada purata RM1,422 setan metrik berbanding RM1,385 setan metrik pada tempoh yang sama tahun lalu. Ini disebabkan oleh penawaran minyak dan lemak sayuran dunia yang tegar di sebalik pertambahan permintaan daripada China dan Eropah serta peningkatan permintaan bagi biodiesel berasaskan minyak

sawit. Stok minyak sawit mencecah paras tertinggi pada 1.65 juta tan metrik pada akhir Jun 2006 (akhir Jun 2005: 1.19 juta tan metrik). Walau bagaimanapun, paras stok ini dijangka berkurangan berikutan jangkaan permintaan domestik dan eksport yang lebih tinggi lantaran bertambahnya penggunaan CPO sebagai input biodiesel. Dalam pada itu, eksport minyak sawit dijangka mencatatkan peningkatan eksport khususnya ke Amerika Syarikat (AS) berikutan arahan pelabelan asid *trans-fatty* pada produk makanan di negara tersebut mulai Januari 2006. Sehubungan ini, pengilang makanan dijangka beralih menggunakan minyak sawit yang bebas asid *trans-fatty*.

Dalam tempoh enam bulan pertama 2006, output **getah** meningkat kukuh sebanyak 16.5% kepada 602,900 tan metrik disebabkan sebahagian besarnya oleh pemulihan pengeluaran getah setelah terjejas oleh cuaca yang kurang baik pada tempoh yang sama pada tahun 2005. Peningkatan harga getah juga mendorong pekebun kecil meningkatkan pengeluaran komoditi ini. Bagi keseluruhan tahun 2006, jumlah pengeluaran getah dijangka meningkat 7% kepada 1.205 juta tan metrik (2005: -3.6%; 1.126 juta tan metrik), walaupun keluasan tanaman berkurangan.

JADUAL 3.8

Keluasan Tanaman dan Pengeluaran Kelapa Sawit 2005-2006

	Perubahan (%)			
	2005	2006 ¹	2005	2006 ¹
Keluasan tanaman ('000 hektar)	4,051	4,172	4.5	3.0
Kawasan matang ('000 hektar)	3,631	3,740	5.2	3.0
Pengeluaran ('000 tan metrik)				
Minyak sawit mentah	14,962	15,600	7.1	4.3
Minyak isirong sawit	1,843	1,860	12.2	0.9
Hasil (tan/hektar) ²	18.9	19.0	1.6	0.6

¹ Anggaran.² Hasil buah tandan segar.

Sumber: Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

KE ARAH MEMBANGUN DAN MEMPROMOSIKAN BIOFUEL SEBAGAI BAHAN API MASA DEPAN

Pengenalan

Biofuel adalah bahan api yang semula jadi dan boleh diperbaharu yang merupakan alternatif kepada bahan api fosil. Ia diperbuat daripada minyak sayuran dan tumbuhan. Oleh sebab sifatnya yang boleh diperbaharu, tidak beracun dan boleh dibiodegradasi, justeru biofuel adalah mesra alam sekitar. Biofuel terdapat dalam dua bentuk utama: bioethanol dan biodiesel. Bioethanol dihasilkan daripada tumbuhan yang tinggi kandungan gula dan kanji, seperti tebu dan jagung. Biodiesel pula dihasilkan dengan menukar minyak sayuran seperti minyak sawit, minyak soya dan minyak biji sawi kepada methyl ester. Walau bagaimanapun, sehingga 20% minyak sawit yang diproses (ditapis, diluntur dan dinyahbau - olein sawit RBD) tanpa sebarang penukaran boleh diguna sebagai campuran kepada diesel.

Rasional Pembangunan Biofuel

Pada masa ini, bahan api fosil yang tidak boleh diperbaharu, seperti petroleum dan produk sampingannya, arang batu dan gas asli, merupakan sumber tenaga utama seluruh dunia. Walau bagaimanapun, bahan api seperti ini melepaskan antaranya gas karbon dioksida (CO_2) yang mengakibatkan kesan rumah hijau di atmosfera, kepanasan global dan perubahan cuaca dalam jangka masa panjang. Disebabkan keadaan ini, terdapat usaha dan inisiatif secara global yang berterusan untuk melindungi alam sekitar, terutamanya komitmen di bawah Protokol Kyoto (1997) untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau kepada purata 5% di bawah paras tahun 1990. Kesatuan Eropah (EU) juga telah menyasarkan peningkatan penggunaan biofuel secara beransur-ansur di sektor pengangkutan daripada 2% jumlah penggunaan diesel pada tahun 2005 kepada 5.75% pada tahun 2010. Berikutan daripada perkembangan ini, permintaan dunia bagi biofuel dijangka akan terus meningkat.

Pelaksanaan program biofuel adalah seiring dengan dasar Kerajaan untuk memastikan pembangunan mapan sektor tenaga di samping meningkatkan kebersihan alam sekeliling. Dalam hal ini, Kerajaan telah berusaha memajukan sumber tenaga yang boleh diperbaharu sebagai bahan api kelima selepas minyak, gas, hidro dan arang batu, yang dimulakan lebih awal di bawah Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RJP3), 2001–2010 dan Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8), 2001–2005. Biodiesel daripada minyak sawit telah dikenal pasti sebagai sumber tenaga boleh diperbaharu yang diyakini sejajar dengan dasar bahan api kelima Kerajaan.

Malaysia dikurnia dengan pelbagai sumber semula jadi, khususnya minyak mentah dan gas asli yang merupakan sumber tenaga utama. Walau bagaimanapun, sumber tenaga ini semakin berkurangan dan peningkatan permintaan telah menjadikan sumber tenaga alternatif sebagai satu keperluan. Peningkatan harga minyak mentah juga telah menyebabkan peningkatan perbelanjaan subsidi Kerajaan bagi mengekalkan harga runcit bahan api pada paras yang agak rendah. Oleh yang demikian, biodiesel sebagai sumber tenaga alternatif telah menjadi semakin berdaya maju. Di samping itu, minyak sawit adalah lebih kompetitif sebagai input bagi pengeluaran biodiesel berbanding minyak biji sawi, minyak kacang soya dan minyak bunga matahari. Dari segi hasil minyak bagi satu hektar setahun, minyak sawit (3.8 tan metrik/hektar) jelas lebih tinggi berbanding minyak biji sawi (1.3 tan metrik/hektar) dan minyak kacang soya (0.5 tan metrik/hektar). Justeru, potensi eksport biodiesel berasaskan minyak sawit adalah besar lantaran ia boleh dijual pada harga yang kompetitif berbanding pesaing utamanya.

Harga minyak sawit mentah (CPO) turun naik daripada serendah RM579 setan metrik pada tahun 1986 kepada setinggi RM2,378 setan metrik pada tahun 1998. Lebihan penawaran CPO dan minyak sayuran lain secara umumnya memberi tekanan kepada harga CPO. Oleh itu, sewaktu lebihan penawaran yang berpanjangan, lebihan stok CPO boleh digunakan sebagai input biodiesel. Ini akan membawa impak ketara dalam menstabilkan harga CPO memandangkan

Malaysia merupakan pengeluar utama komoditi ini. Di samping itu, penggunaan dan pengeluaran biodiesel berasaskan minyak sawit akan membantu mempelbagaikan kegunaan minyak sawit dan meningkatkan perolehan eksport selaras dengan inisiatif Kerajaan untuk mengekalkan Malaysia sebagai pengeluar minyak sawit utama dunia.

Pembangunan Biodiesel di Malaysia

Program biodiesel dimulakan seawal tahun 1982 apabila Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) merintis teknologi untuk menukar minyak sawit kepada biodiesel. Pada Oktober 1985, sebuah kilang pelopor dengan kapasiti 3,000 tan metrik telah dilancarkan bagi membekalkan biodiesel sawit untuk diuji oleh kenderaan. Berikutan kejayaan ujian tersebut, MPOB telah membangun dan mempatenkan teknologi pengeluaran biofuel berasaskan minyak sawit, termasuk teknologi untuk mengeluarkan biodiesel sawit bagi cuaca sejuk. Didorong oleh kejayaan ini, Kerajaan telah memberi mandat kepada Kementerian Perindustrian Perladangan dan Komoditi (KPPK) untuk meneraju usaha bagi membangunkan biofuel berasaskan minyak sawit untuk kegunaan tempatan dan eksport. Bagi meningkatkan pengeluaran dan penggunaan biofuel berasaskan minyak sawit, Dasar Biofuel Negara sedang digubal. Dasar ini yang meliputi penggubalan Akta Biofuel Negara dan juga penyediaan pelbagai insentif untuk menggalakkan penglibatan sektor swasta, dijadual untuk dibentangkan di Parlimen pada akhir 2006. Dasar ini adalah berasaskan lima teras berikut:

TERAS 1: BIOFUEL UNTUK PENGANGKUTAN

Diesel bagi kenderaan darat dan laut akan dicampuri 5% minyak sawit diproses kepada 95% diesel petroleum. Ini akan dijenamakan sebagai ENVO Diesel dan akan dibekalkan di seluruh negara.

TERAS 2: BIOFUEL UNTUK INDUSTRI

ENVO Diesel akan juga dibekalkan kepada sektor industri termasuk bagi dandang api dalam pembuatan serta mesin dan generator pembinaan.

TERAS 3: TEKNOLOGI BIOFUEL

Penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan teknologi biofuel (termasuk teknologi bagi mengasingkan komponen kecil di dalamnya) akan dijalankan dan dibiayai secukupnya oleh Kerajaan dan sektor swasta termasuk pemodal teroka bagi meningkatkan penggunaan biofuel.

TERAS 4: BIOFUEL UNTUK EKSPORT

Minat seluruh dunia mencerminkan kepentingan peranan tenaga biofuel ini untuk pembangunan mapan. Malaysia akan mempunyai kelebihan untuk memenuhi permintaan dunia yang semakin meningkat. Penubuhan kilang-kilang biofuel untuk tujuan eksport akan digalakkan dan dibantu.

TERAS 5: BIOFUEL UNTUK ALAM SEKITAR YANG LEBIH BERSIH

Penggunaan biofuel akan mengurangkan penggunaan bahan api fosil, meminimumkan pelepasan gas rumah hijau (karbon dioksida), karbon monoksida, sulfur dioksida dan enap cemar (*particulates*). Peningkatan penggunaan biofuel akan meningkatkan kualiti alam sejagat.

Pelaksanaan Program ENVO Diesel

Pada bulan Mac 2006, Kerajaan telah melancarkan suatu kempen dengan peruntukan RM7 juta untuk mewujudkan kesedaran, menjalankan ujian secara sukarela dan mempromosikan penggunaan ENVO Diesel. Ujian perintis telah dijalankan melibatkan 130 kenderaan daripada agensi Kerajaan terpilih. Sekiranya ujian ini berjaya, lebih banyak kenderaan akan dilibatkan dalam program ini. Ujian komersial melibatkan empat bot perikanan laut dalam juga telah dimulakan pada bulan Jun 2006 di mana penggunaan bahan api, pelepasan ekzos dan kuasa tundaan akan dipantau.

Ujian berasingan ke atas ENVO Diesel kini sedang dijalankan untuk meyakinkan pihak berminat seperti Persatuan Automobil Malaysia (AAM), syarikat minyak, pembekal kenderaan, pengeluar enjin dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengenai kebolehterimaan ENVO Diesel. Matlamat terdekat adalah untuk mendapatkan pengiktirafan dan penerimaan bagi campuran B5 sementara objektif jangka masa panjang ialah meningkatkan campuran daripada 5% kepada 20%.

Usaha sedang diambil untuk memperkenalkan kegunaan ENVO Diesel bagi kenderaan Kerajaan di Putrajaya pada akhir 2006. Untuk meningkatkan penggunaannya, terdapat rancangan untuk membekalkan ENVO diesel kepada awam di stesen terpilih. ENVO diesel akan juga dibekalkan kepada pengendali fleet pengangkutan dan mesin berat, penjana tenaga terpilih serta pengguna industri. Dijangkakan apabila kesemua kenderaan diesel terlibat dalam program ENVO Diesel, import tahunan diesel petroleum akan dapat dikurangkan sebanyak 500,000 tan metrik.

Kemajuan Pembinaan Kilang Biodiesel Berasaskan Minyak Sawit

Pada masa ini, tiga syarikat telah menjalinkan kerjasama dengan MPOB untuk membina kilang biodiesel berasaskan minyak sawit di negara ini menggunakan teknologi MPOB. Kapasiti tahunan setiap kilang dianggarkan pada 60,000 tan metrik. Kilang-kilang ini juga akan mendirikan kilang demonstrasi bagi pengeluaran biodiesel berasaskan minyak sawit yang boleh digunakan dalam musim sejuk untuk pasaran eksport. Syarikat-syarikat lain juga telah menunjukkan minat untuk membina kilang biodiesel.

Kesimpulan

Dasar Biofuel Negara akan menyediakan arah strategik dan panduan kepada pembangunan industri biofuel sementara memastikan kedudukan Malaysia sebagai pusat industri minyak sawit dunia. Ke arah ini, usaha sedang digiatkan untuk merealisasikan sepenuhnya objektif Dasar untuk menjadikan minyak sawit sebagai sumber tenaga baru yang boleh diperbaharu pada tahun-tahun akan datang.

Ini adalah kesan daripada kegiatan penukaran ladang getah kepada aktiviti lain sebelum ini. Kini, jumlah kawasan tanaman getah dianggarkan sebanyak 1.22 juta hektar (2005: 1.25 juta hektar), penurunan sebanyak 2.5%, seperti di *Jadual 3.9*. Biarpun pada masa ini kawasan tanaman berkurangan, peningkatan harga getah telah menyebabkan kawasan kebun kecil terbiar diusahakan semula dan penggunaan Sistem Penorehan Berintensiti Rendah (LITS) yang semakin meluas.

Harga purata SMR20 meningkat tinggi sebanyak 57.2% kepada RM7.50 sekg bagi tempoh tujuh bulan pertama 2006 (Januari-Julai 2005: RM4.77 sekg). Trend ini sejajar dengan peningkatan harga getah sintetik berikutan kenaikan harga minyak mentah dunia dan pertambahan permintaan getah asli daripada China dan India, khususnya bagi industri tayar. China sahaja mewakili kira-kira satu per lima daripada penggunaan getah dunia. Pengukuhan harga getah juga disebabkan oleh penawaran global yang tegar

JADUAL 3.9

Kawasan, Hasil dan Pengeluaran Getah 2005-2006

			Perubahan (%)	
	2005	2006 ¹	2005	2006 ¹
Jumlah kawasan ('000 hektar)	1,250	1,219	-2.5	-2.5
Kebun kecil	1,135	1,113	-1.7	-1.9
Estet	115	106	-8.7	-7.8
Hasil (kg sehektar)				
Kebun kecil	1,320	1,350	2.3	2.3
Estet	1,381	1,435	7.0	3.9
Jumlah Pengeluaran ('000 tan metrik)	1,126	1,205	-3.6	7.0
Kebun kecil	1,061	1,135	-4.0	6.9
Estet	65	70	-7.9	7.7
% daripada pengeluaran dunia	13.0	13.3		

¹ Anggaran.

Sumber: Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan Jabatan Perangkaan Malaysia.

berikutan keadaan cuaca yang kurang baik di negara-negara pengeluar utama pada awal tahun 2006. Harga getah yang lebih tinggi ini membantu meningkatkan pendapatan isi rumah luar bandar yang kini memperoleh kira-kira RM675 sehektar pada tahun 2006 berbanding RM460 pada tahun 2005.

Nilai ditambah **subsektor perikanan** menokok 10.2% bagi tempoh enam bulan pertama 2006, disebabkan sebahagian besarnya oleh peningkatan hasil pendaratan ikan laut pada kadar 11.5% (Januari-Jun 2005: -14.7%). Peningkatan kukuh ini antaranya berpunca daripada usaha Kerajaan mempromosikan subsektor ini, khususnya melalui pelaksanaan program subsidi diesel yang lebih efektif bagi industri perikanan. Output subsektor ini dijangka meningkat 8.6% pada tahun 2006 dan menyumbang 13% kepada keseluruhan nilai ditambah sektor pertanian. Bagi meningkatkan lagi prestasi subsektor perikanan, terutamanya melibatkan penangkapan ikan laut, Kerajaan telah mewujudkan beberapa program antaranya mewujudkan taman ikan laut berasaskan komuniti yang berskala besar serta membina terumbu karang dan tukun ikan tiruan. Selain itu, produktiviti industri perikanan laut dijangka meningkat sejajar dengan langkah menaik taraf kapal laut dan peralatan berkaitan. Sebuah konsortium perikanan yang diteraju sektor swasta, Konsortium Perikanan Nasional Berhad, telah ditubuhkan bagi menggalakkan pembangunan perikanan laut dalam dan perkembangan aktiviti hulu dan hiliran. Dalam masa sama, pengusaha akuakultur digalakkan untuk memanfaatkan teknologi dan sistem pengurusan baru, khususnya yang melibatkan kegiatan intensif pesisiran akuakultur ikan laut yang bernilai tinggi untuk meningkatkan lagi output mereka.

Pertanian lain yang meliputi ternakan, koko, padi dan pelbagai pertanian dijangka berkembang sebanyak 7.5% pada 2006 dan mewakili hampir satu pertiga daripada jumlah nilai ditambah sektor pertanian. **Ternakan** sebagai penyumbang utama, dijangka meningkat sebanyak 6.5%, terutamanya disebabkan oleh peningkatan pengeluaran daging ayam (7.1%) dan daging (7.0%), seperti di *Jadual 3.10*. Pengeluaran telur dijangka meningkat sebanyak 3.1% dan susu

segar sebanyak 34.3%. Peningkatan pengeluaran ternakan disumbangkan oleh beberapa inisiatif Kerajaan. Ia termasuk pemeliharaan lembu bersepadu dalam ladang kelapa sawit, aktiviti feedlot yang sistematik melalui Pusat Feedlot Negara dan pengwujudan Skim Transformasi Usahawan Sektor Ternakan (TRUST) untuk membangunkan industri pengeluaran daging lembu dengan beralih daripada pemeliharaan ternakan tradisional kepada aktiviti moden dan komersial. Kegiatan feedlot dijangka menyumbang 30% kepada pengeluaran daging lembu negara manakala penternakan lembu bersepadu dalam ladang kelapa sawit sebanyak 23%.

Output biji koko dijangka meningkat 7.3% kepada 30,000 tan metrik pada tahun 2006 (2005: -16.3%, 28,000 tan metrik), disebabkan terutamanya oleh peningkatan permintaan di pasaran tempatan dan antarabangsa. Walaupun jumlah kawasan ladang dijangka berkurangan sedikit pada kadar 0.9% kepada 33,000 hektar pada tahun 2006, peningkatan pengeluaran ini adalah disebabkan oleh produktiviti yang lebih baik di ladang-ladang terbabit. Sementara itu, pengeluaran padi dijangka meningkat 12.4% disebabkan sebahagiannya oleh peningkatan produktiviti berikutan pelaksanaan 'projek 10 tan sehektar' di lapan jelapang padi dan projek estet padi. Prakarsa ini, berserta penggunaan amalan pertanian yang baik (GAP) dan teknik pengurusan yang lebih mantap, dijangka akan meningkatkan hasil padi yang kini mencatatkan purata 4.1 tan metrik sehektar di Semenanjung Malaysia pada tahun 2006 (2005: 3.5 tan metrik sehektar).

Output **pertanian pelbagai** yang terdiri daripada sayur-sayuran, buah-buahan, bunga-bunga, lada, nanas, kopra, teh dan tembakau dijangka meningkat ketara sebanyak 7.9% pada tahun 2006 (2005: 0.5%) disebabkan terutamanya oleh peningkatan pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan. Pengeluaran sayur-sayuran dianggar berkembang 5.8% (2005: 4.5%), disokong oleh pertambahan kawasan penanaman, pelaksanaan kebun berskala besar secara intensif, penggunaan amalan pertanian yang baik dan peningkatan kecekapan pengendalian pasca tuaian. Para petani turut digalakkan

untuk memfokuskan aktiviti mereka kepada jenis sayuran bernilai tinggi untuk memenuhi keperluan pasaran tempatan dan eksport. Dalam masa yang sama, pengeluaran buah-buahan dijangka menokok sebanyak 3.8% pada tahun 2006 berikutan pertambahan kawasan penanaman buah-buahan, terutamanya bagi 15 jenis buah-buahan yang mendapat permintaan tinggi, seperti betik, belimbing, pisang serta jambu batu dan tembikai tanpa biji. Di samping itu, penggunaan secara lebih meluas klon yang berpenghasilan lebih tinggi dan tahan penyakit juga dijangka meningkatkan output.

JADUAL 3.10

Pengeluaran Pertanian Lain 2005-2006

('000 tan metrik)

			Perubahan (%)	
	2005	2006 ¹	2005	2006 ¹
Koko	28	30	-16.3	7.3
Padi	2,403	2,700	5.7	12.4
Ternakan				
Daging ²	239	256	3.6	7.0
Ayam	980	1,039	5.7	6.1
Telur('000) ³	7,381	7,610	2.1	3.1
Susu ('000) ⁴	41	55	6.0	34.3
Pertanian pelbagai				
Buah ⁵	1,338	1,389	17.2	3.8
Lada hitam	19	20	-5.0	5.2
Tembakau ⁶	80	72	-4.5	-15.6
Teh	12	10	-26.6	-16.7
Sayuran	608	643	4.5	5.8
Kopra	12.0	13.0	16.5	8.3
Bunga (juta) ⁷	102	105	3.0	2.9

¹ Anggaran.² Daging lembu, khinzir dan kambing.³ Biji.⁴ Liter.⁵ Terdiri daripada belimbing, betik, nangka, ciku, durian, jambu, langsung, mangga, manggis, nanas, pisang, rambutan, tembikai dan buah-buahan tropika lain.⁶ Daun tembakau hijau dan kering.⁷ Keratan.

Sumber: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

Sektor Perlombongan

Output lebih tinggi dijangka pada separuh kedua...

Pertumbuhan nilai ditambah **sektor perlombongan** dijangka meningkat 2.4% pada tahun 2006 (2005: 0.8%) disebabkan sebahagian besarnya oleh jangkakan pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih tinggi pada separuh kedua tahun 2006.

Pengeluaran **minyak mentah** (termasuk kondensat) berada pada purata 690,610 tong sehari (tsh) dalam tempoh enam bulan pertama 2006, mencakupi kenaikan 1.1% berbanding 682,961 tsh pada tempoh yang sama pada tahun 2005. Pengeluaran kondensat yang meliputi 21.1% meningkat 6.6% kepada 145,883 tsh dalam tempoh tersebut (Januari-Jun 2005: 8.6%; 136,807

JADUAL 3.11

Pengeluaran dan Simpanan Minyak Mentah dan Gas Asli 2005-2006


			Perubahan (%)	
	2005	2006 ¹	2005	2006 ¹
Minyak mentah				
Pengeluaran ² ('000 tong sehari)	703	725	-7.9	3.0
Simpanan (bilion tong)	5.16	5.25	-2.0	1.7
Simpanan/ Pengeluaran (tahun)	19	20		
Gas asli				
Pengeluaran ³ (juta kaki padu standard sehari)	5,797	6,000	11.6	3.5
Simpanan (trilion kaki padu sehari)	85.2	87.9	0.0	3.2
Simpanan/ Pengeluaran (tahun)	33	34		

¹ Anggaran.² Termasuk kondensat.³ Tidak termasuk pembakaran dan suntikan semula.

Sumber: Petrolia Nasional Berhad (PETRONAS).

CARTA 3.5

Nilai Ditambah Komoditi Utama



tsh). Bagi keseluruhan tahun, pengeluaran minyak dijangka merekodkan kenaikan sebanyak 3% kepada 724,500 tsh (2005: -7.9%; 703,300 tsh) atas jangkaan kapasiti pengeluaran minyak dan permintaan yang lebih tinggi di sebalik harga minyak dunia yang meningkat pada purata USD71.31 setong (Tapis Blend) dalam tempoh tujuh bulan pertama 2006. Pada 1 Januari 2006, rizab minyak mentah dan kondensat berjumlah 5,250 juta tong dengan 20 tahun jangka hayat (Januari 2005: 5,160 juta tong: 19 tahun).

Pengeluaran **gas asli** bagaimanapun, susut 3.7% kepada 5,781 juta kaki padu standard sehari (jkpsh) dalam tempoh enam bulan pertama 2006 (Januari-Jun 2005: 27.2%; 6,004 jkpsh) disebabkan terutamanya oleh asas yang tinggi pada tahun 2005 berikutan pertambahan permintaan *feedgas* daripada Kompleks MNLG di Sarawak. Walau bagaimanapun, pengeluaran gas asli dijangka meningkat 3.5% kepada 6,000 jkpsh pada tahun 2006 (2005: 11.6%; 5,797 jkpsh) atas jangkaan pengeluaran yang

lebih tinggi pada separuh kedua tahun 2006. Rizab gas mencatatkan 87.9 trilion kaki padu pada 1 Januari 2006 dan dijangka bertahan untuk tempoh 34 tahun (1 Januari 2005: 85.2 trilion kaki padu; 33 tahun). Terdapat potensi besar bagi peningkatan pengeluaran gas berikutan pertambahan rizab gas dan penemuan medan gas air dalam baru di Kikeh, pesisiran Sabah.

Sektor Pembinaan

Aktiviti pembinaan bakal mendapat manfaat projek RMKe-9...

Nilai ditambah **sektor pembinaan** terus mengalami penguncupan 1.1% bagi tempoh enam bulan pertama 2006 (Januari-Jun 2005: -2.2%), terutamanya berikutan kelembapan aktiviti subsektor kejuruteraan awam. Sektor ini bagaimanapun, dijangka pulih pada separuh kedua 2006, mendapat manfaat daripada permulaan projek RMKe-9 yang bakal dilaksanakan pada

tahun ini. Secara keseluruhan, sektor pembinaan dijangka mencatat pertumbuhan positif sebanyak 0.7% pada 2006 (2005: -1.6%).

Subsektor kejuruteraan awam dijangka mencatatkan peningkatan dengan pelaksanaan projek infrastruktur RMKe-9, di samping projek-projek yang sedang dibina iaitu Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya, Lebuhraya Senai-Desaru, Lebuhraya Duta-Ulu Kelang dan kerja menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA). Antara projek di bawah RMKe-9 termasuk kerja pembinaan melibatkan 880 projek baru bernilai RM15 bilion yang diumumkan Kerajaan pada Julai 2006. Sebahagian daripada kerja ini dijangka mula dilaksanakan pada suku keempat tahun ini. Aktiviti subsektor ini turut disokong oleh perbelanjaan pelaburan yang lebih tinggi dalam industri minyak dan gas, komunikasi dan utiliti.

Berikutan peluang kerja pembinaan yang terhad dan lebihan kapasiti di dalam negara, beberapa syarikat tempatan yang berwibawa kini telah meneroka pasaran luar, terutamanya di India dan Timur Tengah. Syarikat-syarikat ini telah memperoleh kontrak, terutamanya untuk membina jalan, lebuh raya dan bangunan. Menurut data Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) syarikat-syarikat Malaysia sedang membina 48 projek bernilai RM15.3 bilion meliputi 36 buah negara sementara sejumlah 293 projek bernilai RM18.5 bilion sudah disiapkan.


Aktiviti **subsektor kediaman** berkurangan dalam tempoh enam bulan pertama 2006 di sebalik berdepan kenaikan kos bahan pembinaan dan pengangkutan. Pemaju swasta telah menyiapkan 77,027 buah rumah dalam tempoh tersebut, menjadikan stok kediaman sedia ada meningkat kepada 3,734,280 unit pada akhir Jun 2006. Jumlah penawaran akan datang bagi unit kediaman, yang merupakan unit sedang dibina, bertahan pada 631,790 unit (akhir Jun 2005: 632,627 unit) disokong oleh peningkatan 12% unit mula dibina yang sebahagian besarnya melibatkan unit kondominium dan teres. Dari segi permintaan, jualan unit rumah baru berkurangan, disebabkan sebahagiannya oleh kebimbangan terhadap kadar faedah yang mungkin meningkat. Jualan harta tanah di lokasi utama, bagaimanapun,

kekal kukuh dengan sokongan daripada pembeli tempatan dan asing. Dalam tempoh suku kedua 2006, Indeks Harga Rumah Tahunan Malaysia bertambah 1.4% dan meningkatkan harga semua rumah kepada RM163,559 (April-Jun 2005: 3.4%; RM161,492).

Kerajaan melalui Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) terus membina rumah mampu milik berharga di bawah RM70,000 bagi membantu memenuhi keperluan rakyat berpendapatan rendah. Segmen perumahan ini masih kekurangan penawaran disebabkan pemaju swasta yang lazimnya lebih cenderung kepada pembinaan unit berkos sederhana dan tinggi yang lebih menguntungkan. Pada masa ini, SPNB sedang membangunkan 16 projek dengan anggaran kos RM2,116 juta di pelbagai lokasi di seluruh negara. Di samping itu, dalam tempoh enam bulan pertama 2006, SPNB telah menyiapkan tujuh projek perumahan terbengkalai pada kos RM172 juta dalam usaha membantu pembeli yang terjejas.

CARTA 3.6

Penunjuk Penawaran Kediaman



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC).

Subsektor bukan kediaman secara keseluruhannya mencatatkan aktiviti yang lebih perlahan berbanding tempoh yang sama pada tahun lalu. Pembinaan **ruang pejabat** terus merosot dengan jumlah penawaran akan datang berkurangan 16.6% pada akhir-Jun 2006 (akhir-Jun 2005: -15.6%). Paras stok sedia ada bangunan pejabat meningkat kepada 14,384,266 meter persegi (m.p.) berikutan siapnya 10 hartanah dengan jumlah ruang sebanyak 162,536 m.p. Di sebalik penawaran baru yang terhad, kadar penghunian ruang pejabat secara keseluruhan terus tinggi pada paras 84.2%, disokong oleh kecergasan aktiviti perkhidmatan dan perniagaan. Bagi pembinaan unit **industri** dan **kedai**, penawaran akan datang bagi setiap satu merekodkan penurunan 10.6% dan 3.4% pada akhir Jun 2006.


Pembinaan **ruang niaga**, bagaimanapun, mencatatkan aktiviti yang lebih tinggi dengan peningkatan 1.4% dalam penawaran akan datang pada akhir Jun 2006 (akhir-Jun 2005: -10.3%), disokong oleh peningkatan ketara ruang niaga

mula dibina terutamanya di Kuala Lumpur. Sejumlah lapan kompleks membeli-belah baru dengan keluasan 132,339 m.p. telah disiapkan dalam tempoh ini, meningkatkan stok sedia ada kepada 7,515,531 m.p. Kadar penghunian keseluruhan ruang niaga terus tinggi pada tahap 80.1%, disokong oleh perbelanjaan pengguna yang mantap dan kecergasan aktiviti perniagaan. Peningkatan penawaran akan datang bagi ruang niaga, termasuk aktiviti pembesaran pasar raya besar sedia ada, mencerminkan keyakinan berterusan dalam perniagaan perdagangan runcit.

Dalam industri riadah, sejumlah lima **hotel** baru dengan 713 bilik telah disiapkan bagi tempoh enam bulan pertama 2006 (Januari-Jun 2005: 2 hotel; 155 bilik), membawa kepada peningkatan jumlah stok hotel di seluruh negara kepada 2,134 hotel dan 143,745 bilik. Sungguhpun bilangan hotel baru bertambah dan kadar caj bilik meningkat mulai Januari 2005, purata kadar penghunian bagi hotel 3–5 bintang bertahan pada paras 58.4% dalam tempoh tersebut,

CARTA 3.7

Penunjuk Penawaran Bukan Kediaman



didorong oleh pertambahan bilangan ketibaan pelancong, penganjuran lebih banyak mesyuarat, persidangan dan pameran antarabangsa serta pelbagai perayaan tempatan.

Urus niaga hartanah keseluruhan berkurangan 4.1% kepada 131,322 urus niaga bagi tempoh enam bulan pertama 2006 (Januari-Jun 2005: 0.5%; 136,945 urus niaga) dengan pertumbuhan negatif dicatatkan oleh semua segmen. Urus niaga kediaman yang meliputi 64.5% daripada jumlah keseluruhan urus niaga susut 3.4% dalam tempoh terbabit, diikuti urus niaga pertanian (-6.6%), komersial (-1%), pembangunan (-6.6%) dan perindustrian (-9.8%). Nilai keseluruhan urus niaga, bagaimanapun, meningkat 1.1% didorong oleh nilai urus niaga pembangunan, pertanian dan perindustrian yang lebih tinggi.

Sektor Perkhidmatan

Sektor perkhidmatan terus berkembang...

Sektor perkhidmatan terus memainkan peranan sebagai pemacu utama pertumbuhan pada tahun 2006 dan dijangka berkembang dengan mantap, diterajui oleh subsektor **perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran; pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi** serta **kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan**. Perkhidmatan berkaitan perdagangan akan terus memperoleh faedah daripada eksport yang mapan, sementara perbelanjaan swasta yang kukuh akan memberi sokongan tambahan kepada kadar pertumbuhan mapan sektor perkhidmatan seperti di *Jadual 3.12*. Pertumbuhan sektor perkhidmatan pada tahun 2006 dijangka meningkat 5.7% (2005: 6.5%) selari dengan perkembangan sektor utama yang lain. Sumbangan sektor perkhidmatan kepada KDNK dijangka kekal pada kadar 58.2% bagi tahun 2006 (2005: 58.2%). Ini menggambarkan usaha gigih Kerajaan untuk terus membangunkan sektor ini bagi meningkatkan nilai rantai dan menggalakkan perdagangan perkhidmatan, terutamanya bagi industri pengangkutan dan pelancongan dengan penekanan diberi kepada pelancongan kesihatan dan pendidikan serta mempercepatkan pembangunan industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Pertumbuhan subsektor **perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran** dijangka berkembang pada kadar 6.5% (2005: 8%) disokong oleh sentimen pengguna yang menggalakkan dan keyakinan perniagaan yang kukuh serta keadaan pasaran buruh yang sihat. Pertumbuhan mantap dalam aktiviti perdagangan borong dan runcit ditunjukkan dengan pembukaan kompleks perniagaan runcit yang baru dan perkembangan aktiviti oleh kebanyakan pasar raya besar, pasar raya dan kedai khusus. Mula beroperasi pada pertengahan tahun 1990-an, pasar raya besar milik asing semakin popular di Malaysia dan terus berkembang dengan pesatnya. Pada akhir Julai 2006, terdapat empat pasar raya besar milik asing yang mengendalikan 45 *outlets* di dalam negara dan menyediakan peluang pekerjaan kepada kira-kira 12,100 pekerja tempatan. Perkembangan dalam industri runcit telah mendapat manfaat berikutan pertumbuhan pesat industri pelancongan, terutamanya daripada pelancong yang berbelanja tinggi dari negara Timur Tengah.

Selaras dengan kemajuan keseluruhan pasaran pelancongan global, **industri pelancongan domestik** juga terus kukuh, disokong oleh kadar pertumbuhan yang mantap bagi ketibaan pelancong, terutamanya daripada negara ASEAN. Ketibaan pelancong dijangka meningkat 6.7% kepada 17.5 juta pada tahun 2006, menjana pendapatan sebanyak RM34.6 bilion (2005: 16.4 juta; RM31.9 bilion). Bagi tempoh lima bulan pertama tahun 2006, jumlah ketibaan pelancong meningkat 5.4% kepada 7.2 juta (Januari-Mei 2005: 4.9%; 6.8 juta), dengan jumlah ketibaan tertinggi pernah direkodkan seramai 1.54 juta pelancong pada bulan Mac 2006 berikutan beberapa acara utama peringkat antarabangsa. Dari segi pembahagian pasaran, Malaysia kekal menjadi destinasi popular pelancong ASEAN, merangkumi 77% daripada jumlah ketibaan pelancong. Pelancaran kempen Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2007 pada Januari 2006 bersempena dengan sambutan ulang tahun kemerdekaan Malaysia yang ke-50, dijangka meningkatkan lagi ketibaan pelancong kepada 20.1 juta orang pada tahun 2007.

Industri Mesyuarat, Insentif, Persidangan dan Pameran (MICE) telah menjadi komponen penting dalam sektor pelancongan. Sebanyak 3,500 acara

JADUAL 3.12

Prestasi Sektor Perkhidmatan**2005-2007**


(pada harga benar 1987)

	Perubahan (%)			Sumbangan kepada KDNK (%)		
	2005	2006 ¹	2007 ²	2005	2006 ¹	2007 ²
Elektrik, gas dan air (utiliti)	5.6	4.4	4.7	4.1	4.1	4.0
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	6.2	5.9	5.9	8.8	8.8	8.8
Kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan	5.7	6.0	5.9	15.4	15.4	15.4
Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran	8.0	6.5	7.3	14.7	14.8	14.9
Perkhidmatan kerajaan	7.6	5.8	5.5	7.5	7.5	7.4
Perkhidmatan lain	4.9	4.4	4.8	7.7	7.6	7.6
Jumlah	6.5	5.7	6.0	58.2	58.2	58.1

¹ Anggaran.² Unjuran.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

CARTA 3.8

Industri Pelancongan

Sumber: Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia.

MICE antarabangsa dijadualkan pada tahun 2006, melibatkan kira-kira 984,000 delegasi asing dengan jumlah pendapatan dijangka meningkat kukuh sebanyak 45% kepada RM3.5 bilion (2005: 3,230 acara; 780,000 delegasi asing; 11.9%; RM2.4 bilion). Memandangkan potensinya yang amat besar, Kerajaan akan terus mempromosi Malaysia sebagai destinasi pilihan untuk MICE melalui pemasaran yang agresif, promosi dan pemberian insentif yang menarik.

Nilai ditambah subsektor **pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi** terus berkembang kukuh dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2006 dan dijangka mencatat pertumbuhan sebanyak 5.9% pada tahun 2006 (2005: 6.2%) dijana oleh perkembangan pesat dalam aktiviti pembuatan dan pertumbuhan ketara dalam industri perkhidmatan telekomunikasi, khususnya segmen telefon mudah alih. Segmen telefon mudah alih kekal sebagai penyumbang utama pertumbuhan industri telekomunikasi, dengan mencatat peningkatan ketara dalam jumlah pelanggan serta penggunaan perkhidmatan suara dan data. Pada akhir Jun 2006, bilangan pengguna telefon mudah alih meningkat sebanyak 28.4% kepada 21.3 juta dengan 80.8% kadar penembusan (akhir Jun 2005: 33.5%; 16.6 juta; 63.3%). Harga telefon mudah alih yang berpatutan, harga kit permulaan yang rendah serta strategi pemasaran yang agresif oleh penyedia perkhidmatan menyumbang kepada pertumbuhan kukuh jumlah pelanggan. Meskipun dengan pasaran yang semakin tepu, jumlah pelanggan telefon mudah alih dijangka mencatat 23 juta dengan kadar penembusan 85.4% pada penghujung tahun ini. Dalam tempoh enam bulan pertama 2006 jumlah penggunaan perkhidmatan pesanan pendek (SMS) meningkat dengan mendadak sebanyak 80.1%, mencapai 15.1 bilion (Januari-Jun 2005: 104.7%; 8.4 bilion) didorong oleh aktiviti promosi berasaskan SMS yang agresif untuk program radio, rancangan interaktif dan realiti TV serta acara sukan antarabangsa yang popular. Industri ini juga dijangka memperoleh manfaat daripada peningkatan kandungan serta liputan perkhidmatan 3G. Bilangan pelanggan internet meningkat 4.5% kepada 3.73 juta pelanggan pada akhir tahun 2006 (akhir Jun

2005: 14.5%; 3.57 juta), bersamaan kadar penembusan 14% (akhir Jun 2005: 13.7%). Pelanggan internet dijangka mencapai empat juta menjelang hujung tahun ini.

Persaingan yang sengit daripada mod komunikasi elektronik seperti SMS dan e-mel serta syarikat penghantaran cepat menyebabkan jumlah mel yang dikendalikan oleh Pos Malaysia Berhad (PMB) menguncup 2% kepada 605 juta bagi tempoh separuh pertama 2006 (Januari-Jun 2005: 7.9%; 617.2 juta) walaupun segmen kiriman bungkusan terus mencatat pertumbuhan teguh sebanyak 26.1%. Jumlah mel pada tahun 2006 bagaimanapun, dijangka pulih dan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.7% kepada 1.28 bilion (2005: -0.4%; 1.23 bilion), disokong oleh beberapa inisiatif terbaru yang telah dilaksanakan untuk mencapai kecemerlangan operasi dalam perkhidmatan pos, mengoptimalkan rantai penawaran pos serta memperbaiki perhubungan antara pelanggan.

Didorong oleh perdagangan antarabangsa dan aktiviti berkaitan perdagangan yang menggalakkan, pertambahan kapasiti bagi kemudahan dan peralatan pelabuhan serta peningkatan dalam produktiviti, jumlah kendalian kontena di tujuh pelabuhan utama iaitu Pelabuhan Klang, Pulau Pinang, Johor termasuk Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP), Kuantan, Kuching, dan Bintulu, meningkat kepada 6.3 juta *twenty-foot equivalent units* (TEUs) bagi tempoh separuh pertama 2006 (Januari-Jun 2005: 3.3%; 5.8 juta TEUs), pertambahan sebanyak 9.5% berbanding tempoh yang sama pada tahun lepas. Pelabuhan Klang, terdiri daripada Northport dan Westports, mengendalikan 3.1 juta TEUs atau 48.3% (Januari-Jun 2005: 2.7 juta TEUs; 46.8%) daripada jumlah kontena yang dikendalikan manakala kendalian kontena PTP meningkat kepada 2.2 juta TEUs bagi tempoh yang sama (Januari-Jun 2005: 2.1 juta TEUs). Sementara itu, jumlah kapal yang berlabuh di tujuh pelabuhan utama tersebut meningkat sebanyak 704 buah kapal kepada 21,603 kapal bagi tempoh yang sama dengan Pelabuhan Klang menguasai 37.3% daripada jumlah kapal berlabuh (Januari-Jun 2005: 20,899; 36%).

Pertumbuhan pengangkutan darat terus meningkat pada kadar yang stabil diterajui oleh penambahbaikan dalam infrastruktur darat dan rel serta peningkatan sambungan kepada

mod pengangkutan yang lain, diperkukuhkan lagi dengan pertumbuhan berterusan dalam aktiviti ekonomi. Bilangan kenderaan di lebuh raya bertol meningkat 5.2% kepada 545.1 juta bagi tempoh enam bulan pertama tahun 2006 (Januari-Jun 2005: 7.3%; 518.1 juta). Pembukaan beberapa persimpangan bertingkat baru sebelum akhir tahun 2006 di sepanjang lebuh raya PLUS, berserta dengan kerja-kerja menaik taraf, dijangka mengurangkan kesesakan lalu lintas, memudahkan akses serta menambahkan kutipan tol.

Proses penyusunan semula sistem pengangkutan awam (SPA) di Lembah Klang menyaksikan penumpang perkhidmatan rel bandar (Ampang/ Sri Petaling Line, Kelana Jaya Line, KL Monorel, *express rail link* (ERL) dan Komuter) meningkat 4% kepada 79.4 juta bagi tempoh enam bulan pertama 2006 (Januari-Jun 2005: 76.4 juta). Penggunaan perkhidmatan rel bandar dijangka meningkat 3.1% kepada 162.6 juta pada tahun 2006 (2005: 9.1%; 157.7 juta) berikutan usaha yang dilaksanakan bagi mempertingkatkan operasi dan rangka kerja kawal selia, meningkatkan infrastruktur pengangkutan dan memperkenalkan insentif baru kepada pengguna serta meningkatkan penyambungan, kekerapan dan kecekapan di antara pelbagai mod SPA. Sementara itu, jumlah penumpang keretapi antara bandar meningkat sebanyak 8.5% kepada 1.9 juta penumpang (Januari-Jun 2005: -3.2%; 1.7 juta) manakala, hasil kekal kukuh pada kadar 1.3% dalam tempoh separuh pertama 2006 iaitu sebanyak RM33.9 juta (Januari-Jun 2005: 1.3%; RM33.4 juta).

Perkhidmatan fret merupakan penyumbang utama kepada pendapatan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Dengan penggunaan sepenuhnya 20 unit lokomotif berkuasa tinggi keupayaan volum dijangka akan terus meningkat. Prospek pertumbuhan KTMB juga disasarkan untuk mengangkut fret jarak jauh dengan barangan berpulangan tinggi, seperti kargo kontena yang merangkumi 65% daripada hasil perkhidmatan fret. Perkhidmatan pengangkutan darat di antara pelabuhan juga telah meningkat untuk membolehkan KTMB mengendalikan kira-kira 450,000 TEUs pada tahun ini (2005: 380,000 TEUs). Sementara itu, operasi *pit stop* (PSO) yang melibatkan pemantauan rapi dan penelitian

semua operasi kritikal di terminal seperti masa yang diambil untuk pelansiran, pemunggaan, pengisian minyak dan pemeriksaan telah mempercepatkan proses kerja dan meningkatkan produktiviti. PSO yang telah dilaksanakan di Padang Besar dan Butterworth sejak September 2005, bertujuan untuk meningkatkan muatan dan hasil dengan memastikan pematuhan ketat ke atas jadual pelepasan kereta api daripada terminal.

Prospek pertumbuhan segmen pengangkutan udara kekal menggalakkan pada tahun 2006. Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang dipilih oleh Kajian AETRA 2005 sebagai Lapangan Terbang Terbaik bagi kategori 15-25 juta penumpang setahun, terus mencatat pertumbuhan kukuh dalam pergerakan penumpang dan kargo berikutan kemudahan penerbangan yang baik serta peralatan dan perkhidmatan yang disediakan pada kadar yang kompetitif. Dalam keputusan yang diumumkan pada Mac 2006, KLIA juga telah dianugerahkan tempat ketiga bagi kategori Lapangan Terbang Terbaik Seluruh Dunia dan Lapangan Terbang Terbaik bagi kategori Asia Pasifik. Kajian AETRA merupakan program penanda aras kepuasan pelanggan bagi lapangan terbang yang dijalankan oleh *Airports Council International* (ACI) bersama *International Air Transport Association* (IATA).

Pengendalian kargo udara di KLIA melonjak kepada 315.9 juta tan metrik, menunjukkan pertumbuhan mantap 20.6% bagi tempoh enam bulan pertama 2006 (Januari-Jun 2005: -15.3%; 262 juta tan metrik) manakala, jumlah penumpang meningkat 4.9% kepada 11.6 juta (Januari-Jun 2005: 12%; 11.1 juta). Semua lapangan terbang tempatan, termasuk Lapangan Terbang Antarabangsa Senai yang telah diswastakan, juga mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan dalam kedua-dua kategori bagi tempoh yang sama. Jumlah kargo meningkat 31.5% kepada 519.4 juta tan metrik manakala jumlah penumpang bertambah 4% kepada 21.4 juta penumpang (Januari-Jun 2005: -13%, 395.1 juta tan metrik; 6%, 20.6 juta penumpang). Pertumbuhan mantap bagi penumpang pengangkutan udara disokong oleh peningkatan populariti dan permintaan bagi perjalanan tambang murah. Pemasaran agresif, destinasi baru, peningkatan kekerapan penerbangan serta penambahan kapasiti tempat

duduk melalui pertambahan pesawat, telah meningkatkan jumlah penumpang penerbangan tambang murah AirAsia Berhad sebanyak 37.3% kepada 3.2 juta penumpang bagi enam bulan pertama pada tahun ini berbanding 2.3 juta penumpang dalam tempoh yang sama pada 2005.

Penerbangan tambang murah dan pelancongan terus meningkat apabila terminal penerbangan tambang murah (LCCT) pertama di Asia mula beroperasi pada Mac 2006. LCCT yang kini merupakan hab AirAsia Berhad dan rakan kongsi, Thai AirAsia dan PT Indonesia AirAsia, dijangka menerima hampir 4.1 juta penumpang sehingga akhir tahun ini (Mac-Julai 2006: 1.9 juta penumpang). Memandangkan lebih banyak syarikat penerbangan tambang murah asing dijangka mendarat di LCCT pada tahun hadapan, jumlah penumpang dijangka meningkat pada kadar yang lebih tinggi dan seterusnya merangsang kemajuan industri penerbangan tambang murah. Sementara itu, Terminal Dua KKIA sedang dinaik taraf kepada LCCT kedua dan dijangka siap pada akhir tahun ini. Terminal tersebut yang bertujuan menarik jumlah penumpang serta pelancong yang semakin ramai ke Sabah dan Sarawak, dijangka menerima hampir 832,000 penumpang dalam tahun pertama operasinya.

Subsektor **kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan** dijangka mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 6% pada tahun 2006 (2005: 5.7%) selaras dengan perkembangan keseluruhan ekonomi. Pertumbuhan subsektor tersebut disokong oleh pinjaman bank yang mapan, prestasi positif industri insurans dan urus niaga pasaran ekuiti yang lebih tinggi. Perkembangan perkhidmatan kewangan Islam berikutan penubuhan beberapa subsidiari Islam dan pengendali takaful dijangka terus menyokong pertumbuhan subsektor ini. Pinjaman terkumpul sistem perbankan meningkat 8.6% kepada RM579.3 bilion hingga akhir Jun 2006 (akhir 2005: 8.6%; RM558.1 bilion), dengan pinjaman PKS merangkumi 17.7% dan pinjaman isi rumah pula sebanyak 55.2%, menggambarkan perkembangan kukuh aktiviti PKS dan penggunaan. Premium insurans nyawa dan am meningkat walaupun pada kadar sederhana sebanyak 2.4% bagi tempoh enam bulan pertama tahun 2006.

Pasaran ekuiti juga mencatatkan urus niaga yang lebih tinggi sebanyak 112.3 bilion unit sepanjang tempoh tersebut (Januari-Jun 2005: 65.4 bilion unit). Sementara itu, pertumbuhan dalam subsektor perkhidmatan perniagaan dijangka akan disokong oleh perkhidmatan perkongsian, proses perniagaan penyumberan luar dan perkhidmatan berkaitan IT.

Malaysia diiktiraf sebagai lokasi pilihan bagi aktiviti perkongsian dan penyumberan luar (SSO). Sepanjang enam bulan pertama 2006, 79 pertubuhan serantau telah diluluskan (akhir 2005: 2,097), meliputi sembilan ibu pejabat operasi (OHQ), sepuluh pusat perolehan antarabangsa (IPC), tiga pusat pengagihan serantau (RDC), 18 pejabat serantau (RO) dan 39 pejabat perwakilan (RE). Pertubuhan serantau ini kebanyakannya merupakan syarikat asing yang terlibat dengan aktiviti kewangan, E&E, pembinaan, makanan dan minuman, bahan kimia, logistik serta automotif. Selain daripada itu, 14 syarikat SSO telah dianugerahkan status Koridor Raya Multimedia Malaysia (MSC Malaysia) sepanjang tempoh tujuh bulan pertama 2006.

Aktiviti berkaitan IT terus mendapat faedah daripada usaha Kerajaan untuk membangunkan lagi MSC Malaysia serta meningkatkan akses, penggunaan dan menerima pakai ICT. MSC Malaysia telah diperluaskan lagi dengan KL Sentral dianugerahkan status pusat siber MSC Malaysia pada bulan Februari dan Pusat Perdagangan Antarabangsa Melaka (MITC) pada bulan Jun 2006. Kini, sembilan syarikat berstatus MSC Malaysia sedang beroperasi di KL Sentral. Berikutan pertambahan sebanyak 131 syarikat dalam tempoh tujuh bulan pertama 2006, sejumlah 1,552 (akhir 2005: 1,421), syarikat telah mendapat status MSC Malaysia. Industri berkaitan IT akan berkembang berikutan perluasan program pengkomputeran agensi kerajaan, peningkatan aplikasi kerajaan elektronik serta pelaksanaan program merapatkan jurang digital seperti penubuhan Medan InfoDesa di kawasan luar bandar. Peningkatan penggunaan IT dalam bidang perbankan dan kewangan, komunikasi, media, pembuatan, pendidikan dan kesihatan juga akan menyumbang kepada pengembangan industri IT selanjutnya.

Kadar pertumbuhan subsektor **utiliti** dijangka meningkat 4.4% (2005: 5.6%) selaras dengan

permintaan mantap untuk bekalan elektrik dan air daripada segmen komersial, industri dan isi rumah. Jualan elektrik meningkat 3.5% bagi tempoh enam bulan pertama 2006 (Januari-Jun 2005: 5.8%) sementara itu, permintaan maksimum terhadap bekalan elektrik adalah tertinggi pada tahap 14,116 megawatt (MW) pada bulan Jun 2006 (Mei 2005: 13,705 MW), mencerminkan aliran permintaan yang semakin kukuh berikutan peningkatan aktiviti pembuatan dan komersial. Bekalan air kepada pelanggan, merupakan 66% daripada isi rumah, dijangka meningkat 2.2% kepada 7,113 juta liter sehari (mld) pada tahun 2006 (2005: -2.1%; 6,960 mld) manakala jumlah penggunaan bermeter bagi tempoh enam bulan pertama 2006 meningkat 2.2% kepada 3,558 mld (Januari-Jun 2005: -2.1%; 3,480 mld).

Subsektor **perkhidmatan kerajaan** dijangka berkembang 5.8% pada tahun 2006 (2005: 7.6%). Pengembangan ini selaras dengan usaha berterusan Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti dan memperkemaskan sistem penyampaian perkhidmatan sektor awam bagi menyediakan persekitaran yang lebih kondusif untuk inisiatif sektor swasta.

Subsektor **perkhidmatan lain** dijangka meningkat 4.4% (2005: 4.9%), disokong oleh perkembangan aktiviti perkhidmatan swasta seperti pendidikan dan penjagaan kesihatan. Dalam industri pendidikan swasta, sehingga kini, terdapat

lebih 550 institusi pengajian tinggi swasta, termasuk 11 universiti swasta dan lima kampus cawangan universiti asing. Usaha Kerajaan untuk mempromosi Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini telah meningkatkan bilangan pelajar asing di institusi swasta sebanyak 27.8% kepada 44,709 pelajar pada akhir tahun 2005 (akhir 2004: 16.1%; 34,991 pelajar). Daripada jumlah tersebut, 10,806 merupakan pelajar sekolah antarabangsa dan swasta. Sementara itu, jumlah pesakit asing yang menerima rawatan di hospital swasta di bawah program pelancongan kesihatan dijangka terus merekodkan pertumbuhan kukuh sebanyak 35.3% pada tahun 2006 (2005: 33.3%) dengan lebih daripada 75% pesakit adalah dari Indonesia, 6% dari Jepun, 3% dari Eropah dan selebihnya dari India, Singapura, Australia, China dan AS. Jangkaan pertumbuhan yang mantap tersebut adalah selaras dengan usaha berterusan Kerajaan untuk mempromosi Malaysia sebagai hab serantau bagi perkhidmatan penjagaan kesihatan.

Prestasi Eksport

Pengembangan ekonomi global terus memacu eksport...

Malaysia secara berterusan telah mencatat lebihan imbalan perdagangan yang kukuh sejak tahun 1998 berikutan terutamanya oleh daya

JADUAL 3.13

Eksport Kasar 2005-2006

	RM juta		Perubahan (%)		Sumbangan (%)	
	2005	2006 ¹	2005	2006 ¹	2005	2006 ¹
Barangan pembuatan	435,742	484,862	10.4	11.3	81.6	80.8
Barangan pertanian	33,181	38,592	3.5	16.3	6.2	6.4
Barangan perlombongan	51,085	59,902	28.8	17.3	9.6	10.0
Lain-lain	13,780	16,603	-3.6	20.5	2.6	2.8
Eksport kasar	533,788	599,959	11.0	12.4	100.0	100.0

¹ Anggaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

saing produk Malaysia dan juga usaha gigih Kerajaan dalam mempromosikan perdagangan eksport. Kedudukan perdagangan Malaysia kekal kukuh pada tahun 2006 dengan lebih dagangan sekali lagi dijangka untuk tahun kesembilan berturut-turut. Dalam tempoh enam bulan pertama eksport mencatat pertumbuhan sebanyak 10.6% (Januari-Jun 2005: 12.2%). Trend ini dijangka mengukuh dalam bulan-bulan seterusnya, hasil daripada jangkaan peningkatan dalam industri elektronik dan harga komoditi yang tinggi. Pendapatan eksport kasar Malaysia (f.o.b.) dijangka berkembang kukuh sebanyak 12.4% pada 2006 (2005: 11%). Mengikut kategori, eksport barangan pembuatan yang merangkumi 80.8% daripada keseluruhan eksport dianggarkan meningkat 11.3% (2005: 81.6%; 10.4%), berikutan permintaan yang semakin mantap untuk barangan elektronik, terutamanya ICT. Selain itu, harga komoditi yang kukuh juga dijangka akan menambahkan lagi perolehan eksport dengan eksport perlombongan utama dijangka meningkat 17.3% dan keluaran pertanian sebanyak 16.3% (2005: 28.8%; 3.5%).

Eksport Barangan Pembuatan

Eksport pembuatan kekal kukuh berikutan trend pemulihan elektronik global...

Eksport barangan pembuatan mengekalkan prestasi pertumbuhan yang kukuh, meningkat 10.4% dalam tempoh separuh pertama 2006 (Januari-Jun 2005: 10.9%) dan sebahagian besarnya disumbangkan oleh peningkatan eksport produk E&E. Eksport produk bukan E&E juga mencatat pertumbuhan mantap, terutamanya bagi produk berasaskan sumber iaitu petroleum, getah, besi dan keluli.


Pendapatan eksport **E&E** yang merangkumi 63% daripada keseluruhan eksport pembuatan terus meningkat kukuh sebanyak 7.3% (Januari-Jun 2005: 9.3%) disokong oleh peningkatan eksport perkakasan elektronik sebanyak 12.7% dan alat ganti elektronik serta produk elektrik dan jentera sebanyak 7% (Januari-Jun 2005: 15.9%; 10.6%). Malaysia akan terus mendapat manfaat daripada trend peningkatan dalam permintaan global produk elektronik pengguna khususnya alat komunikasi tanpa wayar dan peranti digital

seperti telefon selular 3G, pembantu digital peribadi (PDA), kamera digital, komputer peribadi dan peranti pemancar memori. Sementara itu, semikonduktor yang merupakan komponen utama E&E menyumbang 19.7% atau RM45 bilion kepada keseluruhan eksport pembuatan (Januari-Jun 2005: 21.5%; RM44.5 bilion). Eksport produk ini dijangka terus meningkat dalam tempoh separuh kedua 2006 berikutan prospek pertumbuhan jualan produk elektronik global yang lebih baik, khususnya bagi permintaan global semikonduktor yang dijangka meningkat 9.8% bagi keseluruhan tahun 2006 (2005: 6.8%).

Eksport pembuatan **bukan E&E** mencatat pertumbuhan mantap sebanyak 16.2% dalam tempoh enam bulan pertama 2006 (Januari-Jun 2005: 13.8%) dengan semua industri mencatat pertumbuhan positif. Pendapatan eksport produk besi dan keluli, petroleum dan produk berasaskan getah telah mendapat manfaat daripada kenaikan harga. Jumlah

CARTA 3.9

Eksport E&E, Nisbah Book-to-Bill dan Jualan Semikonduktor Sedunia



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Semiconductor Industry Association (SIA) dan Semiconductor Equipment and Materials International (SEMI).

pendapatan eksport daripada **produk besi, keluli dan logam** mencatat pertumbuhan teguh sebanyak 29.1%, terutamanya bagi eksport ke Thailand, Viet Nam, Rusia, Itali dan Singapura. **Produk petroleum** juga mencatat pendapatan eksport yang lebih tinggi dengan pertumbuhan mantap sebanyak 34.9% disumbangkan oleh peningkatan volum dan harga yang lebih tinggi.

Eksport **produk getah** meningkat ketara sebanyak 28.1% untuk tempoh enam bulan pertama 2006 (Januari-Jun 2005: 10.9%). Ini didorong terutamanya oleh eksport bahan-bahan daripada getah yang melonjak tinggi sebanyak 104.4% (Januari-Jun 2005: 10.7%) manakala sarung tangan getah khususnya untuk pembedahan dan kegunaan lain, meningkat 15.5% (Januari-Jun 2005: 8.7%) dalam tempoh yang sama, berikutan permintaan pasaran luar yang amat menggalakkan. Prestasi eksport produk getah yang menggalakkan juga disumbang oleh peningkatan mantap permintaan luar terutamanya

dari China sebanyak 393.7% untuk memenuhi keperluan industri automotif yang sedang berkembang pesat.

Eksport **tekstil, pakaian dan kasut** menunjukkan peningkatan yang kukuh seperti di *Jadual 3.14*. Ini adalah manfaat yang dinikmati oleh pengilang dan pengeksport pakaian dan tekstil hasil daripada liberalisasi pasaran dengan pemansuhan *Multi-Fibre Agreement* (MFA) dan *Agreement on Textile and Clothing* di bawah *World Trade Organization* (WTO), berkuat kuasa 1 Januari 2005. Pada masa yang sama, langkah pengurangan kuota oleh Kesatuan Eropah (EU) juga menyumbang kepada prestasi eksport tekstil dan pakaian yang menggalakkan.

Eksport **kimia dan produk kimia** merangkumi 7.2% daripada jumlah eksport pembuatan, merosot 2.1% dalam tempoh separuh pertama 2006 (Januari-Jun 2005: 11.6%), disebabkan sebahagian besarnya oleh penguncupan sebanyak 17.5% dalam eksport kimia organik

JADUAL 3.14

Eksport Barangan Pembuatan Januari-Jun

	RM juta		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2005	2006	2005	2006	2005	2006
Peralatan elektronik, elektrik dan jentera	133,888	143,673	9.3	7.3	64.8	63.0
Semikonduktor	44,523	44,972	1.3	1.0	21.5	19.7
Kelengkapan dan alat ganti elektronik	53,878	60,714	15.9	12.7	26.1	26.6
Produk elektrik dan jentera	35,488	37,987	10.6	7.0	17.2	16.6
Produk bukan elektronik dan elektrik	72,779	84,543	13.8	16.2	35.2	37.0
Kimia, produk kimia dan plastik	16,105	16,439	11.6	2.1	7.8	7.2
Produk berasaskan petroleum	8,970	12,098	34.3	34.9	4.3	5.3
Produk besi, keluli dan logam	8,569	11,082	12.8	29.3	4.1	4.9
Produk berasaskan kayu	6,382	6,689	11.3	4.8	3.1	2.9
Tekstil, pakaian dan kasut	4,967	5,408	-0.5	8.9	2.4	2.4
Makanan, minuman dan tembakau	4,808	5,504	9.9	15.1	2.3	2.4
Produk berasaskan getah	3,317	4,249	10.9	28.1	1.6	1.9
Kelengkapan pengangkutan	2,814	5,067	42.3	80.0	1.4	2.2
Produk galian bukan logam	1,416	1,589	-7.5	12.2	0.7	0.7
Produk pembuatan lain	15,430	16,418	13.3	5.8	7.5	7.2
Jumlah	206,667	228,215	10.9	10.4	100.0	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan MATRADE.

yang merupakan komponen terbesar dalam kumpulan ini. Sebaliknya, **produk plastik** yang merupakan satu lagi subkomponen utama mencatat pertumbuhan eksport yang memberangsangkan seiring dengan trend industri E&E yang terus berkembang. Produk plastik kebanyakannya adalah dieksport sebagai komponen dan alat ganti untuk keperluan industri E&E dan automotif.


Eksport **produk besi, keluli dan logam** yang menyumbang 4.9% kepada jumlah eksport pembuatan juga meningkat ketara sebanyak 29.3% (Januari-Jun 2005: 12.8%). Ini didorong

Eksport **kelengkapan pengangkutan** sebaliknya terus mencatat pertumbuhan memberangsangkan pada kadar 80% dalam tempoh separuh pertama tahun 2006 (Januari-Jun 2005: 42.3%). Pertumbuhan ini disumbangkan oleh peningkatan kukuh sebanyak 188.7% eksport pengangkutan lain yang merangkumi kapal terbang, kapal laut, bot dan struktur terapung. Bagaimanapun, eksport bagi kategori pengangkutan jalan mengalami peningkatan kecil sebanyak 0.5% (Januari-Jun 2005: 43.7%).

Pertumbuhan mantap juga dicapai dalam eksport produk pembuatan **bukan E&E lain** seperti makanan, minuman dan tembakau yang meningkat 14.5% dan galian bukan logam sebanyak 12.2%. Sementara itu, eksport **produk pembuatan lain** yang merangkumi perkakas profesional dan saintifik, barang pembuatan pelbagai dan juga perabot (kecuali perabot kayu) terus meningkat 6.2% dan merangkumi 7.2% daripada jumlah perolehan eksport pembuatan (Januari-Jun 2005: 13.3%; 7.5%). Instrumen profesional dan saintifik serta perabot dan komponen perabot adalah penyumbang terbesar eksport di bawah kategori ini.

CARTA 3.10

Prestasi Eksport Pembuatan Terpilih (% perubahan tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

oleh eksport yang lebih tinggi ke Thailand, Viet Nam dan Rusia, sebahagiannya disebabkan oleh usaha pengilang untuk mengembangkan pasaran eksport berikutan permintaan domestik yang agak lembap sejak separuh kedua 2005, terutamanya bagi produk yang berkaitan dengan sektor pembinaan.

Eksport Komoditi Utama

Pertumbuhan pesat disokong oleh kenaikan harga dan permintaan luar yang menggalakkan...

Perolehan eksport komoditi utama yang terdiri daripada keluaran pertanian dan produk mineral dijangka meningkat pesat sebanyak 16.9% kepada RM98,494 juta pada tahun 2006 (2005: 17.5%; RM84,266 juta). Pertumbuhan dijangka disumbangkan oleh peningkatan perolehan eksport minyak sawit, getah, minyak mentah dan gas asli cecair (LNG) berikutan permintaan luar yang mantap dan harga yang tinggi. Perolehan eksport **komoditi pertanian** bagi tempoh enam bulan pertama 2006 meningkat 7.5% kepada RM17,637 juta (Januari-Jun 2005: 6.5%; RM16,402 juta). Bagi keseluruhan tahun, perolehan eksport ini dijangka meningkat 16.3% kepada RM38,592 juta atas jangkaan harga yang lebih tinggi pada bulan-bulan berikutnya. Begitu

juga, perolehan eksport sektor **perlombongan** meningkat 17.6% dalam tempoh yang sama berikutan permintaan luar yang lebih kukuh dan kenaikan harga minyak mentah dan gas asli. Bagi keseluruhan tahun, perolehan eksport perlombongan dijangka meningkat 17.3% kepada RM59,902 juta (2005: RM51,085 juta), disokong oleh jangkaan peningkatan pengeluaran minyak mentah. Berikutan peningkatan hasil eksport, bahagian komoditi utama kepada eksport kasar meningkat kepada 15% dalam tempoh enam bulan pertama 2006 (Januari-Jun 2005: 11%).

Nilai eksport **minyak sawit** meningkat pada kadar 0.4% kepada 7.84 juta tan metrik dalam tempoh tujuh bulan pertama 2006 (Januari-Julai 2005: 17.2%; 7.8 juta tan metrik) dan kekal sebagai penyumbang terbesar kepada keseluruhan perolehan eksport pertanian dengan bahagian sebanyak 43.8%. Jumlah eksport secara umumnya menunjukkan trend menurun dalam tempoh separuh pertama tahun berikutan pengimportan yang lebih rendah daripada negara-negara Asia Selatan. Walau bagaimanapun, eksport meningkat semula dengan ketara sebanyak 13.1% pada bulan Julai disebabkan oleh pembelian kukuh dari negara China dan lonjakan eksport ke AS dan EU, khususnya Belanda, German dan Denmark. Bagi keseluruhan tahun 2006, perolehan eksport dijangka meningkat 8.4% dengan jangkaan peningkatan eksport dan harga.

Nilai unit eksport purata minyak sawit dijangka meningkat daripada RM1,453 setan metrik pada tahun 2005 kepada RM1,550 setan metrik pada tahun 2006, disebabkan sebahagiannya oleh permintaan yang lebih tinggi di Eropah, khususnya bagi menggantikan minyak *rapeseed* yang digunakan sebagai input bagi pengeluaran biodiesel. Di samping peningkatan promosi CPO sebagai biodiesel, usaha sedang digiatkan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kelebihan tekno-ekonomi dan khasiat pemakanan CPO, khususnya di pasaran bukan tradisi, melalui promosi perdagangan, seminar dan pameran. Pemansuhan sistem kuota oleh China pada tahun 2006 dijangka dapat meningkatkan lagi eksport. Ini memandangkan China merupakan pengimport utama (24%), diikuti oleh kawasan euro (17.8%) dan Pakistan (5.6%). Sementara

itu, pendapatan eksport **minyak isirong sawit** berkurang 14.8% kepada RM1,113 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama 2006 (Januari-Julai 2005: 29%; RM1,307 juta). Jumlah perolehan eksport minyak isirong sawit pada tahun 2006, bagaimanapun, dijangka susut pada kadar 12.9% kepada RM1,900 juta (2005: 26.5%; RM2,181 juta) berikutan pengurangan kuantiti eksport.

Perolehan eksport getah meningkat 55% kepada RM4,010 juta bagi tempoh enam bulan pertama 2006 (Januari-Jun 2005: -0.5%; 2,587 juta) berikutan harga yang mencapai paras tertinggi pada purata RM7.19 sekg. Dengan kuantiti eksport dijangka mencatat 2.8% dan harga yang terus tinggi, jumlah pendapatan eksport dianggar melonjak 51.2% kepada RM8,750 juta (2005: 11.3%; RM5,787 juta). Harga eksport getah dianggar terus tinggi, meningkat 47% pada purata RM7.54 sekg pada tahun 2006 (2005: 9.2%; RM5.13 sekg). Kedudukan harga yang positif ini disebabkan oleh beberapa faktor, termasuk kekangan penawaran dan peningkatan permintaan luar terutamanya bagi kegunaan industri automotif yang berkembang di China dan India serta bagi sarung tangan getah. Di samping itu, kuantiti permintaan getah asli dijangka terus meningkat apabila pengilang beralih daripada menggunakan getah sintetik berasaskan minyak mentah yang mahal kepada getah asli. Dalam pada itu, penawaran getah dijangka terus terhad dengan jangkaan paras stok yang rendah bagi keseluruhan tahun berikutan cuaca yang kurang baik di negara-negara pengeluar utama.

Perolehan eksport **petroleum mentah** terus meningkat sebanyak 24.3% kepada RM15,976 juta (Januari-Jun 2005: 38.9%; RM12,855 juta) dengan harga eksport berada pada purata USD68.9 setong (RM1,912 setan metrik) dalam tempoh enam bulan pertama 2006 (Januari-Jun 2005: USD50.4 setong; RM1,455 setan metrik). Walau bagaimanapun, jumlah eksport berkurang 5.4% kepada 8.357 juta tan metrik (Januari-Jun 2005: -3.8%; 8.834 juta tan metrik), seiring dengan pengeluaran yang lebih rendah berikutan kerja penyelenggaraan yang terjadual dan peningkatan penggunaan domestik. Petroleum mentah dieksport terutamanya ke Australia (20.4%), India (18.7%), Thailand (14.6%), Republik Korea (11%) dan Indonesia (10.5%).

JADUAL 3.15

Eksport Komoditi Utama 2005-2006





	2005	2006 ¹	Perubahan (%)	
			2005	2006 ¹
Minyak sawit²				
Kuantiti ('000 tan metrik)	13,320	14,000	14.4	5.1
Nilai seunit (RM/tan metrik)	1,453	1,550	-15.6	6.7
Nilai (RM juta)	19,351	21,700	-3.5	12.1
Minyak isirong kelapa sawit				
Kuantiti ('000 tan metrik)	761	750	11.4	-1.4
Nilai seunit (RM/tan metrik)	2,546	2,533	0.9	-0.5
Nilai (RM juta)	2,181	1,900	26.5	-12.9
Kayu balak				
Kuantiti ('000 meter padu)	5,759	5,183	10.6	-10.0
Nilai seunit (RM/ meter padu)	428	470	7.6	9.9
Nilai (RM juta)	2,464	2,465	19.0	0.0
Kayu gergaji				
Kuantiti ('000 meter padu)	3,303	3,249	15.0	-1.6
Nilai seunit (RM/ meter padu)	1,051	1,093	5.4	4.0
Nilai (RM juta)	3,471	3,550	21.2	2.3
Getah				
Kuantiti ('000 tan metrik)	1,126	1,160	-3.6	2.8
Nilai seunit (RM/tan metrik)	513	754	9.2	47.0
Nilai (RM juta)	5,787	8,750	11.3	51.2
Lada hitam				
Kuantiti ('000 tan metrik)	18	21	-6.3	16.8
Nilai seunit (RM/tan metrik)	6,733	5,714	10.3	-15.1
Nilai (RM juta)	121	120	3.3	-0.9
Koko				
Kuantiti ('000 tan metrik)	9.3	20	-2.4	115.7
Nilai seunit (RM/tan metrik)	5,422	5,370	-1.5	-1.0
Nilai (RM juta)	50	107	-3.9	113.7
Minyak Mentah				
Kuantiti ('000 tan metrik)	18,223	18,405	-2.4	1.0
Nilai seunit (RM/tan metrik)	1,611	1,880	39.1	16.7
Nilai (RM juta)	29,359	34,600	35.7	17.9
Gas asli cecair				
Kuantiti ('000 tan metrik)	21,948	23,000	5.9	4.8
Nilai seunit (RM/tan metrik)	947	1,054	15.0	11.3
Nilai (RM juta)	20,790	24,424	21.7	16.6
Tin				
Kuantiti ('000 tan metrik)	33.6	34.0	12.2	1.2
Nilai seunit (RM/tan metrik)	28	31	-11.9	12.0
Nilai (RM juta)	935	1,060	-1.2	13.3
Jumlah nilai (RM juta)	84,266	98,494	17.5	16.9

¹ Anggaran.² Termasuk minyak sawit mentah, minyak sawit diproses dan stearin.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

CARTA 3.11

Eksport Komoditi Utama



S - Suku tahunan.

Perolehan eksport **LNG** terus meningkat sebanyak 11.4% (Januari-Jun 2005: 24.9%), didokong oleh peningkatan 17.6% dalam harga eksport walaupun kuantiti eksport merosot. Jepun kekal sebagai pengimport utama LNG (62%) diikuti oleh Republik Korea (22%) dan Taiwan (15%). Pada masa ini Malaysia, yang mencakupi 15.7% daripada jumlah eksport global, merupakan pengeksport kedua terbesar LNG selepas Indonesia dengan jumlah eksport sebanyak 20.8 juta tan metrik.

Prestasi Import

Import berkembang pesat hasil kecergasan aktiviti pelaburan...

Bagi tempoh enam bulan pertama 2006, import kasar dinilai pada kos, insurans dan fret (c.i.f) mencatatkan pertumbuhan 12.6% (Januari-Jun 2005: 9%). Pertumbuhan ini didorong oleh permintaan kukuh untuk barangan modal dan

JADUAL 3.16

Import Barangan Mengikut Penggunaan Akhir Januari–Jun

	RM juta		Perubahan (%)		Sumbangan (%)	
	2005	2006	2005	2006	2005	2006
Barangan modal	27,794	32,550	8.8	17.1	13.5	14.1
Barangan modal (kecuali peralatan pengangkutan)	25,083	27,335	8.1	9.0	90.2	84.0
Kelengkapan pengangkutan (perusahaan)	2,711	5,215	15.8	92.4	9.8	16.0
Barangan pengantara	147,390	159,049	8.1	7.9	71.7	68.8
Makanan dan minuman, utama dan diproses khusus untuk industri	4,159	5,344	-10.4	28.5	2.8	3.4
Bekalan perindustrian utama dan diproses	48,006	48,515	11.4	1.1	32.6	30.5
Bahan api dan pelincir, utama dan diproses	12,390	16,196	63.9	30.7	8.4	10.2
Alat ganti dan aksesori kelengkapan pengangkutan	6,003	5,975	49.0	-0.5	4.1	3.7
Alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali injap dan tiub termionik)	26,866	28,466	-0.7	6.0	18.2	17.9
Injap dan tiub termionik	49,966	54,553	0.1	9.2	33.9	34.3
Barangan penggunaan	11,610	13,190	7.3	13.6	5.7	5.7
Makanan dan minuman utama dan diproses, khusus untuk penggunaan isi rumah	4,440	4,636	6.0	4.4	38.2	35.2
Alat kelengkapan pengangkutan (bukan perusahaan)	126	150	-18.5	19.6	1.1	1.1
Barangan pengguna lain	7,044	8,403	8.8	19.3	60.7	63.7
Barang tahan lama	1,658	1,859	15.8	12.1	23.5	22.1
Barang separa tahan lama	2,149	2,899	-0.2	34.9	30.5	34.5
Barang tidak tahan lama	3,237	3,646	12.0	12.6	46.0	43.4
Lain-lain (termasuk barang dwiguna)	9,135	10,096	14.8	10.5	4.5	4.3
Import untuk eksport semula	9,511	16,365	21.2	72.1	4.6	7.1
Jumlah	205,439	231,251	9.0	12.6	100.0	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

pengantara berikutan peningkatan pelaburan, khususnya dalam sektor pembuatan serta industri minyak dan gas. Bagi keseluruhan tahun 2006, import kasar dianggarkan meningkat lebih tinggi pada kadar 12.5% berbanding 8.5% dalam tahun 2005 dengan import barangan modal dijangka meningkat 13.3% manakala barangan pengantara sebanyak 9.3%. Konsisten dengan trend semasa, import barangan penggunaan juga dijangka mencatat pertumbuhan 13.1% sejajar dengan peningkatan pendapatan boleh guna.

Bagi tempoh enam bulan pertama 2006, import **barangan pengantara** meningkat 7.9% (Januari-Jun 2005: 8.1%). Sebahagian besar perkembangan ini adalah hasil daripada peningkatan aktiviti pengeluaran dalam industri elektronik yang terus menikmati permintaan luar kukuh berikutan trend meningkat dalam kitaran industri elektronik. Mengikut pecahan terperinci, import alat ganti dan aksesori barangan modal meningkat 6% (Januari-Jun 2005: -0.7%), manakala import bekalan perindustrian meningkat sedikit pada kadar 1.1% (Januari-Jun 2005: 11.4%). Harga petroleum yang lebih tinggi menyebabkan bil import bagi bahan api dan pelincir meningkat 30.7% (Januari-Jun 2005: 63.9%). Import barangan utama dan barangan diproses oleh industri makanan dan minuman berkembang kukuh pada kadar 28.5% (Januari-Jun 2005: -10.4%). Barangan pengantara yang mencakupi 68.8% daripada import keseluruhan (Januari-Jun 2005: 71.7%) kekal sebagai komponen utama import Malaysia.

Import **barangan modal** melonjak 17.1% dalam tempoh enam bulan pertama 2006 (Januari-Jun 2005: 8.8%) berikutan aktiviti pelaburan domestik yang mantap. Import kelengkapan pengangkutan bagi tujuan perindustrian meningkat dengan ketara sebanyak 92.4% (Januari-Jun 2005: 15.8%), sementara import (kecuali kelengkapan pengangkutan) berkembang 9% (Januari-Jun 2005: 8.1%). Pertumbuhan kukuh ini sebahagiannya disumbangkan oleh permintaan yang lebih tinggi bagi jentera (10.2%) dan kelengkapan pejabat (3.2%).

Import **barangan penggunaan** terus meningkat sebanyak 13.6% kepada RM13,190 juta bagi tempoh tersebut (Januari-Jun 2005: 7.3%;

RM11,610 juta) berikutan peningkatan pendapatan isi rumah. Pertumbuhan import bagi barang tahan lama meningkat kukuh pada kadar 12.1%, sementara import bagi barang tidak tahan lama mencatatkan pertumbuhan 12.6% (Januari-Jun 2005: 15.8%; 12%). Walaupun mencatat pertumbuhan mantap, sumbangan barangan penggunaan kepada keseluruhan import kekal stabil pada 5.7% (Januari-Jun 2005: 5.7%).

Import untuk tujuan **eksport-semula**, terutamanya barangan E&E, peralatan telekomunikasi dan juga keluaran logam dan keluli berkembang dengan ketara pada kadar 72.1% (Januari-Jun 2005: 21.2%). Walau bagaimanapun, ia hanya merangkumi 7.1% dari keseluruhan import (Januari-Jun 2005: 4.6%). Barangan import ini dipasang, dibungkus dan dilabel dalam zon perdagangan bebas di pelabuhan dan lapangan terbang utama sebelum dieksport semula ke Singapura, Thailand, AS, China dan Hong Kong.


Prestasi Perdagangan

Lebih perdagangan dalam 2006 dijangka kekal besar...

Jumlah dagangan Malaysia terus bertambah 11.5% kepada RM511,514 juta bagi tempoh enam bulan pertama 2006 (Januari-Jun 2005: 10.7%; RM458,748 juta) berikutan pertumbuhan global yang lebih tinggi. Eksport merangkumi lebih daripada separuh (54.8%) jumlah dagangan, sementara imbalan dagangan kekal besar pada RM49,013 juta dalam tempoh tersebut (Januari-Jun 2005: RM47,870 juta). AS, Singapura dan Jepun masih merupakan rakan dagangan utama Malaysia dengan dagangan antara negara-negara ini mencakupi 41.4% keseluruhan jumlah dagangan (Januari-Jun 2005: 42.1%). Selaras dengan peningkatan perdagangan serantau di kalangan negara ASEAN (tidak termasuk Singapura), jumlah dagangan dengan negara ini terus berkembang 12.7% dan merangkumi 12.3% jumlah dagangan Malaysia (Januari-Jun 2005: 16.7%; 12.2%).

AS mengekalkan kedudukannya sebagai rakan dagang utama Malaysia dengan jumlah dagangan RM84,516 juta atau 16.5% daripada

CARTA 3.12

Imbangan Perdagangan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

jumlah keseluruhan dagangan (Januari-Jun 2005: RM75,310 juta; 16.4%). Eksport ke AS berkembang 9% (Januari-Jun 2005: 15.6%), manakala import kembali pulih dan tumbuh kukuh pada kadar 18.1% (Januari-Jun 2005: -5.4%). Dengan pertumbuhan import mengatasi eksport, Malaysia merekodkan lebih dagangan yang lebih rendah pada RM21,365 juta (Januari-Jun 2005: RM21,847 juta) bagi tempoh enam bulan pertama 2006. Barangan pembuatan, khususnya mesin pejabat, mesin pemrosesan data automatik dan alat ganti serta elektrik, perkakasan, kelengkapan dan alat ganti merupakan barangan eksport utama, sementara import utama terdiri daripada litar elektronik sepadu dan pemasangan mikro, jentera elektrik dan alat ganti termasuk peralatan optikal dan saintifik.

Jumlah dagangan antara Malaysia dan **Singapura**, rakan dagangan kedua terpenting dengan sumbangan 13.9% kepada jumlah dagangan atau RM71,112 juta berkembang 12.4% (Januari-

Jun 2005: 17.1%). Eksport meningkat 13.8% (Januari-Jun 2005: 18.9%) dan import bertambah 10% (Januari-Jun 2005: 14%). Barangan eksport terutamanya terdiri daripada jentera elektrik, perkakasan, kelengkapan dan alat ganti manakala barangan pengantara E&E dan petroleum yang telah ditapis merupakan import utama. Malaysia mencatat lebih dagangan lebih besar sebanyak RM19,290 juta dalam tempoh enam bulan pertama 2006 berbanding RM16,148 juta dalam tempoh yang sama tahun 2005.

Jepun kekal sebagai rakan dagangan ketiga terpenting Malaysia. Jumlah dagangan dengan Jepun terus berkembang kepada RM56,011 juta atau 2.5%, mewakili 11% daripada jumlah dagangan Malaysia (Januari-Jun 2005: RM54,652 juta; 0.8%; 11.9%). Eksport yang kebanyakannya terdiri daripada jentera elektrik, perkakasan, kelengkapan dan alat ganti, peralatan bunyi dan telekomunikasi serta gas asli cecair menguncup 0.5%. Walau bagaimanapun, jumlah nilai import dari Jepun meningkat 5% kepada RM31,461 juta, merangkumi terutamanya unit digital *monolithic* bersepadu, jentera, perkakasan dan alat ganti termasuk juga kelengkapan pengangkutan. Memandangkan import sentiasa melebihi eksport, jurang defisit perdagangan dengan Jepun terus meluas kepada RM6,911 juta (Januari-Jun 2005: -RM5,286 juta).

Perdagangan antara Malaysia dengan **China**, rakan dagangan keempat terpenting, berkembang 17.7%, merangkumi 8.9% daripada jumlah dagangan Malaysia bagi tempoh enam bulan pertama 2006 (Januari-Jun 2005: 17%; 8.4%). China kekal sebagai rakan dagangan keempat terpenting bagi Malaysia dengan eksport mencatatkan kenaikan 12.1% dalam tempoh tersebut. Jentera elektrik, perkakasan, kelengkapan dan alat ganti serta bahan kimia dan produk kimia merupakan barangan eksport utama. Import dari China sebahagian besarnya terdiri daripada barangan E&E berkembang stabil sebanyak 21.7% mencapai RM27,189 juta (Januari-Jun 2005: 26.2%; RM22,341 juta). Oleh itu defisit perdagangan dengan China terus bertambah kepada RM9,000 juta (Januari-Jun 2005: -RM6,116 juta).

JADUAL 3.17


Haluan Perdagangan Luar Januari-Jun

	Eksport				Import				Imbangan Perdagangan RM juta	
	Perubahan (%)		Sumbangan (%)		Perubahan (%)		Sumbangan (%)			
	2005	2006	2005	2006	2005	2006	2005	2006	2005	2006
Amerika Syarikat	15.6	9.0	19.2	18.9	-5.4	18.1	13.0	13.7	21,847	21,365
Singapura	18.9	13.8	15.7	16.1	14.0	10.0	11.5	11.2	16,148	19,290
Jepun	8.0	-0.5	9.7	8.8	-4.5	5.0	14.6	13.6	-5,286	-6,911
Timur Laut Asia (tidak termasuk Jepun)	5.7	7.8	18.8	18.3	16.7	17.1	23.9	24.8	-1,452	-6,115
China	6.4	12.1	6.4	6.5	26.2	21.7	10.9	11.8	-6,116	-9,000
Hong Kong SAR	7.3	-1.2	5.9	5.3	-4.7	20.0	2.3	2.5	10,171	9,031
Republik Korea	13.6	15.4	3.8	3.9	6.0	22.4	5.0	5.4	-721	-1,552
Taiwan	-7.7	6.9	2.7	2.6	21.3	2.2	5.7	5.2	-4,808	-4,594
ASEAN (tidak termasuk Singapura)	18.7	12.3	10.7	10.9	15.0	13.1	14.0	14.0	-1,564	-1,984
Thailand	30.7	7.3	5.6	5.4	10.4	14.7	5.4	5.5	3,107	2,512
Indonesia	21.8	4.4	2.4	2.3	6.6	18.5	3.8	4.0	-1,674	-2,848
Filipina	-1.7	7.2	1.4	1.4	27.8	-12.7	3.0	2.3	-2,503	-1,458
Viet Nam	-5.1	82.8	0.8	1.3	81.5	46.6	0.7	1.0	550	1,548
Brunei	-12.8	12.1	0.2	0.2	77.3	271.2	0.0	0.0	534	533
Kesatuan Eropah	4.0	13.6	11.7	12.0	7.9	4.8	12.0	11.2	4,937	7,785
German	4.2	11.8	2.1	2.1	2.0	7.0	4.4	4.2	-3,701	-3,703
Belanda	13.3	15.1	3.2	3.3	-14.2	22.9	0.7	0.8	6,678	7,576
United Kingdom	-8.3	6.5	1.8	1.8	0.3	-1.8	1.6	1.4	1,307	1,674
Perancis	-6.2	13.8	1.2	1.3	16.8	14.1	1.4	1.5	183	201
Itali	-11.5	34.4	0.5	0.7	45.5	0.7	1.2	1.0	-999	-540
Ireland	70.3	-18.5	0.4	0.3	37.8	0.2	0.7	0.6	-515	-687
Asia Selatan	23.9	14.5	3.9	4.0	-24.3	10.5	1.0	1.0	7,722	8,926
India	27.9	16.5	2.7	2.9	-25.8	9.5	1.0	0.9	4,946	5,903
Asia Barat	4.1	15.9	2.5	2.6	63.8	50.3	3.0	4.1	70	-2,070
Emiriyah Arab Bersatu	20.4	6.3	1.3	1.3	47.0	26.0	0.6	0.7	2,103	1,998
Arab Saudi	8.4	-4.9	0.4	0.3	91.2	57.3	1.2	1.7	-1,589	-3,073
Iran	0.1	22.7	0.2	0.3	132.7	59.5	0.3	0.4	-19	-249
Oman	28.5	6.1	0.1	0.1	27.7	106.0	0.4	0.8	-685	-1,576
Australia	16.9	8.0	3.2	3.2	35.9	-6.3	2.0	1.7	4,033	4,951
New Zealand	-15.3	115.8	0.3	0.5	-3.1	-6.8	0.3	0.3	58	925
Afrika	31.9	5.1	1.4	1.3	14.5	68.2	0.6	0.9	2,281	1,593
Negara-negara lain	11.7	28.3	2.9	3.4	20.9	-1.5	4.1	3.5	-925	1,258
Jumlah	12.2	10.6	100.0	100.0	9.0	12.6	100.0	100.0	47,870	49,013
RM bilion			253.3	280.3			205.4	231.3		

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

CARTA 3.13

Haluan Perdagangan Januari-Jun 2006



¹ Tidak termasuk Singapura.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Dagangan dengan negara **ASEAN** (tidak termasuk Singapura) terus berkembang 12.7% (Januari-Jun 2005: 16.7%), mencerminkan peningkatan dagangan serantau antara negara ahli. Eksport merangkumi jentera elektrik, perkakasan, kelengkapan dan alat ganti, bahan kimia dan produk kimia serta petroleum mentah bertambah pada kadar 12.3% (Januari-Jun 2005: 18.7%) manakala import yang terdiri sebahagian besarnya barangan E&E, bahan kimia dan produk kimia termasuk minyak kelapa sawit terus meningkat 13.1% (Januari-Jun 2005: 15%). Pertumbuhan import yang mengatasi eksport menyebabkan Malaysia mencatatkan defisit perdagangan sebanyak RM1,984 juta dengan negara ASEAN (Januari-Jun 2005: -RM1,564 juta) sebahagian besarnya kesan daripada defisit dagangan dengan Indonesia (RM2,848 juta) dan Filipina (RM1,458 juta).

Jumlah dagangan Malaysia dengan **EU** meningkat 9.6% kepada RM59,580 juta dan meliputi 11.6% daripada jumlah dagangan Malaysia (Januari-Jun

2005: 5.7%; RM54,348 juta; 11.8%). Eksport berkembang 13.6% (Januari-Jun 2005: 4%) dan terdiri terutamanya daripada produk nilai ditambah E&E berkualiti tinggi manakala import juga mengikut trend yang sama meningkat sebanyak 4.8% (Januari-Jun 2005: 7.9%). Sebahagian besar import adalah litar elektronik sepadu dan pemasangan mikro serta bahan kimia dan produk kimia. Bagi tempoh enam bulan pertama 2006, EU menyumbang 15.9% atau RM7,785 juta (Januari-Jun 2005: 10.3%; RM4,937 juta) kepada lebih dagangan Malaysia.

Imbangan Pembayaran

Kedudukan imbangan pembayaran terus kukuh...

Asas ekonomi domestik Malaysia yang teguh serta prospek untuk penambahbaikan seterusnya dicerminkan dalam akaun semasa yang kukuh.

Pada tahun 2006, lebih akaun semasa dijangka kekal tinggi pada kadar 16.7% daripada KNK. Di samping itu kemasukan FDI yang lebih tinggi akan mengukuhkan lagi kedudukan BOP Malaysia. Selaras dengan perkembangan ini, rizab antarabangsa negara dijangka kekal kukuh dan boleh digunakan serta tiada halangan untuk menggunakannya.

Susulan daripada eksport nominal yang berterusan mengatasi import, **akaun barangan** dijangka merekodkan lebih besar sebanyak RM137,879 juta dalam tahun 2006 (2005: RM125,562 juta). Anggaran pertumbuhan 12% bagi eksport (f.o.b) berikutan sebahagian besarnya peningkatan permintaan global bagi barangan E&E khususnya semikonduktor. Pada masa yang sama, harga komoditi yang kukuh serta permintaan terhadap produk berasaskan sumber, seperti bahan kimia, getah dan produk petroleum, dijangka terus menyokong pertumbuhan eksport. Sementara itu, import barangan (f.o.b) dianggar meningkat

12.6% kepada RM463,333 juta pada tahun 2006 (2005: 9.2%; RM411,393 juta), sebahagian besarnya disebabkan oleh import yang lebih tinggi bagi barangan modal dan pengantara.

Akaun **perkhidmatan** yang terdiri daripada akaun pengangkutan, perjalanan, urus niaga Kerajaan dan perkhidmatan lain dijangka mencatat defisit sebanyak RM11,401 juta (2005: -RM9,010 juta). Terimaan perjalanan, penyumbang utama kepada pendapatan akaun perkhidmatan dianggar bertambah 8.2% untuk mencapai RM36,255 juta (2005: 7.5%; RM33,500 juta). Ini selaras dengan usaha gigih Kerajaan mempromosikan Malaysia sebagai destinasi utama percutian, seminar serta pelancongan pendidikan dan kesihatan. Dari segi pembayaran, taraf hidup yang lebih mewah dan peningkatan aktiviti perniagaan dijangka menyebabkan aliran keluar perjalanan meningkat 3.5% kepada RM14,538 juta (2005: 19.5%; RM14,051 juta). Sementara

JADUAL 3.18

**Akaun Semasa Imbangan Pembayaran
2006-2007
(RM juta)**

	2006 ¹			2007 ²		
	Penerimaan	Pembayaran	Bersih	Penerimaan	Pembayaran	Bersih
Barangan	601,212	463,333	137,879	655,215	509,463	145,752
Perkhidmatan	77,071	88,472	-11,401	83,577	96,918	-13,341
Pengangkutan	13,663	35,529	-21,866	14,997	40,211	-25,214
Perjalanan	36,255	14,538	21,717	40,362	15,990	24,372
Perkhidmatan lain	26,691	37,571	-10,880	27,727	39,811	-12,084
Urus niaga Kerajaan	462	834	-372	491	906	-415
Pendapatan	22,272	44,841	-22,569	23,683	45,296	-21,613
Pampasan pekerja	4,709	5,135	-426	5,106	5,448	-342
Pendapatan pelaburan	17,563	39,706	-22,143	18,577	39,848	-21,271
Pindahan semasa	1,162	17,197	-16,035	1,219	17,298	-16,079
Akaun semasa	701,717	613,843	87,874	763,694	668,975	94,719

¹ Anggaran

² Unjuran

itu, komponen lain dalam akaun perkhidmatan akan terus mencatatkan aliran keluar bersih dan menyumbang kepada defisit keseluruhan akaun ini.

Akaun pendapatan dijangka bertambah baik dengan mencatatkan defisit yang lebih rendah sebanyak RM22,569 juta (2005:-RM23,908 juta), berikutan sebahagian besarnya kerana pertambahan keuntungan dan dividen syarikat Malaysia yang beroperasi di luar negara. Seperti tahun-tahun sebelum ini, jumlah terimaan sebahagian besarnya adalah daripada aktiviti minyak dan gas, utiliti dan pembuatan di luar negara. Di samping itu, pulangan daripada pegangan rizab luar dijangka akan meningkatkan terimaan kasar akaun pendapatan sebanyak 9.5% kepada RM22,272 juta (2005: 27%; RM20,346 juta). Manakala, keuntungan dan dividen kepada pelabur asing dijangka meningkat sedikit dan dengan itu aliran keluar kasar mencatat RM44,841 juta (2005: RM44,255 juta) dalam akaun ini. Walau bagaimanapun, sebahagian besar daripada keuntungan dan dividen ini dijangka akan dikekalkan di Malaysia dan dicerminkan sebagai aliran masuk dalam akaun kewangan BOP.


Akaun pindahan merekodkan terutamanya penghantaran pulang pendapatan oleh pekerja asing di Malaysia serta kiriman wang oleh rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara. Bayaran kasar dijangka menguncup 5% kepada RM17,197 juta pada tahun 2006 (2005: 10.8%; RM18,095 juta), selaras dengan usaha Kerajaan untuk mengurangkan bilangan pekerja asing tanpa izin dalam negara. Sementara itu, terimaan kasar dari rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara dijangka meningkat sebanyak 2.7% kepada RM1,162 juta (2005: -33.5%; RM1,131 juta). Oleh yang demikian, aliran keluar bersih dalam akaun pindahan dianggarkan pada RM16,035 juta bagi tahun 2006 (2005: -RM16,963 juta).

Akaun kewangan dijangka bertambah baik berikutan aliran masuk lebih tinggi FDI dalam bentuk pelaburan baru dan juga pelaburan semula yang dikreditkan dalam akaun pendapatan. FDI dalam sektor pembuatan dianggarkan

meningkat dengan pelaksanaan projek-projek yang telah diluluskan. Projek-projek ini kebanyakannya dalam bidang elektrik dan elektronik bernilai tinggi seperti barangan elektrik dan elektronik pengguna. Pelaburan dalam sektor perkhidmatan juga dijangka meningkat berikutan liberalisasi serta kemasukan pelabur baru dalam subsektor kewangan, insuran, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan, termasuk pengembangan operasi dari subsektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran. Aliran masuk yang besar dalam pelaburan industri minyak dan gas juga dijangka meningkat berikutan beberapa penemuan kawasan minyak. Seiring dengan usaha strategik syarikat Malaysia untuk mempelbagaikan aktiviti dan bertapak di peringkat global, pelaburan ke luar negara oleh syarikat Malaysia dijangka terus meningkat dalam tahun 2006. Sebahagian besar pelaburan adalah dalam sektor minyak dan gas, pembuatan, utiliti, pembinaan dan perkhidmatan.

CARTA 3.14

Rizab Antarabangsa



Sumber: Bank Negara Malaysia.

Rizab antarabangsa Malaysia kekal kukuh mencapai RM291,051 juta pada 15 Ogos 2006 berbanding dengan RM265,263 juta pada akhir Disember 2005. Rizab antarabangsa ini merupakan salah satu daripada penentu kekuatan ekonomi negara dan kekukuhan nilai ringgit Malaysia. Peningkatan rizab ini disokong oleh pendapatan eksport yang dibawa balik ke Malaysia dan kemasukan modal asing yang stabil. Kedudukan rizab pada 15 Ogos 2006 adalah cukup untuk membiayai import tertangguh selama 8.1 bulan dan merupakan 6.2 kali hutang luar jangka pendek berbanding dengan kemampuan pembiayaan 7.8 bulan dan 6.3 kali hutang pada akhir Disember 2005.


Kedudukan Sumber Negara

Imbangan tabungan pelaburan kekal kukuh...

Asas ekonomi domestik diramal terus meningkat dengan **imbangan tabungan pelaburan** dijangka mencatat lebih yang ketara berjumlah RM87,874 juta atau 16.7% bahagian kepada KNK pada tahun 2006 (2005: RM75,681 juta; 16.1% kepada KNK). Kedudukan yang baik ini adalah hasil daripada Tabungan Negara Kasar (TNK) yang lebih tinggi yang dianggarkan menyumbang 38.2% kepada KNK, bertambah 15.2% kepada RM200,836 juta (2005: 9.8%; RM174,410 juta). Berikutan pertumbuhan kukuh sebanyak 11.6% dalam KNK (2005: 10.7%), TNK dijangka terus meningkat di sebalik pertumbuhan jumlah penggunaan yang sederhana. Sektor awam dijangka terus menyumbang bahagian yang besar kepada TNK kira-kira 51% (2005: 40.4%) daripada keseluruhan TNK disebabkan sebahagiannya oleh hasil minyak yang tinggi. Sementara itu, jumlah perbelanjaan pelaburan (termasuk perubahan dalam stok) adalah pada RM112,962 juta, menyumbang 21.5% kepada KNK (2005: RM98,729 juta; 20.9%) yang mana dianggar lebih rendah daripada TNK. Dengan jangkaan kedudukan sumber negara yang berlebihan, keadaan mudah tunai yang cukup dalam sistem kewangan boleh digembleng untuk membiayai aktiviti ekonomi domestik dan membantu mengurangkan tekanan ke atas kadar faedah.

CARTA 3.15

Jurang Tabungan Pelaburan



Harga

Kos tenaga yang tinggi menyumbang kepada tekanan inflasi...

Bermula Januari 2006, **Indeks Harga Pengguna (IHP)** yang menggunakan tahun 2005 sebagai tahun asas yang baru telah diklasifikasikan semula daripada sembilan kumpulan sedia ada kepada 12 kumpulan yang baru bagi menunjukkan perubahan dalam pola perbelanjaan isi rumah. Tiga kumpulan baru yang diwujudkan ialah pengangkutan, komunikasi dan pendidikan. Perbandingan antara kumpulan lama dengan kumpulan yang baru, adalah seperti *Jadual 3.19*.

Inflasi sebagaimana diukur oleh IHP (2005=100) telah meningkat ke paras tertinggi 4.8% dalam bulan Mac 2006 sejak krisis kewangan Asia 1997/98. Bagi tempoh tujuh bulan pertama

2006, IHP telah meningkat 3.9% berikutan kos tenaga yang tinggi kesan daripada pelarasan harga runcit terkawal bagi produk petroleum dan tarif elektrik. Penanda aras antarabangsa bagi harga minyak mentah, harga semerta **West Texas Intermediate** (WTI) telah melonjak pada paras harga tertinggi USD68.35 setong pada 30 Januari 2006 berbanding dengan harga purata USD56.59 setong dalam tahun 2005. Berikutan itu, harga runcit telah dinaikkan sebanyak 30 sen seliter bagi petrol premium (18.5%), seliter diesel (23.4%) dan sekilogram gas petroleum cecair (LPG) (20.7%) berkuat kuasa 28 Februari 2006. Walau bagaimanapun, kesan penuh kenaikan harga ini dijangka sederhana dalam tempoh separuh kedua 2006 apabila kesan selanjutnya dijangka berkurangan. Kerajaan telah memberi jaminan bahawa tiada lagi kenaikan dalam harga produk petroleum yang terkawal bagi tahun 2006. Sementara itu, Kerajaan akan terus menumpukan usaha untuk membendung kenaikan harga yang tidak munasabah, pengambilan keuntungan berlebihan dan penyorokan barang.

Bagi membantu mereka yang terjejas dengan kenaikan harga produk petroleum, Kerajaan telah memperkenalkan pemberian skim subsidi khas diesel kepada nelayan dan pengusaha

pengangkutan. Sistem e-Diesel nelayan dan *Fleet Card* telah diperkenalkan pada Mac 2006 bagi membolehkan nelayan dan pengusaha pengangkutan yang layak untuk membeli diesel pada harga subsidi.

Bagi tempoh tujuh bulan pertama 2006, pengangkutan, makanan dan utiliti telah menyumbang 88.5% kepada kenaikan IHP. Kumpulan pengangkutan yang berwajaran 15.9% telah meningkat ketara sebanyak 12.6%, menyumbang 50.2% kepada jumlah kenaikan IHP. Subkumpulan bagi bahan api dan pelincir mencatat kenaikan besar sebanyak 25.6% dalam tempoh yang sama, disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga runcit produk petroleum.

Makanan dan minuman bukan alkohol secara kumpulan, dengan wajaran tertinggi sebanyak 31.4%, menyumbang 29.9% kepada kenaikan IHP dalam tempoh tujuh bulan pertama 2006. Bagaimanapun, kumpulan ini telah mencatatkan kenaikan hanya 3.5% disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga makanan laut segar (9.7%), ikan segar (8.8%) dan sayuran segar (7.1%). Kenaikan ini mengakibatkan pertambahan kesan harga **makanan di rumah** sebanyak 3.5% dan **makanan di luar rumah** 3.8%. Bekalan sayuran tertentu telah terjejas disebabkan oleh taburan

JADUAL 3.19

Pengkelasan semula Indeks Harga Pengguna (IHP)

2000=100	Wajaran	2005=100	Wajaran
Jumlah	100.0	Jumlah	100.0
Makanan	33.8	Makanan dan minuman bukan alkohol	31.4
Minuman dan tembakau	3.1	Minuman alkohol dan tembakau	1.9
Pakaian dan kasut	3.4	Pakaian dan kasut	3.1
Sewa kasar, bahan api dan kuasa	22.4	Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	21.4
Perabot, hiasan dalaman dan peralatan dan pengendalian rumah	5.3	Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah	4.3
Perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan	1.8	Kesihatan	1.4
Pengangkutan dan komunikasi	18.8	Pengangkutan	15.9
Perkhidmatan rekreasi, hiburan, pendidikan dan kebudayaan	5.9	Komunikasi	5.1
Pelbagai barangan dan perkhidmatan	5.5	Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan	4.6
		Pendidikan	1.9
		Restoran dan hotel	3.0
		Pelbagai barangan dan perkhidmatan	6.0

hujan yang berlebihan serta banjir. Sementara itu, harga makanan laut dan ikan segar juga meningkat dalam tempoh tujuh bulan pertama 2006 kerana cuaca buruk di Semenanjung dan peningkatan permintaan bagi ikan pada awal tahun, berikutan kebimbangan terhadap penyakit selesema burung. Permintaan pengguna yang tinggi semasa musim perayaan dan pelbagai kegiatan kebudayaan dan sosial semasa cuti persekolahan telah memberi tekanan tambahan terhadap harga.

Sementara itu, kumpulan **perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain** dengan wajaran 21.4% mencatatkan peningkatan 1.5% dalam tempoh yang sama, menyumbang 8.4% kepada peningkatan IHP. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh harga gas memasak dan kerosen yang lebih tinggi, sementara sewa, air

JADUAL 3.20

Indeks Harga Pengguna (IHP)
Januari-Julai
(2005=100)

		Perubahan (%)	Sumbangan kepada pertumbuhan IHP (%)
	Wajaran	2006	2006
Jumlah	100.0	3.9	100.0
Makanan dan minuman bukan alkohol	31.4	3.5	29.9
Minuman alkohol dan tembakau	1.9	7.0	3.5
Pakaian dan kasut	3.1	-1.2	-1.0
Perumahan air, elektrik, gas dan bahan api lain	21.4	1.5	8.4
Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah	4.3	1.2	1.4
Kesihatan	1.4	2.6	0.9
Pengangkutan	15.9	12.6	50.2
Komunikasi	5.1	-1.3	-1.9
Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan	4.6	0.8	0.9
Pendidikan	1.9	1.4	0.7
Restoran dan hotel	3.0	4.2	3.3
Pelbagai barang dan perkhidmatan	6.0	2.4	3.7

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.


dan caj pembentungan dan tarif elektrik secara relatifnya kekal stabil. Walau bagaimanapun, kumpulan **pakaian dan kasut** telah mencatat penurunan 1% manakala kumpulan **komunikasi** merosot 1.3% dalam tempoh tersebut kesan daripada persaingan sengit, import yang lebih murah dan aktiviti promosi yang intensif, manakala kumpulan yang lain mencatatkan kenaikan harga yang kecil.

Mengikut kawasan, IHP bagi **Semenanjung Malaysia** merekodkan peningkatan sebanyak 3.9% manakala **Sabah** dan **Sarawak** masing-masing, sebanyak 4.1% dan 4.4%, dalam tempoh tujuh bulan pertama 2006. IHP yang lebih tinggi di Sabah dan Sarawak disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga pengangkutan dan makanan.

Indeks Harga Pengeluar (IHPG) mengalami peningkatan ketara 9.4% dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini (Januari-Jun 2005: 5.7%) berikutan kenaikan dalam harga minyak mentah yang menyebabkan peningkatan dua digit dalam kumpulan **minyak galian, pelincir**

CARTA 3.16

Arah Aliran IHP dan IHPG
(% perubahan tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

JADUAL 3.21

Indeks Harga Pengeluar (IHPG)**Januari-Jun**

(1989=100)

	Wajaran	Perubahan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan IHPG (%)	
		2005	2006	2005	2006
Ekonomi domestik	100.0	5.7	9.4	100.0	100.0
Makanan dan binatang hidup yang boleh dimakan	14.9	3.6	1.2	11.0	2.6
Minuman dan tembakau	2.1	2.0	1.6	0.9	0.5
Bahan mentah tak boleh dimakan kecuali bahan api	18.0	0.0	11.7	0.0	30.8
Minyak galian, pelincir dan bahan yang berkaitan	18.8	27.6	24.6	108.9	67.6
Minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran	8.5	-19.6	-1.6	-34.8	-2.0
Kimia dan keluaran kimia yang berkaitan	4.4	3.6	-1.8	3.3	-1.2
Barangan pembuatan dijeniskan mengikut bahan	10.8	3.3	0.7	7.5	1.1
Alat jentera dan kelengkapan pengangkutan	18.3	0.6	0.0	2.1	0.0
Pelbagai barang keluaran kilang	3.6	1.5	1.1	1.1	0.6
Pelbagai perniagaan dan barangan yang tidak dikelaskan secara khusus dalam SITC ¹	0.6	0.0	0.8	0.0	0.1
Pengeluaran tempatan	79.3	6.4	11.1	87.2	74.5
Import	20.7	1.9	0.5	12.8	25.5

¹ Klasifikasi Piawaian Perdagangan Antarabangsa.

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia.

dan bahan yang berkaitan sebanyak 24.6% (Januari-Jun 2005: 27.6%) dan kumpulan **bahan mentah tak boleh dimakan kecuali bahan api** sebanyak 11.7% (Januari-Jun 2005: 0%). Namun begitu, kumpulan **minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran** mencatatkan penyusutan yang lebih rendah pada kadar 1.6% (Januari-Jun 2005: -19.6%) berikutan penurunan ketara harga minyak isirong sawit. Peningkatan IHPG bagi **import** turut mencatatkan pertumbuhan lebih rendah pada kadar 0.5% (Januari-Jun 2005: 1.9%), sebahagiannya disebabkan oleh peningkatan nilai ringgit yang menjadikan kos barangan import lebih murah. Sebaliknya, IHPG bagi **pengeluaran tempatan** meningkat lebih tinggi pada kadar 11.1% (Januari-Jun 2005: 6.4%) kesan dari peningkatan kos tenaga.

Pasaran Buruh

Penekanan lebih dalam pembangunan modal insan...

Persekitaran pasaran buruh dijangka kekal menggalakkan terutama dalam tempoh separuh kedua tahun 2006, dengan peningkatan peluang pekerjaan yang disokong oleh aktiviti ekonomi domestik yang lebih cergas dan sentimen perniagaan yang positif. **Guna tenaga** bagi tahun 2006 dijangka terus meningkat 2.3% kepada 11.1 juta orang (2005: 4.1%; 10.9 juta) seiring dengan pertumbuhan 2.3% **tenaga buruh** seperti di *Jadual 3.22*. Sektor perkhidmatan terus menyediakan peluang pekerjaan tertinggi dari

JADUAL 3.22

Penunjuk Pasaran Buruh

	('000)		Change (%)	
	2005	2006 ¹	2005	2006 ¹
Tenaga buruh	11,290.5	11,544.5	4.1	2.3
Guna tenaga	10,892.9	11,142.4	4.1	2.3
Pengangguran	397.6	402.1	3.5 ²	3.5 ²

¹ Anggaran.² Peratus kepada tenaga buruh.

Sumber: Unit Perancang Ekonomi.

jumlah gunatenaga, diikuti sektor pembuatan dan pertanian. Kadar pengangguran dijangka kekal rendah pada 3.5% dan mengekalkan guna tenaga penuh bagi tahun ke-15 berturut-turut.

Kadar penyertaan tenaga buruh secara keseluruhannya dijangka kekal tinggi pada 66.9% dalam tahun 2006 (2005: 65.7%). Penyertaan

dari tenaga kerja lelaki dan wanita dijangka terus meningkat pada 86.7% dan 46.1% (2005: 86.6%; 45.7%). Walaupun kadar penyertaan wanita secara keseluruhannya masih rendah berbanding dengan negara maju, penyertaan tenaga kerja wanita berpendidikan tertiar kini semakin meningkat. Kadar penyertaan tenaga buruh berpendidikan tertiar dijangka meningkat 21.2% pada tahun 2006 (2005: 20%) selaras dengan usaha berterusan Kerajaan meningkatkan kualiti modal insan dalam negara.

Dengan keadaan pasaran kerja yang kukuh, bilangan **pencari kerja** yang berdaftar dengan Bursa Buruh Elektronik (ELX) di Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia, berkurangan kepada 70,718 orang pada akhir Jun 2006 (akhir Jun 2005: 78,546 orang). Lebih separuh daripada pencari kerja (40,057) adalah dalam kumpulan umur 20-24 tahun, sementara 24.2% dalam kumpulan 25-29 tahun. Pencari kerja wanita (59.6%: 42,155) mengatasi bilangan pencari kerja lelaki. Di kalangan pencari kerja,

JADUAL 3.23


Guna Tenaga mengikut sektor

	('000)		Perubahan (%)		Sumbangan (%)	
	2005	2006 ¹	2005	2006 ¹	2005	2006 ¹
Pertanian, perhutanan, ternakan dan perikanan	1,401.4	1,387.2	-0.4	-1.0	12.9	12.4
Perlombongan	42.7	42.8	0.2	0.2	0.4	0.4
Pembuatan	3,133.3	3,238.0	5.4	3.3	28.8	29.1
Pembinaan	759.6	762.7	-1.0	0.4	7.0	6.8
Perkhidmatan	5,555.9	5,711.6	5.3	2.8	51.0	51.3
Elektrik, gas dan bekalan air	93.0	95.2	3.4	2.4	0.9	0.9
Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran	1,927.0	1,990.8	7.9	3.3	17.7	17.9
Kewangan, insurans, hartanah dan perniagaan	734.4	762.0	5.7	3.8	6.7	6.8
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	630.6	646.4	6.1	2.5	5.8	5.8
Perkhidmatan Kerajaan	1,052.8	1,064.0	1.1	1.1	9.7	9.5
Perkhidmatan lain	1,118.1	1,153.2	4.8	3.1	10.3	10.3
Jumlah	10,892.9	11,142.3	9.5	5.7	100.0	100.0
Sektor pertama	1,444.1	1,430.0	-0.4	-1.0	13.3	12.8
Sektor kedua	3,892.9	4,000.7	4.1	2.8	35.7	35.9
Sektor ketiga	5,555.9	5,711.6	5.3	2.8	51.0	51.3

¹ Anggaran.

Sumber: Unit Perancang Ekonomi.

CARTA 3.17

Penunjuk Pasaran Kerja

52.9% terdiri daripada lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia, pemegang diploma dan ijazah.

Kekosongan jawatan yang dilaporkan majikan kepada ELX pada 2005 berjumlah 304,500 berikutan aktiviti ekonomi domestik dan sentimen perniagaan yang positif serta prospek pertumbuhan ekonomi yang lebih baik. Daripada jumlah ini, kekosongan jawatan bagi graduan lepasan diploma dan ke atas adalah sebanyak 24,779 (8.1%). Jumlah kekosongan jawatan pada enam bulan pertama tahun 2006 terus meningkat ketara sebanyak 396,745 (Januari-Jun 2005: 44,084), meliputi 12,468 jawatan kosong bagi graduan. Bilangan kekosongan jawatan terbesar dilaporkan dalam sektor pembuatan (42.5%) , diikuti oleh sektor perkhidmatan (20.3%).

Jabatan Perhubungan Industri (JPI) telah melaporkan satu kes mogok industri dalam lima bulan pertama 2006, melibatkan seramai 172 pekerja dan menyebabkan kehilangan

516 'man-days' (2005: 3 kes; 1,020 pekerja dan 4,793 kehilangan "man-days"). JPI terus memainkan peranannya dalam mengekalkan keharmonian persekitaran pasaran buruh melalui campur tangan aktif JPI yang melibatkan proses konsultasi dan juga perundingan di antara pihak yang terlibat sekaligus menjamin produktiviti yang tinggi.

Peningkatan keseluruhan **produktiviti** buruh telah menyumbang kepada pengurangan dalam kos buruh seunit (ULC) dan seterusnya memastikan upah kekal stabil. Dalam tahun 2005, produktiviti buruh berkembang 3% dan dijangka meningkat lagi kepada 3.3% pada tahun 2006. Pertumbuhan produktiviti dalam sektor pembuatan terus meningkat sebanyak 3.8% dalam 2005. Perangkaan Pembuatan Bulanan menunjukkan produktiviti bagi sektor pembuatan mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan bagi tempoh enam bulan pertama 2006 sebanyak -1.4% (Januari-Jun 2005: -2.4%). Tekanan kepada upah dalam jangka pendek terus rendah memandangkan pertumbuhan negatif upah purata sebanyak 2% dan penyusutan kos benar buruh seunit sebanyak 0.6% (Januari-Jun 2005:-11.2%).

Usaha terus diambil bagi mengurangkan pergantungan negara kepada **pekerja asing** melalui galakan penggunaan automasi dan mekanisasi yang lebih meluas dalam industri berintensif buruh. Menjelang tahun 2010, bilangan pekerja asing dalam negara dijangka dapat dikurangkan kepada 1.5 juta, dengan 200,000 dalam sektor pembinaan dan selebihnya 250,000 dalam pembuatan. Sehingga akhir Jun 2006, terdapat seramai 1.84 juta pekerja asing yang berdaftar (akhir Mac 2006:1.85 juta). Dari jumlah ini, 33.3% adalah dalam sektor pembuatan, 20.2% perladangan, 25.9% perkhidmatan (termasuk pembantu rumah) dan 15.1% sektor pembinaan. Majoriti pekerja asing ini adalah dari Indonesia (64.7%), diikuti Nepal (10.7%), India (7.4%) dan Myanmar (5.2%). Dalam sektor perkhidmatan, sebanyak 317,391 (66.5%) telah diambil bekerja sebagai pembantu rumah yang mana 90% adalah dari Indonesia.

Baru-baru ini, Malaysia melalui perjanjian dua hala telah melonggarkan syarat-syarat pekerjaan bagi pengambilan pembantu rumah asing dengan

PRODUKTIVITI FAKTOR KESELURUHAN (TFP) DAN PELABURAN DALAM MODAL INSAN

Pengenalan

Malaysia sedang beransur-ansur beralih daripada pertumbuhan berasaskan input kepada pertumbuhan berasaskan produktiviti dengan peningkatan sumbangan daripada Produktiviti Faktor Keseluruhan (TFP) yang mana kualiti modal insan adalah komponen yang penting. Dalam hubungan ini Kerajaan beriltizam untuk meningkatkan lagi pembangunan modal insan dengan melaksanakan peningkatan menyeluruh dalam sistem pendidikan, menggalakkan penyelidikan dan pembangunan (P&P) dan mengguna pakai teknologi baru.

Kepentingan TFP


TFP merupakan ukuran kecekapan menggunakan input produktif sesebuah ekonomi dan teknologi dalam proses pengeluaran. Kemajuan dalam TFP direalisasikan melalui peningkatan output tanpa peningkatan dalam kuantiti input. Kemajuan tersebut dapat dicapai dengan penggunaan buruh dan modal yang cekap.

Strategi pembangunan ekonomi yang terlalu bergantung kepada penggunaan input fizikal adalah tidak mapan. Oleh itu, pertumbuhan jangka panjang memerlukan penekanan yang lebih ke atas TFP di mana penambahbaikan melalui penggunaan pengetahuan, kemahiran, dan teknologi adalah sangat penting. Menyedari hakikat ini bermula daripada Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000), Malaysia telah mengalihkan strategi pembangunan ekonominya daripada berasaskan input kepada pertumbuhan berasaskan produktiviti. Bagi tempoh 1996-2005, TFP telah berkembang sebanyak 1.6% setahun.

Komponen TFP

Di Malaysia, komponen TFP¹ boleh diklasifikasikan kepada lima kategori seperti di *Carta 1*.

Carta 1: Sumber Pertumbuhan Produktiviti Faktor Keseluruhan



¹ Komponen TFP seperti yang dikategorikan oleh Perbadanan Produktiviti Negara (NPC), Malaysia

- a) Pendidikan dan latihan: Pelaburan dalam modal insan membantu meningkatkan kapasiti dan keupayaan tenaga kerja. Secara umumnya, pekerja yang dilatih dengan lebih baik adalah lebih produktif dan mampu menghasilkan lebih banyak barangan dan perkhidmatan yang berkualiti. Tambahan pula, pekerja yang terpelajar dan berkemahiran lebih mudah menyesuaikan diri dan melalui keluk pembelajaran singkat membolehkan mereka untuk mengendalikan sistem baru dan menggunakan teknologi yang lebih maju. Bagi tempoh 1996-2005, enrolmen pelajar peringkat tertiar di institusi pengajian tinggi awam meningkat kepada 390,388 dalam tahun 2005, daripada 114,390 dalam tahun 1996. Sementara itu secara purata seramai 400,000 pekerja telah mendapat faedah latihan, di bawah Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) setiap tahun. Jumlah pekerja yang besar menerima latihan dalam tempoh ini telah membantu meningkatkan sumbangan pendidikan dan latihan terhadap pertumbuhan TFP kepada 30.6%.
- b) Intensiti permintaan: Sejauh mana kapasiti produktif ekonomi digunakan juga merupakan penyumbang kepada pertumbuhan TFP. Permintaan dalaman dan luaran yang menggalakkan terhadap keluaran dan perkhidmatan Malaysia telah meningkatkan kapasiti penggunaan dan seterusnya membantu meningkatkan sumbangan intensiti permintaan kepada 29.9% dalam tempoh 1996-2005.
- c) Struktur modal: Struktur modal yang merujuk kepada bahagian pelaburan dalam input modal yang produktif, telah menyumbang sebanyak 17.4% kepada pertumbuhan TFP dalam tempoh 1996-2005 (1991-1995: 29.8%), menunjukkan perubahan teknologi ke tahap yang lebih tinggi. Aplikasi ICT secara lebih intensif, penggunaan jentera yang terkini dan mengguna pakai proses yang berintensif modal telah meningkatkan kecekapan pengeluaran dan seterusnya membawa ekonomi Malaysia ke tahap yang lebih berdaya tahan dan berdaya saing. Pada tahun 2005, jumlah pelaburan sektor pembuatan adalah sebanyak RM31.1 bilion. Berikutan peningkatan P&P dan aktiviti inovasi serta penggunaan teknologi terkini, struktur modal akan terus menjadi sumber utama pertumbuhan TFP. Pelaburan dalam jentera dan kelengkapan yang baru dan terkini dapat meningkatkan kualiti output dan membantu mengurangkan kos pengeluaran.
- d) Penyusunan semula ekonomi: Penyusunan semula ekonomi melibatkan pergerakan di antara dan juga intra sumber-sumber di kalangan industri dan sektor ekonomi. Peruntukan semula sumber kepada sektor atau industri yang lebih produktif akan membawa kepada penggunaan sumber secara cekap dan efektif, seterusnya dapat menyumbang kepada pertumbuhan TFP yang lebih tinggi. Penyusunan semula ekonomi yang menyumbang sebanyak 12.2% kepada pertumbuhan TFP menggambarkan pergerakan pekerja di kalangan sektor-sektor ekonomi. Ekonomi telah berjaya memperuntukkan semula pekerja daripada aktiviti tradisional nilai tambah rendah kepada sektor yang lebih moden.
- e) Kemajuan teknikal: Kemajuan teknikal menunjukkan keberkesanan dan kecekapan penggunaan teknologi yang sesuai, inovasi, P&P dan sistem organisasi yang baik. Peningkatan dalam kemajuan teknikal akan mewujudkan produk dan perkhidmatan yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi. Kemajuan teknikal menyumbang sebanyak 10.2% kepada pertumbuhan TFP, terutamanya disebabkan oleh pelaksanaan inisiatif produktiviti dan kualiti seperti Jaminan Kualiti, Piawaian, Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM), Sistem Upah Berasaskan Produktiviti (PLWS) dan Penanda aras. Amalan pengurusan yang baik, minda positif yang kreatif dan inovasi adalah penting untuk mewujudkan produk dan perkhidmatan dengan nilai ditambah tinggi yang akan menyumbangkan ke arah meningkatkan pertumbuhan TFP.

Pembangunan Modal Insan

Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9, 2006-2010) menegaskan kepentingan peralihan kepada pertumbuhan berasaskan produktiviti untuk menggerakkan ekonomi ke landasan pertumbuhan yang lebih cepat. Dalam tempoh rancangan tersebut, produktiviti buruh dijangka berkembang sebanyak 3.8% setahun, sementara TFP sebanyak 2.2%. Bagi mencapai pertumbuhan tersebut, produktiviti dan daya saing dalam semua sektor ekonomi mesti dipertingkatkan. Daripada perspektif modal

insan, terdapat keperluan untuk meningkatkan keupayaan bagi menambahkan pengetahuan, inovasi dan juga memupuk minda yang mementingkan produktiviti. Penerimaan dan mengguna pakai teknologi baru sangat penting untuk mewujudkan nilai dan merasionalisasikan kos. Dalam jangka masa panjang adalah menjadi keperluan untuk mengurus kos dalam menjalankan perniagaan memandangkan terdapat peningkatan harga input. Pihak industri perlu sentiasa mencari cara baru yang lebih kreatif dan inovatif untuk terus kekal berdaya saing melalui kecekapan dan keberkesanan operasi. Kerajaan akan terus memperbaiki sistem penyampaian awam, bagi mempermudah dan mengekalkan persekitaran yang kondusif untuk menjalankan perniagaan.

Pada awal tahun 1990-an Malaysia adalah salah sebuah negara yang mencapai pertumbuhan ekonomi pesat kerana disokong oleh kemasukan pelaburan asing langsung (FDI) yang kukuh. Pelabur asing tertarik dengan Malaysia kerana mempunyai kos buruh yang secara relatifnya rendah, persekitaran sosiopolitik yang stabil dan dasar-dasar Kerajaan yang mesra perniagaan. Walau bagaimanapun selepas krisis kewangan Asia pada tahun 1997 dan 1998, pesaing baru untuk mendapatkan FDI seperti China, India, dan Vietnam telah muncul disebabkan negara tersebut mempunyai lebih ramai buruh dan kosnya pula rendah, membolehkan mereka mempunyai daya saing yang lebih ke atas Malaysia. Untuk kekal berdaya saing Malaysia memerlukan tenaga buruh yang berpendidikan tinggi, berkemahiran dan senang dilatih.

Dalam hubungan ini, asas pembangunan modal insan di bawah RMKe-9 adalah seperti berikut:

- i. Melaksanakan penambahbaikan secara komprehensif ke atas sistem penyampaian pendidikan dan latihan;
- ii. Memperkasakan sekolah kebangsaan untuk menjadi sekolah pilihan utama rakyat Malaysia bagi meningkatkan perpaduan negara;
- iii. Melaksanakan langkah bagi merapatkan jurang prestasi antara sekolah luar bandar dengan di bandar;
- iv. Mewujudkan universiti bertaraf antarabangsa dan memastikan pendidikan dan latihan di peringkat tertiar memenuhi keperluan majikan;
- v. Menyediakan lebih banyak peluang dan akses kepada pendidikan, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat yang berkualiti di semua peringkat;
- vi. Memupuk masyarakat yang inovatif dengan keupayaan sains dan teknologi yang kukuh dan memiliki kemampuan memperoleh dan menggunakan pengetahuan;
- vii. Memperkukuhkan perpaduan nasional dan membangunkan masyarakat yang mempunyai prespektif progresif, sistem nilai yang boleh diteladani dan budaya mengutamakan prestasi tinggi serta menghargai tradisi dan warisan; dan
- viii. Memperluaskan dan memperkemas forum perbincangan dan perundingan antara Kerajaan, sektor swasta, ibu bapa dan masyarakat dalam pembangunan modal insan.

Langkah-langkah di atas disokong oleh beberapa insentif fiskal untuk menggalakkan pendidikan dan latihan seperti di bawah:

- i. Pelepasan cukai secara automatik untuk setiap anak yang belajar di institusi pendidikan tempatan dan luar negeri yang diiktiraf;
- ii. Pelepasan cukai ke atas anak kurang upaya yang melanjutkan pelajaran di peringkat tertiar;
- iii. Pelepasan cukai individu sebanyak RM5,000 untuk melanjutkan pelajaran dalam kursus profesional seperti perakaunan dan undang-undang;
- iv. Pengurangan cukai ke atas perbelanjaan oleh institusi pendidikan tinggi swasta dalam usaha membangun dan memenuhi peraturan bagi kursus baru;
- v. Potongan cukai dua kali untuk elaun yang dibayar oleh syarikat awam disenaraikan kepada peserta di bawah Program Latihan Graduan Menganggur.

Pendidikan

Pendidikan merupakan kunci dalam pembangunan modal insan dan meningkatkan kemahiran serta pengetahuan pekerja, membantu mereka melaksanakan tugas dengan lebih baik serta dapat memenuhi keperluan tugas dengan lebih cepat. Asas kemahiran dan pengetahuan yang dimiliki oleh tenaga kerja akan meningkatkan produktiviti dan mendefinisikan profil industri serta perniagaan yang kompetitif dalam ekonomi global yang semakin berdaya saing. Kini ia merupakan tema polisi awam utama di negara Organisasi untuk Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) kerana ia dapat mengurangkan pengangguran dan ketidak seimbangan pendapatan, dan juga merupakan penentu pertumbuhan ekonomi. Oleh kerana ianya penting Malaysia telah memperuntukkan bahagian yang besar daripada perbelanjaannya untuk pembangunan modal insan. Jumlah peruntukan untuk pendidikan dan latihan di bawah RMKe-9 adalah sebanyak RM50.6 bilion atau 23% daripada jumlah peruntukan pembangunan.

Latihan dan Latihan Semula

Banyak negara telah mula sedar tentang kepentingan untuk melengkapkan tenaga kerja dengan kemahiran yang tepat di tempat kerja yang moden dan pelbagai untuk membolehkan mereka melakukan pelbagai jenis tugas dan bekerja dalam sebuah ekonomi berasaskan pengetahuan. Pengenalan teknologi baru juga berkemungkinan memerlukan tenaga yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi. Oleh itu peluang untuk menyertai latihan di tempat kerja dan peningkatan kemahiran amat penting bagi memastikan tenaga kerja kekal produktif dalam persekitaran yang berubah dengan cepat. Dalam hubungan ini Malaysia meletakkan penekanan yang besar untuk menyediakan peluang yang secukupnya kepada tenaga kerjanya bagi memperbaiki kemahiran dan pengetahuan secara berterusan.

Pembelajaran Sepanjang Hayat

Pembelajaran sepanjang hayat telah menjadi keperluan untuk pembangunan ekonomi dalam sebuah ekonomi berasaskan pengetahuan. Memperolehi pengetahuan dan kecekapan baru akan meningkatkan keupayaan seseorang individu dari segi kebolehpekerjaan dan kebolehsesuaian. Pekerja yang berpengetahuan dan terlatih akan membolehkan organisasi dan negara mendahului pesaing mereka. Sehubungan itu, pembelajaran sepanjang hayat merupakan salah satu komponen penting dalam penyelarasan strategi untuk mengalakkan tenaga kerja mahir, berpengetahuan, terlatih dan fleksibel. Bagi mewujudkan peluang pembelajaran di semua tahap kehidupan memerlukan penglibatan semua pihak seperti Kerajaan, sektor swasta, badan bukan kerajaan (NGO), masyarakat, keluarga dan individu. Sebagai contoh di peringkat organisasi pelaburan untuk program pembelajaran sepanjang hayat seharusnya merupakan sebahagian daripada usaha berterusan untuk meningkatkan kecekapan keseluruhan setiap pekerja bagi memastikan mereka bersedia menghadapi cabaran dalam persekitaran pekerjaan. Kerajaan pula akan terus menyediakan infrastruktur fizikal, kemudahan pembelajaran, latihan serta peningkatan kemahiran dan juga menggalakkan rakyat Malaysia menggunakan sepenuhnya kemudahan tersebut bagi tujuan merealisasikan potensi mereka.

Kesimpulan

Pencapaian pertumbuhan TFP yang tinggi adalah sebahagian daripada aspek bagi meningkatkan pertumbuhan dan pembangunan yang berkualiti. Pada teras TFP, pembangunan modal insan merupakan terasnya mencakupi pencapaian pendidikan, peningkatan kemahiran, keupayaan untuk mengguna pakai dan menyesuaikan diri dengan teknologi baru serta berupaya melakukan inovasi, dan menjana ide baru. Pendidikan, latihan dan latihan semula serta pembelajaran sepanjang hayat adalah faktor yang dapat meningkatkan kualiti modal insan dan amat penting untuk melahirkan tenaga kerja yang sangat produktif bagi menghadapi cabaran selaras dengan kemajuan Malaysia untuk mencapai status sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

pelaksanaan suatu sistem pasaran terbuka di mana syarat pekerjaan dapat dirunding di antara majikan, pekerja dan agensi pekerjaan. Sistem terbuka ini akan merangkumi semua pembantu rumah tanpa mengira negara asal.

Pekerja asing juga diambil bekerja dalam industri hospitaliti termasuk hotel, restoran dan lain-lain outlet perniagaan perkhidmatan. Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk menggalakkan pekerja tempatan menceburi industri ini, Kerajaan telah memperuntukkan RM30 juta di bawah RMKe-9 kepada Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) untuk melatih 5,000 rakyat Malaysia setiap tahun bagi memenuhi keperluan industri. Program ini dijangka, antara lainnya, menawarkan skim-skim latihan perantisan yang menjurus kepada pembangunan kemahiran pelbagai tugas dalam industri hospitaliti.

Kerajaan telah mewajibkan majikan dalam sektor pembinaan, pembuatan dan perkhidmatan untuk mengiklankan kekosongan jawatan melalui ELX bagi mewujudkan kesedaran mengenai kewujudan peluang pekerjaan. Majikan dalam ketiga-tiga sektor utama dikehendaki mengiklankan kekosongan jawatan masing-masing dalam jangka waktu ditetapkan, iaitu satu minggu untuk sektor perladangan, dua minggu untuk sektor perkhidmatan dan sebulan untuk sektor pembuatan supaya rakyat Malaysia diberi peluang secukupnya untuk mengisi jawatan tersebut. Sekiranya kekosongan jawatan masih tidak diisi, penggajian pekerja asing boleh dipertimbangkan.

Sehingga akhir Jun 2006 seramai 33,448 **pegawai dagang** (akhir 2005: 33,062) telah bekerja di negara sebagai profesional, pakar dan pekerja mahir, terutamanya dalam sektor perkhidmatan (45.1%) dan pembuatan (39.5%). Sebilangan besar daripada mereka adalah dari India (20.8%), Jepun (11.2%) dan China (10.7%) Sebahagian besar pegawai dagang dari India adalah dalam sektor ICT, manakala dari Jepun dan China bekerja dalam sektor pembuatan Kerajaan terus giat mempromosikan program “*Brain Gain*” sebagai usaha menggalakkan rakyat Malaysia yang berkelayakan dan yang sedang bekerja di luar negara untuk pulang berkhidmat.

Prospek 2007

Ekonomi Malaysia

Pertumbuhan menyeluruh yang berterusan dengan sumbangan positif daripada permintaan domestik yang mapan...

Ekonomi Malaysia dijangka bertambah kukuh pada tahun 2007, meskipun persekitaran luar lebih mencabar. Pandangan optimistik ini adalah berikutan pengembangan berterusan aktiviti sektor swasta serta dasar dan strategi Kerajaan yang pragmatik dalam mempelbagaikan sumber pertumbuhan baru. Pada keseluruhannya, pertumbuhan KDNK benar dijangka berkembang kepada 6% pada tahun 2007 (2006: 5.8%), sejajar dengan sasaran pertumbuhan yang digariskan dalam RMKe-9. Pertumbuhan yang menyeluruh akan berterusan dengan sumbangan positif daripada semua sektor ekonomi. Dengan prospek ekonomi yang menggalakkan, KNK per kapita nominal dijangka meningkat 7.2% kepada RM21,168 (2006: 9.4%; RM19,739), mencerminkan kesejahteraan rakyat yang bertambah baik. Dari segi pariti kuasa beli, pendapatan per kapita dijangka meningkat 6.7% kepada USD12,666 (2006: 11.8%; USD11,871).

Permintaan Dalam Negeri

Sektor swasta terus memacu pertumbuhan...

Sejajar dengan prospek ekonomi yang menggalakkan, **agregat perbelanjaan domestik** benar (tidak termasuk perubahan dalam stok) dijangka terus meningkat 7.1% pada tahun 2007 (2006: 7.8%), disokong sebahagian besar oleh perbelanjaan pelaburan yang lebih tinggi dan perbelanjaan penggunaan yang mapan. **Perbelanjaan sektor swasta** yang diunjurkan meningkat kepada 7.2% (2006: 7.6%) akan terus menyokong kegiatan ekonomi domestik. Sebaliknya, **perbelanjaan sektor awam** dijangka berkembang sederhana sebanyak 6.7% pada tahun 2007 (2006: 8%), disokong oleh perbelanjaan Kerajaan serta perbelanjaan modal Perusahaan Awam Bukan Kewangan

(PABK), terutamanya bagi program dan projek infrastruktur serta pembangunan modal insan dan sosial. Oleh yang demikian, sektor awam dijangka menyumbang lebih rendah sebanyak 2 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK pada tahun 2007 (2006: 2.4 mata peratusan), manakala sumbangan sektor swasta kekal tinggi pada 4.6 mata peratusan (2006: 4.7 mata peratusan).

Perbelanjaan pelaburan swasta dijangka mencatat pertumbuhan mantap sebanyak 10.5%, menyumbang 13% kepada KDNK (2006: 10.1%; 12.5% KDNK) dengan sentimen perniagaan yang bertambah kukuh. Aktiviti pelaburan dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan berkaitan-pembuatan dijangka terus mantap berikutan usaha berterusan Kerajaan mempelbagai dan memperdalamkan lagi sektor pembuatan ke arah mengeluarkan produk bernilai tambah yang tinggi. Tambahan pula, PKS juga dijangka terlibat secara aktif dalam kegiatan ekonomi dalam negeri seperti yang digariskan dalam Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3), 2006-2020 sebagai sebahagian daripada langkah untuk menggalakkan pelaburan langsung domestik.

Aktiviti pelaburan dalam sektor pertanian dijangka memperoleh momentum selaras dengan penekanan semula Kerajaan untuk mencergaskan sektor ini melalui pemodenan dan penggunaan mesin pada skala besar dalam pengurusan ladang. Sementara itu, pelaburan dalam sektor perkhidmatan dijangka terus berkembang untuk mengambil faedah daripada kemajuan teknologi terkini, terutamanya dalam sektor telekomunikasi, perbankan dan kewangan, serta perdagangan dan logistik. Aktiviti pelaburan dalam industri minyak dan gas dijangka berkembang pesat pada tahun 2007, dirangsang oleh harga minyak mentah yang terus tinggi dan permintaan global yang dijangka meningkat di sebalik bekalan yang berkurangan. Penemuan baru bagi simpanan minyak dan gas juga akan menggiatkan lagi pelaburan dalam industri ini.

Selaras dengan keyakinan pengguna yang dijangka kekal teguh berikutan pertambahan pendapatan boleh guna yang sebahagiannya didorong oleh peningkatan pendapatan

eksport dan prospek pekerjaan yang lebih baik, perbelanjaan **penggunaan swasta** diramal meningkat 6.4% pada tahun 2007 (2006: 7.1%). Sementara itu, **penggunaan awam** dijangka kekal kukuh pada 5.4% (2006: 5.5%) dengan peningkatan dalam perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan selaras dengan usaha berterusan untuk memperkemarkan lagi jentera pentadbiran dan menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Bagi jangka masa sederhana dan panjang, inisiatif ini akan membantu meningkatkan lagi produktiviti dan daya saing negara yang mana ini akan membantu merangsang pertumbuhan ekonomi. Selaras dengan pelaksanaan RMKe-9, sebanyak RM44,510 juta diperuntukkan bagi perbelanjaan pembangunan pada tahun 2007 (2006: RM35,814 juta) yang seterusnya meningkatkan perbelanjaan pelaburan awam benar sebanyak 8% (2006: 10.6%). Pertambahan pelaburan ini juga akan disokong oleh perbelanjaan modal PABK.

Prospek Mengikut Sektor

Pertumbuhan lebih tinggi dengan prospek sektor pembinaan yang lebih cerah...

Dari segi penawaran, semua sektor diunjur mencatat pertumbuhan positif dengan diterajui sektor pembuatan dan perkhidmatan. Sektor pembuatan dijangka berkembang seiring dengan permintaan elektronik global yang mapan dan aktiviti ekonomi domestik yang terus mantap. Sektor perkhidmatan diunjur mengukuh hasil daripada TMM 2007 yang akan meningkatkan aktiviti pelancongan dan menjana pendapatan yang lebih tinggi, khususnya bagi subsektor perdagangan runcit dan borong serta hotel dan restoran. Peningkatan kapasiti dalam infrastruktur pengangkutan, pertambahan pelaburan dalam industri perkhidmatan komunikasi serta kecergasan aktiviti kewangan dan aktiviti berkaitan perniagaan akan terus menyokong momentum pertumbuhan sektor perkhidmatan. Sementara itu, sektor pertanian dijangka terus berkembang berikutan harga komoditi yang menggalakkan dan usaha Kerajaan yang berterusan untuk mempelbagai dan memodenkan sektor ini, terutamanya dalam pengeluaran

komoditi makanan bagi membantu mengurangkan bil import makanan yang tinggi. Pertumbuhan sektor pembinaan pula dijangka meningkat, dirangsang oleh pelaksanaan projek infrastruktur dalam RMKe-9.

Pertumbuhan **sektor pembuatan** dijangka kukuh pada kadar 6.8% (2006: 7.3%) berikutan peningkatan perdagangan intra-rantau dan kecergasan aktiviti ekonomi domestik. Pertumbuhan ini disokong oleh pembangunan baru dan anjakan ke arah proses pembuatan berteknologi dengan peningkatan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D). Pembangunan kluster elektronik di koridor utara Semenanjung Malaysia, termasuk pembesaran Taman Teknologi Tinggi Kulim akan memenuhi peningkatan permintaan bagi aktiviti pembuatan elektronik berteknologi tinggi. Pembangunan kluster perindustrian di koridor lain seperti yang digariskan dalam RMKe-9 akan terus memacu pertumbuhan sektor pembuatan, khususnya pembangunan kluster petrokimia di Koridor Pembangunan Pantai Timur (KPPT) dan Wilayah Pembangunan Ekonomi Johor Selatan (SJER) serta POIC di Sabah. Pembangunan kluster ini akan memberi manfaat kepada industri berkaitan. Ini termasuk industri berkaitan pembinaan seperti besi dan keluli; simen dan campuran simen serta produk kimia dan bahan kimia seperti baja dan LPG.

Sektor pertanian diunjur berkembang pada kadar 4.7% pada tahun 2007 (2006: 5.3%), disokong sebahagian besarnya oleh pengeluaran minyak sawit yang kekal tinggi dan peningkatan output tanaman makanan. Pertambahan kawasan matang, peningkatan hasil buah tandan dan kadar perahan minyak yang lebih tinggi dijangka menyumbang kepada peningkatan output minyak sawit. Pengeluaran getah dijangka mencatat kenaikan sederhana disebabkan sebahagian besarnya oleh peningkatan aktiviti penorehan berikutan jangkaan harga dan permintaan yang kekal tinggi. Pengeluaran makanan dijangka terus meningkat selaras dengan dasar Kerajaan untuk mengurangkan bil import makanan dan memenuhi keperluan negara pada tahun 2010 melalui pertambahan kawasan tanaman, pemulihan tanah terbiar dan mekanisasi sektor pertanian serta menggalakkan amalan pertanian yang baik. Aktiviti yang dijangka dapat meningkatkan pertumbuhan

sektor pertanian termasuk akuakultur, perikanan laut dalam, penanaman rumpai laut, pembiakan ikan hiasan, florikultur dan penanaman herba.

Pertumbuhan **sektor perlombongan** dijangka meningkat kukuh sebanyak 4.5% pada tahun 2007 (2006: 2.4%) disumbangkan oleh pengeluaran **minyak mentah dan gas** yang lebih tinggi, berikutan peningkatan kapasiti aktiviti hulu. Output minyak mentah dijangka meningkat 5.5% (2006: 3%) berikutan jangkaan peningkatan pengeluaran medan minyak baru yang mula beroperasi pada tahun 2007. Pengeluaran gas asli dijangka meningkat 3.3% (2006: 3.5%) disokong oleh penggunaan kapasiti yang lebih tinggi di loji MLNG2 dan MLNG3 di Sarawak.

Sementara itu, **sektor pembinaan** dijangka berkembang pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 3.7% pada tahun 2007 (2006: 0.7%), didorong oleh peningkatan aktiviti kejuruteraan awam, berikutan pelaksanaan projek infrastruktur baru di bawah RMKe-9. Antara projek utama yang dijangka menggalakkan kegiatan sektor ini termasuk jambatan kedua dan monorel di Pulau Pinang serta projek SJER. Aktiviti subsektor kediaman dan bukan kediaman juga dijangka kekal cergas, disokong oleh permintaan yang berterusan bagi perumahan dan aktiviti perniagaan dan perdagangan yang memberangsangkan.

Sejajar dengan perkembangan ekonomi yang menggalakkan, **sektor perkhidmatan** dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 6% pada tahun 2007 (2006: 5.7%). Pertumbuhan diramal menyeluruh didorong oleh permintaan terhadap perkhidmatan runcit dan hospitaliti, telekomunikasi, pengangkutan serta perkhidmatan perniagaan dan kewangan. Pertumbuhan sektor pelancongan dijangka disumbangkan oleh ketibaan pelancong yang lebih ramai serta program dan aktiviti promosi khusus bersempena TMM 2007. Sejumlah 20.1 juta pelancong dijangka tiba pada tahun 2007 (2006: 17.5 juta). Manakala, pertambahan pinjaman bank dan aktiviti kewangan lain meningkatkan lagi kegiatan subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perniagaan. Subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi diramal mencatat pertumbuhan kukuh hasil daripada pertambahan kapasiti dalam infrastruktur pengangkutan, pelaburan oleh syarikat telekomunikasi serta

kecergasan aktiviti perniagaan dan industri berkaitan perdagangan. Selain daripada itu, pembangunan dan kemajuan pesat di sekitar Pelabuhan Klang akan terus merangsang aktiviti pelabuhan, pengangkutan logistik dan aktiviti berkaitan perniagaan dan mendorong pertumbuhan subsektor tersebut.

Perdagangan Luar

Lebihan akaun semasa kekal besar...

Imbangan pembayaran Malaysia bagi tahun 2007 dijangka kekal teguh dengan akaun semasa merekodkan lebihan yang besar untuk tahun kesepuluh berturut-turut sejak 1998. Imbangan akaun semasa berpunca daripada lebihan yang kukuh dalam akaun barangan sebanyak RM145,752 juta. Eksport (f.o.b) dijangka bertambah 9% kepada RM655,215 juta berikutan permintaan E&E global yang kekal kukuh serta harga komoditi yang teguh, sementara import (f.o.b) akan meningkat lagi sebanyak 10% kepada RM509,463 juta. Seperti dalam tahun-tahun kebelakangan ini, barangan pembuatan adalah penyumbang terbesar kepada keseluruhan eksport manakala barang pengantara merupakan bahagian terbesar kepada keseluruhan import.

Akaun perkhidmatan dijangka merekodkan defisit yang lebih tinggi pada tahun 2007. Sebaliknya, defisit dalam akaun pendapatan akan mengecil berikutan penghantaran balik keuntungan dan dividen oleh syarikat Malaysia yang beroperasi di luar negara. Aliran keluar bersih dalam akaun

pindahan yang sebahagian besarnya terdiri daripada penghantaran balik wang oleh pekerja asing dijangka meningkat sedikit pada tahun 2007. Lebihan dalam akaun barangan dijangka lebih dari mencukupi bagi mengimbangi aliran keluar dalam akaun perkhidmatan, pendapatan dan pindahan. Sehubungan itu, akaun semasa akan terus mencatat lebihan yang besar bersamaan 16.5% daripada KNK pada tahun 2007 (2006: 16.7% daripada KNK).

Kedudukan Sumber Negara

Lebihan tabungan-pelaburan terus kekal besar...

Sejajar dengan pengembangan aktiviti ekonomi domestik dan pendapatan eksport yang lebih tinggi, KNK pada harga semasa dianggar mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 9.4% pada tahun 2007 (2006: 11.6%). TNK akan meningkat 10.3% kepada RM221,544 juta pada tahun 2007 (2006: 15.2%; RM200,836 juta) dengan mengambil kira pertumbuhan 9.3% bagi jumlah perbelanjaan penggunaan. Oleh itu, bahagian TNK mengikut peratusan kepada KNK akan kekal tinggi pada kadar 38.5% (2006: 38.2%). Walaupun jumlah perbelanjaan pelaburan (termasuk perubahan dalam stok) dianggar meningkat kukuh sebanyak 12.3% kepada RM126,825 juta dan merupakan 22% daripada KNK (2006: 14.4%; RM112,962 juta; 21.5%), **jurang tabungan pelaburan** pada tahun 2007 dijangka kekal besar sebanyak RM94,719 juta atau 16.5% daripada KNK (2006: RM87,874 juta; 16.7%).